

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**Shah Alam, Isnin 13 Julai 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)  
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)  
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)  
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Setiausaha**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Timbalan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**YB PUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**YB PUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Puan Speaker soalan nombor 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. CHEAH WING YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: SKIM WARGA USIA EMAS**

32. Skim warga usia emas merupakan salah satu tanda cara kerajaan Pakatan Rakyat untuk merakyatkan ekonomi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peratus penduduk usia emas telah di daftarkan?
- b) Berapakah peratus OKU ( Orang Kurang Upaya) telah didaftarkan?
- c) Apakah langkah yang digunakan untuk memperluaskan penyertaannya?

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Puan Speaker, sehingga satu Julai 2009 sejumlah lapan pulun enam ribu sembilan pulun tiga orang atau pun 40.5 peratus daripada dua ratus tiga puluh enam ribu seratus tujuh puluh sembilan warga emas berumur enam puluh tahun ke atas telah pun mendaftarkan diri untuk menyertai skim usia mesra emas di negeri Selangor. Soalan kedua, semua orang yang kurang upaya tidak mengira umur yang telah pun mendaftarkan diri di jabatan-jabatan kebajikan masyarakat yakni sebanyak sembilan puluh tiga ribu enam ratus tiga belas orang, orang kurang upaya yang telah pun layak untuk menerima skim usia mesra emas ini. Memandangkan mulai bulan Januari yang lepas kita telah pun membuka skim ini

kepada orang kurang upaya. Walau bagaimana pun sehingga 26 Jun 2009 hanya 4 peratus ataupun 412 orang, orang kurang upaya yang dapat manfaat ini memandangkan, memandangkan pemberian ini diberikan kepada orang kurang upaya yang telah pun meninggal dunia. Bagi soalan nombor tiga, Puan Speaker, bagi tujuan memperluaskan penyertaan skim ini juga telah turut diperpanjang kepada warga emas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai April 2009. Memandangkan kriteria yang ditetapkan bahawa warga Negara Selangor yang lahir sebelum Satu Februari 2004 juga layak untuk menerima skim usia mesra emas ini. Dengan ini ingin saya nyatakan di sini untuk mengikut syarat-syarat yang ditetapkan kita dapati bahawa mulai 1 Januari 2009 sehingga 2006 sejumlah 143 orang atau 3.59 peratus daripada tiga ribu sembilan ratus lapan puluh lapan orang warga emas yang telah pun mendaftarkan diri yang telah pun menerima bayaran sekurang-kurangnya satu ribu yang pertama melalui pusat khidmat DUN masing-masing. Justeru itu beberapa langkah turut diaturkan oleh kerajaan Selangor bagi tujuan publisiti ataupun promosi dan memperluaskan penyertaan skim ini di masa-masa akan datang seiring dengan agenda merakyatkan ekonomi negeri Selangor. Jadinya publisiti ini telah dibuka beberapa keadaan. Pertamanya kita terus memperkasakan fungsi pusat-pusat khidmat masyarakat DUN. Yang Keduanya kita memanjangkan urusan pendaftaran dan prosedur di semua Pejabat Tanah Daerah di Selangor khususnya di bahagian Pembangunan Tanah Pembangunan masing-masing. Yang Ketiganya kita juga membuat publisiti melalui media cetak rasmi dan elektronik iaitu dengan kerjasama dengan CCSB Communication Corporation Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat di bawah Menteri Besar Incorporated menggunakan saluran TV Selangor. Yang Keempatnya, kita juga Insya-Allah beberapa masa yang terdekat ini akan menaikkan *billboard* merakyatkan ekonomi Selangor yang mana kita kenal pasti sekurang-kurangnya satu DUN atau satu PBT akan menaikkan satu *billboard* yang besar yang menceritakan tentang skim yang telah pun ditawarkan di bawah merakyatkan ekonomi negeri Selangor. Dan yang tidak dilupakan akhirnya program turun padang yang dilakukan bersama dengan JKK Kampung dan juga MPP ataupun Majlis Perwakilan Penduduk di bawah Ahli Majlis juga dilaksanakan. Sekian, Puan Speaker.

**YB PUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Baru-baru ini kita ada menerima maklumat bahawa skim mesra usia emas ini yang mana sebelum ini pembayaran telah pun dibuat dalam tempoh dua puluh empat jam apabila berlaku kematian. Tetapi baru-baru ini ada arahan bahawa setiap mereka yang mati ini mestilah didaftarkan dahulu dan memerlukan tempoh empat hari. Jadi kita nak tahu sebenarnya apa yang berlaku. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Sri Muda. Puan Speaker, untuk menjelaskan perkara ini, kita pihak kerajaan telah pun mengarahkan bahawa sehingga 30 Jun mana-mana warga emas yang meninggal perlulah disampaikan sumbangan dalam tempoh dua puluh empat jam. Begitu juga kita bagi sedikit keringanan dan kelonggaran mana-mana warga emas yang belum didaftarkan, tetapi meninggal kita mengizinkan perkara itu dibuat dalam tempoh dua puluh empat jam. Tetapi selepas satu ataupun tiga puluh Jun, kita, pembayaran hanya dibuat kepada mana-mana warga emas yang telah didaftarkan terlebih dahulu. Jadi mana-mana warga emas yang tidak didaftarkan terlebih dahulu kerajaan tidak ada komitmen untuk memberi dalam tempoh dua puluh empat jam. Maknanya kita beri dalam tempoh empat hari hingga enam hari baru kita boleh turun padang. Ini semua adalah untuk memperkemaskan *system data base* yang kita tidak boleh lagi *reack*, maknanya ada orang meninggal, dia belum daftar terus bagi. Ini akan menyusahkan pentadbiran satu, dan keduanya kita mahu sebenarnya warga-warga emas ini terlebih dahulu didaftarkan untuk memudahkan program-program yang akan datang. Sekian.

**YB PUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Hendak minta penjelasan berkenaan dengan publisiti yang berkenaan dengan skim warga emas yang ada di cetakan media cetak rasmi. Saya nak tanya sama ada usaha-usaha dibuat melalui surat akhbar di pelbagai bahasa, bahasa cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan sebagainya.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Damansara Utama, Puan Speaker, untuk makluman semua bahawa publisiti melalui dari media cetak juga sedang ataupun diteruskan melalui akhbar cina, Tamil dan juga Selangor Kini, tetapi kita hadkan hanya untuk media cetak yang berbahasa Melayu hanya Sinar dan Insya-Allah hanya Metro sahaja yang sudi untuk menerima publisiti yang diletakkan, iklan-iklan yang dimuatkan di bawah akhbar masing-masing. Dan yang pentingnya publisiti menawarkan atau meletakkan iklan untuk pembukaan pendaftaran, tetapi kita juga sebenarnya sentiasa mempromosikan melalui program-program yang dilaksanakan, kita menceritakan manfaat-manfaat yang telah didapati di seluruh negeri Selangor. Sekian.

**YB PUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Puan Speaker. Baru-baru ini saya ada terima satu surat dari waris keluarga skim warga emas, usia emas dari Klang. Dalam surat itu beliau mengatakan ke tidak puashatian kepada Kerajaan Negeri Selangor mengenai skim warga usia emas, kerana-kerana, soalan saya sekarang Puan Speaker, kerana beliau yang daftar, sebagai waris yang daftar dalam skim warga usia emas. Apabila ahli keluarga beliau meninggal, orang yang mendapat sumbangan itu adalah orang lain. Jadi surat itu adalah salinan kepada saya, kalau tak silap saya hari ini saya tak bawa. Memang dia tulis kepada YAB Menteri Besar dan EXCO yang berkenaan. Inilah soalan saya kenapa orang yang daftar tak dapat sumbangan ini, orang yang tidak daftar boleh dapat sumbangan skim warga usia emas. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Sungai Pelek. Puan Speaker, aduan ini sebenarnya tidak sampai kemeja saya. Tapi apa pun ingin saya nyatakan bahawa kes-kes begitu sepatutnya tidak berlaku dan saya nyatakan di sini bahawa prosedur yang kita telah letakkan kita tidak akan bagi duit satu ribu itu pada masa kematian kepada mereka yang namanya tidak merupakan penama kepada sepertimana yang telah diletakkan dalam borang. Jadi saya mohon perkara ini dipanjangkan kepada saya dan Insya-Allah saya akan melihat tentang perkara ini. Terima kasih.

**YB PUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Puan Speaker soalan nombor 33.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA**

33. Peruntukan Dana Pembangunan Industri Kecil Sederhana (IKS) adalah pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi bagi negeri ini yang merangkumi kepada pelbagai sektor iaitu pembuatan, pemakanan, pertanian dan sebagainya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Kumpulan sasaran yang telah menggunakan peruntukan Dana Pembangunan Industri kecil Sederhana melalui sektor-sektor yang diceburi oleh pengusaha-pengusaha yang terlibat ?
- b) Jumlah peruntukan dana yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk tempoh lima (5) tahun bagi membiayai pelbagai sektor.
- c) Prestasi sektor-sektor yang mampu untuk berdaya saing di dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai usahawan berjaya.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum WBT* Puan Speaker, terima kasih di atas keprihatinan Sungai Air Tawar untuk mengemukakan soalan, Kerajaan Negeri akan terus memaju IKS di Negeri Selangor untuk meningkatkan jumlah usahawan-usahawan kecil di negeri Selangor. Permohonan boleh dibuat terus kepada UPEN melalui Pejabat Daerah. Kemudian siasatan akan dibuat kepada mereka yang benar-benar layak iaitu sekurang-kurangnya telah mengusahakan IKS selama dua tahun dan mempunyai potensi untuk berdaya maju. Sesi *interview* akan dibuat dan seterusnya peserta yang layak ini hendaklah menghadiri kursus usahawan selama tiga hari dan ia wajib. Program susulan akan diberi memastikan memantau usahawan-usahawan ini terus berdaya maju dan berdaya saing. Selama lima tahun 2005 hingga 2009 seramai 488 usahawan IKS telah dibantu untuk bajet setahun sejuta. Di bawah program dana industri kecil usahawan diberikan kepada beberapa sub sektor, pembuatan, iaitu makanan, perabot, kraf tangan, jahitan dan bahan-bahan binaan. Berdasarkan sub sektor ini dikenal pasti sub sektor pembuatan makanan merupakan sektor paling berdaya saing dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai usahawan berjaya.

**YB PUAN SPEAKER:** Ok Sungai Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Puan Speaker, terima kasih kepada EXCO kerana jawapannya. Soalan tambahan saya. Apakah Kerajaan Negeri sudah mengemaskan Pangkalan Data Usahawan IKS yang terkini bagi Negeri Selangor tahun ini dan tahun lepas, dan berapa ramai kah? jumlah yang ada lengkap dengan butiran-butirannya serta usahawan di pelbagai sektor yang berjaya.

Yang Kedua, bolehkah? YB Sebutkan kepada saya kerana dulu masih ramai usahawan-usahawan kecil yang telah berjaya mengeksport barangan keluar Negara dan masih adakah

mereka lagi, dan bolehkah? disebutkan 5 orang usahawan yang berjaya yang masih aktif lagi pada masa kini. Sekian, Terima kasih.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Puan Speaker, jumlah untuk 2007, 2008 yang mendapat bantuan kita ada, jumlah sebenar IKS saya minta tempoh untuk memberi jawapan. Usahawan-usahawan yang telah memasuki pasaran eksport sebelum 2008, mereka masih terus berdaya saing untuk memasuki pasaran eksport, contohnya untuk memasuki pasaran kerepek di kawasan Sepang, dan Kuala Langat, nama-namanya saya akan beri kemudian dan kita terus memacu dalam bidang-bidang baru dalam IKS.

Nampaknya industri cendawan mendapat tempat sekarang ini, sebab industri hiliran cendawan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, di samping kita kekalkan IKS-IKS yang lain asas kita bantu ialah sekurang-kurangnya IKS tersebut, boleh memberi peluang pekerjaan kepada kawan-kawan lain di sekitarnya, sebab industri jahitan kita kurangkan sebab industri jahitan tidak mengembangkan peluang-peluang pekerjaan. Terima Kasih.

**YB PUAN SPEAKER:** Silakan Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih. Puan Speaker, soalan no. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: PUSAT KEBUDAYAAN CINA NEGERI SELANGOR**

34. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor setakat ini?
- b) Di manakah ia akan diadakan?
- c) Bilakah kerja Pusat Kebudayaan Cina dapat dijalankan dan berapa banyak peruntukan Kerajaan Negeri bagi projek ini?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PENG:** Puan Speaker, pada April 2008, tapak asal iaitu di Sungai Kapar Indah 2, Klang telah dibatalkan kerana tapak tersebut di dapati tidak sesuai untuk dijadikan tapak pelancongan dan juga tapak pusat kebudayaan cina negeri Selangor, sejak itu, beberapa misi untuk mengenal pasti tapak-tapak yang lebih sesuai telah dijalankan di mana ciri-ciri seperti infrastruktur sejarah dan warisan dititikberatkan, akhirnya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah membuat keputusan untuk meletakkan tapak-tapak pusat kebudayaan Cina, India dan Melayu di persekitaran sungai Klang di mana projek merangsang ekonomi Selangor dan juga membersihkan Sungai Klang akan dijalankan.

Untuk menunjukkan betapa serius Kerajaan Negeri Selangor tentang projek pusat kebudayaan Cina, di negeri Selangor dan juga pusat kebudayaan Melayu dan India peruntukan akan dibentangkan untuk pusat-pusat tersebut dalam bajet yang akan datang pada tahun 2010 dan 2011.

**YB PUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Puan Speaker. Apakah? perancangan kerajaan yang lebih diutamakan dalam mendirikan pusat kebudayaan ini, dari segi keutamaan umpamanya mendirikan pusat kebudayaan perdana Malaysia daripada mendirikan pusat kebudayaan yang bersifat kaum, kerana kalau kaum Cina menuntut pusat kebudayaan, mungkin kaum India, Iban, Bidayuh, Punjabi dan sebagainya juga akan menuntut sebagai pusat kebudayaan masing-masing, tidakkah? Lebih baik pusat kebudayaan Perdana Malaysia yang diutamakan.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PENG:** Terima kasih. Bangi. Memang isu ini di debat dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) akhirnya saya rasa semua pihak dalam EXCO telah memutuskan bahawa buat sementara ini kita ingin membina ketiga-tiga pusat untuk memberi ketiga-tiga kaum yang utama di Negeri Selangor satu tapak di mana kesejarahan, warisan dan kebudayaan itu boleh dipaparkan. Namun begitu memang kita ada beberapa tapak tiga-tiga budaya itu boleh dipapar dan juga dipaparkan kepada semua orang awam iaitu sebagai contohnya di Muzium Negeri Selangor dan juga beberapa tapak kebudayaan di Shah Alam termasuk yang terbaru ini iaitu di *Royal Theater*.

**YB PUAN SPEAKER:** Sabak.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL:** Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK: STATUS RUMAH EXCO SELANGOR**

35. Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar.

- a) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri terhadap tempat kediaman Exco Selangor.
- b) Berapakah kos yang perlu dibayar kepada kontraktor untuk menyelenggarakan rumah Exco tersebut.
- c) Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh kontraktor yang menyelenggarakan kediaman Exco itu dan adakah berbaloi dengan perbelanjaan yang dikeluarkan sedangkan ianya menjadi gajah putih sahaja.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Speaker, menjawab soalan apakah perancangan jangka pendek, dan jangka panjang kerajaan negeri terhadap tempat kediaman EXCO Selangor, buat makluman Dewan yang mulia bahawa dari 10 banglo Kerajaan Negeri di seksyen 7, 2 unit sedang diduduki oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri sementara Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan 2 unit untuk diduduki oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, dan Yang Arif Hakim Syarie, untuk unit-unit selebihnya De Palma Hotel Sdn Bhd sebuah anak syarikat PKNS telah bersetuju untuk mentadbir dan memasarkannya. Ianya akan dipasarkan untuk sewaan jangka pendek atau jangka panjang sama ada untuk tetamu-tetamu

Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan Negeri atau anak syarikat Kerajaan Negeri seperti pelabur-pelabur atau orang-orang kenamaan yang lain. Selain dari itu, De Palma juga akan memasarkan atau mempromosikan banglo-banglo itu, untuk acara-acara khusus seperti Mesyuarat berprofil tinggi dan perjumpaan-perjumpaan korporat.

Buat makluman, Yang Berhormat satu unit banglo telah diperlengkap untuk acara-acara ini bagi mempromosikannya kepada yang berminat. De Palma telah menganjurkan beberapa majlis untuk mempromosikan banglo-banglo ini, majlis-majlis itu adalah untuk ahli-ahli korporat, majlis untuk *event managers* atau pengurus acara, majlis untuk *travel agen* ataupun agen pelancongan. Lebih kurang 120 orang daripada 28 organisasi telah hadir di majlis-majlis itu dan menunjukkan minat untuk menjadikan banglo itu sebagai sebahagian daripada program mereka, dijadikan program mereka. Untuk jangka panjang banglo ini akan terus diuruskan keseluruhannya oleh De Palma, untuk sewaan jangka pendek dan jangka panjang.

Soalan kedua pula, berapakah? Kos yang perlu dibayar kepada kontraktor untuk menyelenggarakan rumah EXCO tersebut, kos penyelenggaraan setahun adalah RM1,950,000.00 ataupun 1.95 juta setahun ataupun RM162,500.00 sebulan bagi 10 banglo. Syarikat yang telah dilantik adalah *Syarikat Adilop Sdn Bhd*. Yang menandatangani kontrak pada Mac 2007 sehingga Mac 2012. Pembatalan kontrak sekiranya hanya akan boleh dilakukan sekiranya syarikat menjalankan tugas atau gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab. Kerajaan Negeri walau bagaimanapun sekiranya dan kita melihat jumlah ini tinggi kerajaan negeri berhak mengeluarkan kerja-kerja atau skop-skop daripada kontrak tersebut, dan kita telah mengadakan beberapa perbincangan dengan syarikat itu, dan bertujuan untuk mengeluarkan atau mengecilkan skop kontrak mereka, dan kita juga berpendapat selain daripada menjalankan *maintenance* atau penyelenggaraan secara komprehensif kepada bukan komprehensif dan hasil daripada perbincangan tersebut, daripada 1.6 juta RM162,500.00 sebulan itu kita berharap untuk menurunkan jumlah itu kepada jumlah yang lebih kecil syarikat telah mencadangkan diturunkan kepada RM135,600.00 bagi setiap banglo bulan tetapi kita mencadangkan supaya ia diturunkan kepada separuh daripada jumlah tersebut. Dan perkara ini akan kita muktamadkan sekali gus dengan kemasukan De Palma secara rasmi. Insya-Allah benda ini sedang berjalan kita tengah meletakkan skop kerja yang perlu dilakukan atau *term of reference* yang perlu lakukan oleh pihak De Palma dan perlu dimuktamadkan kemungkinan besar pada akhir bulan Ogos.

Soalan yang seterusnya. Apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan dengan kos tersebut, di antaranya adalah perkhidmatan mekanikal iaitu menjaga peralatan-peralatan yang ada seperti sistem penghawa dingin, *buster pump* dan sistem air, lepas itu, perkhidmatan elektrik sama ada membaiki dan menyelenggarakan peralatan-peralatan elektrik yang ada selain daripada membuat penggantian perkara-perkara yang mengalami kerosakan dan juga perkhidmatan sivil iaitu seperti pemantauan kerja-kerja bangunan seperti sistem paip, sistem pengecatan dan seterusnya perkhidmatan awam seperti *general services*, iaitu membersihkannya setiap hari dan juga adalah satu perkara lagi adalah untuk menyelenggarakan kolam renang yang ada, dan juga kawalan serangga, kawalan keselamatan.

Soalan yang terakhir adalah sama ada berbaloi atau tidak kontraktor yang dibayar menyelenggarakan. Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh kontraktor yang menyelenggarakan rumah EXCO itu, dan apakah berbaloi dengan perbelanjaan yang dikeluarkan sedangkan ianya menjadi gajah putih. Saya merasakan bahawa Kerajaan Negeri merasakan bahawa setelah kita dapat mengambil perkhidmatan daripada De Palma. Insya-Allah ianya tidak akan menjadi gajah putih lagi, dan akan menjadi aset yang berharga untuk negeri dan akan digunakan sepenuhnya. Terima kasih.

**YB PUAN SPEAKER:** Kampong Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Puan Speaker. Kampung Tunku ingin bertanya tentang apakah nilai terkini rumah EXCO Selangor di Seksyen 7 ini, kerana baru-baru ini kita agak keliru dengan nilai hartanah banglo di Seksyen 7, Shah Alam ini, kerana kita ada Mantan Menteri Besar yang memiliki sebuah rumah dikatakan 3.5 juta sahaja untuk saiz lantai 50,000 kaki persegi, dan saya rasa ini agak mengelirukan kerana sehingga Dr. Mahathir sendiri mengata bahawa beliau pun tidak faham bagaimana banglo sebegini besar boleh hanya bernilai 3.5 juta sahaja dan meminta Ahli Dewan Negeri yang berkenaan untuk memberi penjelasan. Saya minta kalau boleh EXCO memberi penjelasan nilai hartanah di sana.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Kita sebenarnya tidak membuat penilaian sebab mengikut perancangan pada asalnya kita hendak menjual tetapi apabila kita tidak berminat ataupun kita tidak mengambil perancangan untuk menjual jadi kita tidak membuat penilaian terperinci di dalam perancangan untuk menjualnya.

**YB PUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Speaker macam tak nampak pagi ini.

**YB PUAN SPEAKER:** Saya nak bagi peluang kepada pembangkang, tetapi Sekinchan bangun.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok, ok. Soalan tambahan. Sebelum saya kemukakan soalan, saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Sabak kerana telah *recognize* mengesahkan bahawa projek ini adalah projek gajah putih. Maknanya Yang Berhormat Sungai Panjang itulah pencipta gajah putih. Dan soalan saya ialah apakah garis panduan dan kriteria yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan Negeri pada ketika tahun 2007 itu. Ia membuat satu perjanjian kos penyenggaraan yang begitu tinggi sehingga sebulan perlu RM162,000.00 dan kontraknya lebih daripada tiga tahun untuk dibuat semakan setiap tahun. Bukan setiap tahun buat semakan tapi lebih tiga tahun. Saya hendak tahu kenapa, apakah garis panduan dan kriteria yang diguna pakai ataupun ada berlaku apa-apa unsur salah guna kuasa. Sekian, terima kasih.

**YB ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Memang kita, kita melihat bahawa kontrak yang diberikan itu ada perkara-perkara yang begitu tinggi yang seperti mana yang kita lihat bahawa ada yang tidak perlu dilakukan sebab ianya secara *comprehensive* bermakna perlu ada *standing supervision* di situ. Yang sebenarnya tidak perlu ada *standing supervision*. Banyak perkara-perkara yang tidak perlu ada. Itu sebabnya kita bercadang untuk supaya mengurangkan skop kerja tersebut. Kalau kita hendak bertanya tentang perkara yang tinggi saya rasa benda ini samalah seperti perjanjian-perjanjian yang lain yang dilakukan sebelum 8hb. Mac, semuanya kadang kalau-kalau kita lihat dari segi profesional memang tidak profesional. Tetapi Kerajaan Negeri yang sekarang bertanggungjawab, kita kena selesaikan masalah dan tanggungjawab kita adalah untuk mengurangkan kos tersebut supaya kita dapat mengurangkan bebanan kepada rakyat. Insya-Allah.

**YB PUAN SPEAKER:** Ia, Sabak.

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL:** Setelah pelancaran promosi rumah EXCO tersebut berapakah kutipan sewaan yang telah diperolehi oleh Kerajaan terhadap rumah-rumah tersebut.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Setakat ini kita belum lagi memungut sebarang sewa sebab kita berhadapan ataupun kita berurusan dengan anak syarikat kita sendiri. De Palma adalah anak syarikat kita sendiri. Jadi bermakna kita tahu bahawa rumah EXCO ini sebelum berlaku pilihan raya ia sudah menjadi suatu, memberi satu publisiti yang buruk kepada Kerajaan Negeri sehingga apabila kita hendak mempromosikan untuk disewakan ramai yang tidak berminat oleh kerana mungkin ialah kena tanya masyarakat Cina, dia ada kata yang kata feng shui tak baguslah, macam-macam. Sebab publisiti yang tidak bagus yang telah menyelubungi akan rumah EXCO ini kita susah hendak mencari penyewa. Walaupun kita telah turunkan ke harga yang paling murah tetapi sekarang ini kita berhadapan ataupun kita berurusan dengan pihak anak syarikat Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu kita rasa buat masa ini kita perlulah bantu untuk memulakan dia punya promosi Insyaa-Allah. Terima kasih.

**YB PUAN SPEAKER:** Ok, Pelabuhan Klang.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Puan Speaker saya menggunakan Peraturan Tetap 24 (2) untuk mengambil soalan tersebut.

**YB PUAN SPEAKER:** Ok, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK: PENGLIBATAN SERTA SUMBANGAN SYARIKAT KORPORAT DAN GLC DI DALAM MEMBANTU PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- b) Berapa peratus penglibatan dan sumbangan syarikat-syarikat korporat dan GLC di dalam membantu pembangunan Kerajaan Negeri terutama di kawasan kurang membangun / di kawasan pendalaman?
- c) Selain itu, pihak tersebut juga membantu projek pelancongan seperti *Homestay* dan Eko-Tourism di kawasan yang berpotensi tanpa mengambil keuntungan yang besar.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Pelabuhan Klang mengemukakan soalan mengenai sumbangan syarikat korporat dan GLC di Negeri Selangor dan kepada pembangunan Negeri Selangor. Pertama, kita perlu asingkan dua aspek. Pertama, aspek perniagaan, kedua, aspek pemberian sumbangan untuk kebajikan. Sebelum 2008, cara pengendalian syarikat-syarikat korporat dan GLC negeri tidak dipantau secara menyeluruh atau disatukan. Syarikat-syarikat itu beroperasi dengan sendirinya. Walaupun ada MB Incorporated (Perbadanan Menteri Besar) tetapi Perbadanan Menteri Besar ini diselitkan ataupun dimasukkan dalam jajaan kumpulan Darul Ehsan Berhad. Perkara ini ditegur oleh Audit Negara kerana cara tersebut tidak betul sehinggakan KDEB dibagi kuasa mutlak untuk mengendalikan MB Incorporated yang dalam jajaan KDEB, bukan dalam jajaan Menteri Besar.

Sebaliknya, saya mengambil masa untuk membetulkannya dan pada Disember 2008 dan sekarang sudah ada syarikat induk yang betul iaitu MB Incorporated yang menguasai dan mengawas semua syarikat dalam jajaan dan milikan Kerajaan Negeri Selangor. Kita sudah betulkan dan KDEB tidak lagi menguasai MB Incorporated sebaliknya KDEB itu dalam jajaan

MB Incorporated. Oleh itu, syarikat-syarikat Perbadanan Kerajaan, syarikat-syarikat milikan Kerajaan, syarikat-syarikat Kerajaan yang mempunyai pelaburan boleh disatukan dalam *report* yang disebut MB Incorporated dan akhir tahun ini Ahli Dewan boleh mendapat laporan tentang keseluruhan pelaburan Kerajaan Negeri dan statusnya sebagai satu kertas laporan dalam MB Incorporated. Itu satu perkara yang jelas. Kalau tidak tiap-tiap syarikat tersebut menjalankan usaha-usahanya tertentu. Tetapi boleh jadi Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui tentang usaha-usaha kebajikan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini.

Bagi saya daripada segi *business* syarikat ini mesti menjalankan *business* dengan sebaik-baiknya yang boleh bersaing dengan mana-mana *business* di peringkat negeri, negara atau antarabangsa. Tapi daripada segi sumbangan, sebelum 2007 terdapat banyak sumbangan yang diberikan melalui beberapa cara. Satu daripada cara yang sudah terkenal dan menyuruh PNSB menjadi alat yang boleh menolong BALKIS ataupun Badan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Negeri Selangor, untuk ini. Dan perkara ini saya rasa tak perlu terangkan di sini sumbangannya ataupun penggunaannya ataupun keghairahan penggunaannya, kerana nanti dibincangkan hasil kajian SELCAT. Itu satu perkara yang hendak dibincangkan secara terperinci adakah usaha ini boleh memberikan pembangunan kepada Negeri Selangor?

Kita juga ada program pembangunan komuniti syarikat-syarikat yang memberi, membuat rumah untuk rakyat miskin menerusi sumbangan daripada PKNS, sumbangan PKPS, sumbangan daripada PNSB dan beberapa syarikat lain. Tetapi ini tidak disatukan dalam satu sumbangan. Saya sudah mengarahkan supaya semua sumbangan tersebut dimasukkan dalam sumbangan melalui MB Incorporated supaya kita tahu ke mana duit dibelanjakan, untuk siapa? dan untuk apa? Umpamanya terdapat PKPS yang memberi sumbangan duit kepada masyarakat termiskin setiap bulan dalam bentuk makanan ataupun dicadangkan oleh mereka yang ada hubungan dengan syarikat tersebut. Kajian saya mendapati perkara itu bukan menyeluruh. Hanya orang yang kenal sahaja yang dapat, bukan secara kebajikan yang terus. Jadi saya sudah hentikan. Walhal kita mesti bekerjasama dengan pihak Lembaga Zakat. Kita mesti bekerjasama dengan pihak Kebajikan supaya kita tahu siapa yang perlu dapat dikumpulkan dan dimasukkan dalam satu sistem yang menyeluruh. Jadi, walaupun kita dapati banyak yang digunakan, iaitu lebih RM5 juta, dan data terperinci saya hendak hantar kepada Pelabuhan Klang sebab dia tak datang supaya dia dapat membaca dan menganalisisnya. Dan saya hendak tengok kebolehan analisis Pelabuhan Klang.

Satu perkara yang saya lakukan untuk pembangunan kebajikan di Negeri Selangor yang mungkin menarik perhatian semua. Saya telah mengkaji Kumpulan Darul Ehsan Berhad, dalam usaha penstrukturan air negara. Rupa-rupanya Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha penswastan ini juga menggunakan KDEB sebagai alat dalam penswastan itu membuat pelaburan. Jadi KDEB bersekongkol dengan syarikat-syarikat swasta yang diberikan konsesi air tersebut. KDEB ada melabur dalam SPLASH, ABAS dan SYABAS. Dan saya dalam hal mengkaji penstrukturan tersebut saya ada melihat bahawa syarikat-syarikat KDEB boleh mendapat keuntungan besar hasil penyusunan semula industri air sebab penyusunan semula industri air ini kita kena beli syarikat-syarikat tersebut, Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan membeli syarikat-syarikat tersebut daripada syarikat-syarikat tersebut. Umpamanya, kita kena beli daripada ABAS, daripada SPLASH, daripada Puncak Niaga, dan daripada SYABAS. Dan pembelian itu dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kerana bukan *nasionalise take over* atau satu pengambilalihan negara, tetapi ia dibuat dengan secara memberi keuntungan kepada mereka. Jadi oleh sebab pelaburan-pelaburan KDEB itu ada di dalamnya, KDEB boleh mendapat lebih RM350 juta keuntungan apabila hal itu berlaku. Oleh sebab itu, antara tugas KDEB ialah membetulkan kesalahan-kesalahan yang dibuat dahulu

semasa KDEB ditugaskan untuk memberi air percuma kepada masyarakat di Negeri Selangor. KDEB tidak rugi dalam usaha ini.

KDEB dikehendaki, dan dalam penstrukturan itu kita masukkan elemen 20 meter padu itu sebelum bermula pengambilalihan konsesi. Hal ini kita buat tapi itu saya tidak anggap sebagai usaha pembangunan sebaliknya sebagai satu usaha untuk memulangkan balik hak rakyat yang silap kita buat dalam penstrukturan itu. Dan ini angka-angkanya sudah kita sediakan dan ia merupakan asas perbincangan kita dengan Kerajaan Federal dan juga asas perbincangan kita mengapa kita hendak menyusun semula syarikat-syarikat konsesi air. Jumlah yang ditanggung oleh KDEB sekarang ialah RM160 juta daripada keuntungan melebihi RM350 juta. Jadi semuanya sudah diambil kira. Oleh sebab itulah saya mengehendaki semua syarikat dalam kumpulan MBI Incorporated menyemak semula perjanjian yang saudara saya dari Cempaka tahu banyak perjanjian urus niaga rakan kongsi yang dibuat dalam syarikat-syarikat dalam MBI ini. Ia dikatakan tidak menguntungkan atau memihak kepada negeri. Ini merupakan satu kajian kalau SELCAT nak juga berbincang begitu juga cara mana kontrak-kontrak perjanjian itu diberikan. Jadi pada saya, saya hendak menyelesaikan masalah itu secara *business* supaya tiap projek tersebut menguntungkan bukan pihak yang *joint venture* sahaja tetapi kepada menguntungkan negeri.

Akhirnya kita sekarang meminta dan menghendaki semua syarikat GLC ini membuat *business* dengan betul dengan peraturan yang betul, pengurusan yang cekap dan seterusnya tidak lagi menggunakan kebajikan sebagai satu alasan tidak membuat *business* yang terbaik. Jadi pemberian kebajikan itu boleh dihasilkan apabila syarikat-syarikat itu untung dan membawa keuntungan itu kepada MBI incorporated untuk diagihkan dengan cara yang lebih berkesan. Terima kasih.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan Tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya nak bertanya apakah garis panduan yang akan digunakan oleh MBI dalam menentukan sama ada sesuatu sumbangan itu akan diluluskan sebab memandangkan hasil laporan SELCAT sebelum ini GLC memang tiada satu garis panduan yang jelas dalam penentuan sumbangan, jumlah sumbangan dan siapa yang layak untuk terima sumbangan dan siapakah anggota dalam MBI yang akan menentukan sama ada sesuatu permohonan sumbangan itu akan diluluskan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya sudah dan sedang membuat garis panduan bagaimana sumbangan kebajikan itu dilakukan melalui EXCO Kebajikan untuk warga emas, usia emas, untuk masyarakat prihatin semua. Jadi sumbangan itu dimasukkan dalam kumpulan itu dan kita boleh mengadakan perbincangan dengan Lembaga Zakat. Kita juga hendak mengadakan perbincangan dengan EXCO mengenai rakyat miskin. Ia dibuat secara keseluruhannya, jadi duit tu masuk dalam *pull* bukan syarikat itu sendiri membahaginya tetapi dimasukkan supaya kita dengan senang tahu daerah tertentu mempunyai jumlah rakyat termiskin, bagaimana dan jumlah daripada Kerajaan Negeri berapa banyak dan jumlah daripada Lembaga Zakat berapa banyak, jumlah daripada pemberian dividen ataupun pemberian daripada syarikat-syarikat dalam MB Incorporated berapa banyak. Kita masukkan dalam satu kumpulan barulah kita agihkan secara terus. Makna, pengagihan itu dibuat secara satu bukan syarikat buat sendiri-sendiri, atau ada syarikat tak ada. Oleh itu, kita nampak berapa ramai yang kita beri, siapa yang kita *target*, semuanya kita lakukan dengan cara itu.



Kalau tidak semua syarikat melakukannya, saya rasa yang pertama dia tidak cekap, dan kedua dia tidak menuju *target* yang diharapkan.

**YB PUAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Puan Speaker. Soalan saya No. 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA (TERATAI)**

**TAJUK: PENUBUHAN BADAN ADAT ISTIADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR**

37. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah pengurus dan *director* yang bekerja di Badan Adat Istiadat Melayu dan warisan negeri Selangor dan sila jelaskan latar belakang dan gaji setahun untuk setiap orang.
- b) Apakah program atau rancangan yang akan dijalankan oleh penubuhan tersebut.
- c) Sila nyatakan latar belakang dan gaji setahun untuk setiap konsultan yang bekerja atau memberi konsultasi kepada badan tersebut.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, Puan Speaker dan terima kasih Teratai. Puan Speaker, soalan yang ditanyakan ialah siapakah pengurus atau *director* yang bekerja di Badan Adat Istiadat Melayu dan warisan negeri Selangor. Soalan yang kedua apakah program atau rancangan yang akan dijalankan oleh pertubuhan, penubuhan perbadanan tersebut yang ketiga, minta menyatakan latar belakang dan gaji setahun untuk setiap konsultan yang bekerja atau memberi konsultasi kepada badan tersebut.

Puan Speaker, pertama sekali sebagaimana yang diketahui dalam Persidangan yang lalu, Dewan ini telah meluluskan penubuhan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan sebagaimana kita biasa kita mengucapkan terima kasih kerana telah diberikan kelulusan untuk penubuhan perbadanan tersebut. No. dua, alhamdulillah, telah pun mendapat keizinan daripada ke bawah Duli Tuanku tentang penubuhan perbadanan tersebut dan hanya beroperasi secara rasmi pada 1hb. Julai, kira-kira dua minggu yang lalu, hari ini 13hb. Julai bermakna baru 13 hari sahaja usia Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Jadi untuk menjawab soalan siapakah pengurus sebenarnya dalam hal mengenai *establishment* atau perjawatan ini, pihak perbadanan sudah pun mengadakan perbincangan-perbincangan awal dengan Pusat Sumber Manusia, sudah pun mengadakan perbincangan awal dengan Pegawai Kewangan Negeri dan sudah pun mengadakan perbincangan awal dengan teman-teman yang masih berada di muzium untuk kita melihat keperluan kakitangan dan perjawatan terutama pegawai-pegawai dan kakitangan yang diperlukan dengan penubuhan perbadanan yang baru ini. Sebagaimana yang diketahui Puan Speaker, sebahagian besar daripada tenaga yang akan menganggotai perbadanan ini ialah diambil daripada Muzium Negeri. Lembaga Muzium Negeri sebagaimana yang diketahui pada 1hb. Julai yang lalu bila tertubuhnya Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor maka Enakmen Penubuhan Lembaga Muzium Negeri pun telah dimansuhkan. Jadi sekarang ni, kita hanya memakai Enakmen berkaitan dengan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor sahaja. Maka sebab itu, sebahagian dari pegawainya, hampir semua daripada pegawai Muzium yang berjumlah 85 orang itu kita

serapkan dalam Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Jadi tentang *director*, tentang siapa yang akan menjadi *CEO* nya itu sedang ditinjau-tinjau maknanya sedang, ada satu *search committee* yang telah ditubuhkan untuk meninjau orang-orang ataupun *talent-talent*, bakat-bakat yang ada di seluruh Negeri Selangor ini bagi menerajui Perbadanan ini. Apa pun, untuk pengetahuan YB. Daripada Teratai, kita mementingkan ilmu orang yang akan dilantik nanti yang akan memegang jawatan sebagai CEO ataupun pegawai eksekutif, pengarah eksekutif kepada perbadanan ini sudah tentulah orang yang mempunyai ilmu dan ilmu itu ada kaitan langsung sama ada dengan adat, sama ada dengan warisan, sama ada latar belakang ekologi, antropologi dan sebagainya. Ini adalah merupakan ilmu-ilmu yang difikirkan sesuai untuk menjadi peneraju kepada perbadanan ini. Selain daripada ilmu tersebut, sudah tentulah kita memerlukan kemahiran-kemahiran dan ilmu sahaja tidak cukup Puan Speaker, kita memerlukan kemahiran-kemahiran sama ada kemahiran mengurus, sama ada kemahiran mentadbir, sama ada kemahiran yang berkaitan dengan beberapa bidang *skills specialist areas* dalam bidang perbadanan adat Melayu ini dan juga warisan ini yang perlu dikuasai oleh *director* tersebut, oleh CEO tersebut untuk membolehkannya memandang secara *over view* perkembangan secara *bird eye view*, perkembangan yang akan berlaku kepada perbadanan tersebut. Yang ketiga, sudah tentulah mempunyai sikap. Sikap ini adalah tidak lain dan tidak bukan orang yang cinta kepada adat, yang cinta kepada budaya, yang cinta kepada adat resam, yang cinta kepada artifak-artifak, yang cinta kepada pewarisan-pewarisan dan sebagainya dan untuk kecintaan itu sudah tentulah kita memerlukan manusia yang penuh dedikasi, manusia yang tidak bekerja pukul 8 sampai pukul 5 petang. Manusia yang jam yang di depan tu hanya sebagai pedoman sahaja tapi jam bekerja sebenarnya tertumpu kepada usaha yang dilaksanakan bagi memartabatkan adat Melayu dan juga Warisan Negeri Selangor ini. Jadi kita juga akan melihat, yang keempat, *track recode* dia, apa *paper-paper* yang telah dibuat, kertas-kertas yang telah dibuat yang telah dibentangkan di peringkat antarabangsa, di peringkat wilayah dan sebagainya dan di peringkat nasional. Apa yang telah disumbangkannya. Kalau dia berasal daripada universiti apa *paper-paper* atau kertas-kertas yang telah dihasilkan. Teknikal *paper*, profesional *paper* yang telah dihasilkan bagi memungkinkan kita memilih dia sebagai CEO kepada perbadanan ini dan bagi memungkinkan insya-Allah dengan pimpinannya nanti bahawa perbadanan ini akan diletakkan kepada gagasan yang betul, kepada tapak yang betul untuk kita meneruskan, untuk melihat bahawa perbadanan ini menjadi tonggak kepada melihat pembangunan dan kemajuan Adat Istiadat di Negeri Selangor ini. Soalan yang kedua Puan Speaker, ialah apakah program rancangan yang akan dijalankan oleh penubuhan adat Perbadanan Adat Melayu dan Warisan ini, di antara program yang terdekat yang dijalankan sebagaimana yang disebutkan waktu saya membentangkan Enakmen tersebut dalam Persidangan yang lepas, sudah tentulah yang pertama sekali untuk merancang, merancang tentang kepentingan rakyat Negeri Selangor ini mengetahui, menyelami dan juga memberi apresiasi yang tinggi persoalan mengenai adat resam, sama ada adat resam Melayu dan juga warisan-warisan yang sudah tentu warisan-warisan itu mencakup seluruh etnik *group* ataupun kumpulan etnik di Negeri Selangor ini. Yang kedua, saya memikirkan ya, yang teman-teman dalam perbincangan dengan konsultan-konsultan telah memikirkan apa yang perlu dilakukan ialah mencari satu karakter. Ini pun saya sebutkan dalam pembentangan waktu membentangkan Enakmen tersebut. Apa karakter yang kita hendak, kita lihat Melaka ada karakter, Kelantan ada karakter, Terengganu ada karakter tetapi Negeri Selangor ni bila kita turun daripada Subang Airport, sama ada Subang Airport ataupun KLIA, kita jalan sampailah ke Shah Alam ini saya tak nampak di kiri kanan itu satu karakter. Bangunannya tidak ada karakter, tapak-tapak pembangunan tidak ada karakter yang inilah yang perlu, yang perlu kita wariskan nanti dan tinggalkan kepada anak-anak kita pada masa akan datang. Kita tak mahu anak-anak Negeri Selangor ni, *a man without charater*, kita tak mahu. *A man without good charater and image* untuk mereka melangsungkan kebangunan. Sebagai rakyat yang akan menduduki negeri maju yang sedang menduduki negeri maju sudah

tentulah salah satu daripada paksi kemajuan itu ialah karektor. *The nasional character* atau *The State character* atau *Individual character* atau *ethnic character* yang kita hendak ditimbulkan dalam kita membincangkan Perbadanan Adat Melayu dan juga Warisan Negeri Selangor ini. Maka sebab itu, kita merasakan dengan teman-teman yang memberikan banyak input-input, terutamanya teman-teman daripada universiti, teman-teman daripada orang-orang yang mempunyai bidang bahagian ini. Preciseness dalam bahagian ini telah banyak membantu kita untuk menzahirkan apa yang patut dizahirkan, apa yang patut ditekankan dalam kita menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor kemudian yang soalan c Puan Speaker, ialah tentang nyatakan latar belakang dan gaji setahun untuk konsultan. Sebenarnya, konsultan yang kita gunakan bukan namanya konsultan. Bayaran yang kita bayar misalnya untuk satu-satu *group* tu dalam lingkungan dalam 10,000. 10,000 dalam masa buat kerja dua bulan setengah atau tiga bulan setengah. 10,000 dibahagi pula, satu-satu konsultan itu mungkin ambil 4 atau 5 orang. Jadi 10,000 itu *share* 4, 5 orang dalam masa dua bulan setengah. Ini hanya untuk membayar petrol yang mereka datang bermesyuarat dan membayar kertas yang mereka gunakan, komputer *time* yang mereka gunakan dan sebagainya. Tetapi konsultan dalam bentuk *consultancy* untuk mendapatkan, menarik ilmu dia, untuk kita dapat memerah ilmu dia yang sebenarnya dalam konteks itu perbadanan ini tidaklah mendapatkan nikmat, khidmat nasihat daripada konsultan-konsultan yang masuk dalam kumpulan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan kerana dedikasinya mereka kerana komitmen mereka ini, kerana aspirasi mereka ini kita dapati, saya lah mengatakan bahawa mereka telah memberikan sumbangan sama taranya dengan konsultan-konsultan yang dibayar beratus-ratus ribu tersebut. Jadi walau macam mana pun, saya memikirkan kemungkinan satu masa nanti, Puan Speaker, kita juga memerlukan konsultan-konsultan yang namanya *in house consultant*. Kita juga memikirkan supaya ada *in house consultant* mengikut berbagai-bagai bidang untuk mereka memberikan input-input dalam mana-mana mesyuarat kita, mana-mana persidangan, mana-mana seminar, mana-mana konvensyen mengenai adat Melayu dan warisan negeri Selangor ini supaya lebih mantap lagi perbadanan ini dan lebih mantap lagi usaha kita untuk memartabatkan adat-adat dan warisan-warisan negeri Selangor dan akhirnya tidak lain dan tidak bukan untuk kita melahirkan satu batu asas, meletakkan satu sejarah, kegemilangan membangunkan semula semangat kegemilangan budaya sama ada budaya Melayu dan warisan tersebut untuk diwarisi oleh anak cucu kita, generasi akan datang di negeri Selangor ini. Sekian Puan Speaker.

**YB PUAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya, soalan tambahan. Saya ingin menanya adakah pihak Kerajaan bersedia supaya memasukkan sebahagian ADUN *backbencher* sebagai konsultan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya sudah menyebutkan tadi Puan Speaker, tentang pra syarat untuk menjadi konsultan tu. Jadi kalau misalnya ada, di antara ADUN-ADUN termasuk ADUN di sebelah sana pun kita alu-alukanlah. Ada kemahiran, ada ilmu, ada kepakaran sudah membentangkan banyak kertas-kertas peringkat antarabangsa, peringkat wilayah, peringkat nasional ada profesional *papers* dilahirkan, ada output-output yang boleh dibanggakan, sila, saya menyokonglah kalau ada termasuk Puan Speaker sendiri pun kita alu-alukan lah. Terima kasih.

**YB PUAN SPEAKER:** Bangi. Bangi soalan seterusnya.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Puan Speaker, Bangi mengemukakan soalan lisan No. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK: MEMPERTINGKATKAN SUKAN DI NEGERI SELANGOR**

38. Sukan satu bidang yang penting di dalam menonjolkan imej negeri Selangor. Bagi memajukan sukan memerlukan kepimpinan yang berkesan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Selaku tokoh yang memimpin sukan di Negeri Selangor, apakah pendekatan dan perancangan yang disusun oleh Dato'?
- b) Sejauh manakah kejayaan dicapai Selangor dalam bidang sukan di bawah kepimpinan Dato'?
- c) Ada cadangan agar kepimpinan sukan di Negeri Selangor seharusnya dikendalikan oleh pimpinan muda dan dinamik. Bersediakah Dato' memberi laluan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Bangi, yang membangkitkan soalan mengenai usaha mempertingkatkan sukan di negeri Selangor. Untuk itu saya ingin memberikan sedikit penjelasan tentang pengelolaan atau promosi sukan di negeri Selangor ini menerusi Majlis Sukan Negeri Selangor. Malangnya penubuhan Majlis Sukan Negeri Selangor ini dibuat menurut akta Majlis Sukan Negara (1971), yang mensyaratkan Sukan Negara melantik wakil-wakil daripada negeri-negeri untuk menyertai perbincangan mengenai pembangunan sukan negara. Malangnya, apabila Pakatan Rakyat memerintah dan Menteri Besar menjaga *portfolio* sukan, namanya tidak di undang untuk menyertai jawatankuasa. Atau, boleh jadi tak ada jawatankuasa. Tetapi saya ada menulis beberapa surat untuk menawarkan diri untuk bersama-sama berbincang. Sebab dalam sukan itu kita mesti berbincang sebab pembangunan sukan itu dibuat secara seluruh negara kerana pembayar-pembayar cukai termasuk dari negeri Selangor yang memberi sumbangan kepada Kerajaan Persekutuan supaya duit disalurkan kepada Majlis Sukan Negara supaya dapat diaturnya usaha-usaha untuk pembangunan sukan keseluruhannya.

Bagaimanapun, oleh sebab keadaan begitu dan Kerajaan Negeri sebelum ini memang menyokong pembangunan sukan ini dan telah menganugerahkan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor ini tanah-tanah dan hotel untuk dijadikan usaha untuk membiayai sukan-sukan di Negeri Selangor. Hampir 3 ke 4 juta digunakan setiap tahun..... Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri sekarang sudah menyusun semula hartanah tersebut dikhuatiri esok Kerajaan Persekutuan mengambil pula harta-harta tersebut yang sudah dialih dan dimasukkan ke dalam pengawasan *MB incorporated* supaya harta itu tetap di situ, dan Majlis Sukan Negeri Selangor boleh beroperasi dengan pertolongan harta tersebut. Jadi kita bimbang, Kerajaan Pusat bukan sahaja tidak beri kita berbincang tetapi boleh jadi dia menguasai eset-eset negeri. Bagaimanapun Pembangunan Sukan diteruskan, dan nasib kita baik dan selepas pasukan bola sepak Negeri Selangor disusun semula dan kini menjadi antara pasukan bola sepak yang terbaik di negara kita. Kemudian kita juga dapat satu yang jelas tentang pengurusan sukan dalam Negeri Selangor ini, berasaskan *berkombinasi* bukan jaga sukan semata-mata. Terdapat 45 badan gabungan persatuan sukan negeri ada 45 gabungan sepak takraw, badminton, dibuat dengan gabungan dan Majlis Sukan Negeri menjaga mereka, Ini antara usaha untuk memberi geran kepada tiap pasukan tersebut.

Baru-baru ini hari saya sempat membuka usaha kejohanan tekwando yang dibuat untuk kawasan Petaling tetapi mengundang ahli-ahli tekwando daripada Australia, Thailand, Singapura, Indonesia datang untuk pertandingan tekwando ini. Jadi oleh sebab lantikan yang begitu baik Negeri Selangor adalah negeri yang utama dalam tekwando yang biasanya dalam SUKMA sekurang-kurangnya 4 atau 5 pingat emas dapat digondol oleh pasukan daripada Negeri Selangor. Itu sebagai contoh. Antara yang kita boleh sekarang ikuti selain bola sepak ialah kejayaan Saudara Rizal Tisin yang meraih tempat ketiga dalam kejohanan Lumba Basikal dunia di Poland. Hendak dapat nombor ketiga pun ini bukan satu perkara yang senanglah. Kemudian kejayaan lompat tinggi oleh Saudara Lee Hup Wei di Asian Grand Prix di China. Dan kita tahu juga *Bowling* kita menang dengan kejayaan Zatil Iman dan Siti Sadiyah, di samping bola sepak, yang kebanyakannya hasil daripada usaha pembangunan sukan di Negeri Selangor. Dan banyak lagi atlit yang kita tahu.

Saya rasa Selangor ini kekuatannya ialah dalam *swimming* dan *bowling* dalam kalangan atlit yang saya panggil dalam istilah *EBEN*, maknanya kalau di kampung kita tak ada tempat *bowling*. Tempat berenang pun kita tak ada: Sabak Bernam tak ada. Tempat saya di Jeram pun tak ada..... Sg. Panjang pun tak ada semua tak ada ini menunjukkan Selangor ini *EBEN*. Saya rasa tekwando yang saya lihat hari Sabtu itu kebanyakannya yang berlatih yang masuk pertandingan sudah bermula daripada umur 9 ke 10 tahun. Apabila berumur 20 tahun dia dah sampai.....Pembangunan sukan macam berenang apa semua ini kalaulah kita ingin berjaya bertanding dengan di dunia dia mesti dilatih bukan apabila sampai 15 tahun baru dilatih dia tak boleh. Dia mesti dilatih daripada awal lagi. Jadi itulah pembangunan sukan yang saya harap kita usahakan tapi saya bukan sahaja menganggap sukan ini untuk mendapat kemenangan sahaja tapi sukan ini merupakan usaha yang seharusnya kita lakukan supaya rakyat kita sihat.

Kajian menunjukkan negeri Selangor antara negeri yang *oversight* maknanya kegemukan itu mungkin sampai dua peratus. Ini susahya bukan apa kerana penyakit yang terhasil daripada kegemukan itu. Jadi melalui sukan ini ia dapat mengurangkan keadaan tersebut dan oleh sebab dikatakan negeri ini maju maka makanan kita lebih banyak tetapi kita tidak berpeluh dan kita tidak *exersice*. Oleh sebab itu badan menjadi lebih gemuk daripada sepatutnya. Jadi, itulah usaha dalam bidang pembangunan sukan ini yang saya ingin lakukan supaya semua rakyat ada mempunyai program. Umpamanya kita masukkan program taici supaya semua peringkat umur dari yang muda ke warga emas dapat latihan. Program jalan kaki itu bukanlah pembangunan sukan yang hebat tapi itulah antara acara-acara yang boleh menggalakkan supaya semua rakyat terlibat dalam sukan untuk kesihatan diri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker sekiranya Negeri Selangor tidak dijemput atau tidak diterima menyertai Majlis Sukan Malaysia apa kata kalau kita mengatakan protes kita tidak menyertai beberapa sukan penting yang boleh melumpuhkan Majlis Sukan Negeri Malaysia dan kita adakan sukan antara negeri-negeri Pakatan Rakyat dulu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya tidak terfikir macam itu sebab saya rasa *sportmen* saya pun pernah main sukan kita bersukan bukan kerana politik kita bersukan, sebab ini pasukan dari kita masuk bukan kita hendak kita kalau kita kurangkan itu lebih bagus pembangunan sukan kita. Jadi pada saya itu satu perkara yang perlu kita terima. Ini ialah Persatuan-persatuan Badminton, persatuan jadi kalau kita tahan dia maknanya kita tidak memberi peluang mereka. Tapi saya rasa yang baiknya untuk kita ialah Majlis Sukan Negara pun tidak beri duit pada kita. Jadi kita ada punya peruntukan sendiri jadi kita buat. Jadi kalau dia

ajar kita bertanding kita bertanding. Umpamanya SUKMA yang akan diadakan di Melaka tahun depan. Kita telah buat persediaan tapi jemputan untuk menjadi Jawatankuasa SUKMA tidak kita hanya menjadi pemerhati status orang tepi. Jadi ini *is not .....maknya the english statement* ini *very cold case is not ....* maknanya dia bagi sebab esok kerajaan berubah orang berubah sukan akan terus jalan berjaya. Jadi pada saya anggap orang-orang yang menyengat ini dia punya kualiti agak sangat rendah dia memang tidak pernah bersukan. Jadi oleh sebab itulah saya harap kita akan teruskan usaha ini.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya memandangkan SUKMA 2010 tahun depan di Melaka. Hoki juga boleh dikatakan satu acara sukan popular di Selangor suatu ketika dulu. Soalan saya memandangkan hari ini hanya satu ada padang taf. Taf Hoki yang selalu digunakan di Pandamaran walhal kita pernah ada sebuah padang Hoki Taf di MPPJ dan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan lagi padang-padang Hoki Taf di sekitar di kawasan Negeri Selangor di daerah-daerah yang boleh juga boleh digunakan pakai oleh penduduk di kawasan luar bandar. Soalan kedua minta maaf memandangkan pasukan bola sepak Selangor yang begitu hebat pada hari ini syabas kepada Jurulatih Selangor K. Diwan yang telah banyak melakukan usaha kesinambungan pengurusan bola sepak yang dulu. Tetapi walau bagaimanapun begitu, soalan saya selalunya bila pasukan bola sepak menang insentif *immediate* ataupun segera diberikan contoh 15 ribu dan sebagainya tapi apakah perancangan Kerajaan Negeri atau pengurusan bola sepak Negeri Selangor sendiri untuk memberikan satu *insentif* jangka panjang kepada pengurusan dan juga pemain yang telah banyak berusaha dan telah mengorbankan untuk Negeri Selangor. Terima kasih.

**YAB DATO MENTERI BESAR:** Untuk pembangunan sukan dan menyediakan kemudahan untuk permainan dan sukan kita gunakan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai tempat pembangunan-pembangunan, umpamanya di Klang... gelanggang hoki disediakan.. dan di Petaling Jaya... Sekarang terpulang kepada kita untuk mencari belanja ataupun peruntukan untuk ini. Ia bukan satu peruntukan yang kecil oleh sebab itu Kerajaan Negeri mungkin berbincang dengan PBT sebagaimana saluran kewangan daripada negeri masuk kepada PBT. Lagipun, sesetengah PBT tidak mempunyai wang yang cukup tetapi daripada segi *maintenance* boleh dibuat oleh PBT.

Saya anggap hoki memang antara permainan yang terbaik tapi sekolah-sekolah sekarang oleh kerana ramai guru yang melatih sekarang, dan sebahagian besar (80%) terdiri daripada kaum wanita. Walhal *sports* yang *very-very active* tak dapat banyak dilakukan, oleh sebab itulah saya mengadakan perbincangan bagaimana menghantar pelatih-pelatih ke sekolah sebab dia kena aktif. Tetapi ada pernah saya tengok satu kenyataan, latihan bola untuk murid-murid dilakukan dengan cikgu berpayung dekat hujung padang. Maknanya, ia bukan latihan bolalah. Jadi itu keadaan yang memang jelas tapi kita hendak usahakan kalau kita dapat pendapatan yang banyak sekarang, saudara komen dahulu, saya nak ingatkan saudara komen jangan guna duit banyak nanti habis duit negeri. Oleh itu, saya perlu terangkan cara untuk mencari duit. Sekarang pendapatan RM1.4 bilion yang kita guna dan kita perlu berhemah semasa menggunakan duit itu.

Kedua, saya ucap terima kasih kepada pelatih, *manager* dan semuanya yang melatih bersungguh-sungguh dan ini boleh menarik perhatian ramai belia kita.

Kedua, kita cuba juga meningkatkan pendapatan, yang kita dimasukkan ke dalam *fund*. Pada bulan hadapan terdapat satu pertandingan antara Selangor dengan pasukan dari Bandung, dan tujuannya supaya mereka bermain di sini dan duit *collection* itu kita gunakan untuk *fund* pemain-pemain, dan esok lagi banyak kita buat sebab Selangor kita dapati hampir 30,000 boleh jadi rakyat Malaysia dan rakyat Indonesia di sini yang boleh datang melihat pemain pasukan daripada Bandung. *Collection* itu kita gunakan sebagai antara duit *trust fund*, tapi masalahnya saya nak ingatkan, sebenarnya ini sudah ada Yayasan Bola Sepak sudah ada, dan duit itu sepatutnya sudah ada. Kerajaan Negeri ada memberikan tanah untuk pasukan bola sepak. Malangnya sekarang Yayasan Bola Sepak dan Persatuan Bola Sepak dah tak sama. Yayasan Bola Sepak ada buat *business* tapi duit itu tak disalurkan kepada Persatuan Bola Sepak. Sekarang ia dah jadi tauke sendiri jadi sekarang saya nak selesaikan, lebih kurang RM70 juta nilai duit dalam harta dalam Yayasan Bola Sepak Selangor yang tidak disalurkan. Kalau ia duit, itu dapat kita salurkan sebagai *trust fund* untuk kebajikan sudah ada. Sebenarnya konsep itu sudah ada tapi nampaknya apabila orang dah jadi Yayasan ini, dia dah lupa tugasnya, tinggal lagi apabila dia nak *conversion* tanah, dia datang ke negeri Selangor. Jadi apabila dia nak *conversion* tu, saya nak ingatkan tugas utama berapa banyak duit tu nak diberi kepada Pasukan Bola Sepak Selangor.

Saya harap rakan-rakan daripada pembangkang juga ingatkanlah orang yang menjaga Yayasan Bola Sepak Selangor itu: pulangkan balik duit itu kepada Persatuan Bola Sepak. Saya ingat Sungai Panjang pun menghadapi masalah tersebut tetapi saya cuba selesaikan. Saya tahu boleh jadi Sungai Panjang, dia segan sedikit sebab sama parti tetapi saya tidak. Saya boleh selesaikan kerana saya rasa itu tanggungjawab kita. Sebab itulah tujuan harta Kerajaan Negeri ini yang diberikan pada Yayasan mesti dipulangkan balik kepada pembangunan bola sepak. Kalau tidak kita kena cari duit lain, tiap-tiap tahun RM4, RM5 juta daripada sumber yang lain. Ini tidak menguntungkan dan tidak mencapai tujuan yang asal. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang soalan yang seterusnya

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan saya No. 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

Kadar garis kemiskinan Negeri Selangor telah dinaikkan oleh Kerajaan ke RM1,500 sebulan bagi seisi keluarga. Berdasarkan garis kemiskinan ini:

- a) Berapakah bilangan keluarga yang berada di bawah paras kemiskinan di seluruh Negeri Selangor menurut DUN?
- b) Berapakah peratusan menurut kumpulan etnik yang berada dalam kategori seperti di atas?

- c) Apakah program bersepadu yang telah diwujudkan oleh kerajaan bagi membasmi kemiskinan di seluruh Negeri Selangor?

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Puan Speaker, bilangan keluarga yang berada di bawah paras kemiskinan mengikut pecahan DUN adalah berikut, tetapi kita kena ingat bahawa statistik yang kita dapatkan ini ialah dari Pejabat Kebajikan Masyarakat dan juga Pejabat Zakat tetapi pandangan kita ialah ini bukan *exact* dengan izin *figure* yang kita dapat sebab kemiskinan ini adalah satu isu dinamik yang kita tidak boleh tetapkan bahawa keluarga-keluarga demikian ialah di bawah golongan kemiskinan. Sekarang Kerajaan Negeri Selangor dalam rancangan untuk mengutip data di seluruh Negeri Selangor dengan paras kemiskinan di beberapa tempat termasuklah kawasan Sabak Bernam, Tanjung Karang, Sungai Besar dan *statistic* ini akan dikemukakan lepas kita buat *survey* di dalam kawasan itu, tetapi ikut apa yang saya adakan di sini ialah Kuala Kubu Bharu – 650, Batang Kali – 1522, Hulu Bernam – 733, Jeram – 38, Ijok – 72, Bukit Malawati – 102, Permatang – 57, Sg Burong – 69, Sabak – 434, Sungai Air Tawar – 360, Sungai Panjang – 439, Sekinchan – 127, Meru – 168, Sementa – 253, Sungai Pinang – 181, Selat Klang – 173, Pelabuhan Klang – 255, Pandamaran – 124, Kota Alam Shah – 58, Seri Andalas – 265, Sri Muda – 155, Tanjung Sepat – 355, Morib – 741, Telok Datok – 229, Sijangkang – 430, Hulu Kelang – 148, Bukit Lanjan – 30, Paya Jaras – 97, Templer – 256, Kuang – 315, Gombak Setia – 255, Batu Caves – 260, Rawang – 205, Bukit Antarabangsa – 6, Lembah Jaya – 215, Cempaka – 472, Teratai – 45, Dusun Tua – 78, Semenyih – 451, Kajang – 381, Dengkil – 482, Sungai Pelek – 329, Seri Kembangan – 111, Seri Serdang – 46, Kinrara – 275, Subang Jaya – 140, Seri Setia – 31, Taman Medan – 364, Bukit Gasing – 0, Kampung Tunku – 6, Damansara Utama – 71, Bukit Lanjan – 13, Paya Jaras – 103, Kota Damansara – 595, Kota Anggerik – 1, Batu Tiga – 210, jumlahnya ialah 13,990.

Data kemiskinan adalah sangat dinamik. Umum mengetahui bahawa faktor yang boleh menjadi penyebab kepada kemiskinan. Penghijrahan, kematian ketua isi rumah, keadaan ekonomi, kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, sikap dan mentaliti individu dan pelbagai faktor lain boleh menjadi penyumbang kepada insiden kemiskinan. Data juga akan berubah apabila garis kemiskinan diubah. Justeru, Kerajaan Negeri Selangor sedang memperkemas maklumat dan data kemiskinan secara menyeluruh agar dapat memudahkan akses dan bantuan kepada penerima.

Peratusan kemiskinan mengikut kumpulan etnik adalah seperti berikut:

Melayu : 73%  
Cina : 5.5%  
India : 20.4%  
Dan lain-lain : 1.1%

Usaha menangani kemiskinan memerlukan pendekatan yang mantap dan “*hands-on*” bagi mengatasi masalah ini hingga ke peringkat akar umbi. Kemajuan ekonomi yang dicapai tidak akan memberi makna jika terdapat rakyat negeri Selangor yang masih hidup dalam serba kekurangan dan dibelenggu kemiskinan. Program Merakyatkan Ekonomi Selangor turut dilaksanakan dengan pendekatan menjaga hal-hal kebajikan rakyat Negeri Selangor tanpa mengambil kira status kaum, agama, usia dan fahaman politik. Program-program yang dilaksanakan menerusi konsep ‘Merakyatkan Ekonomi Selangor’ bertindak sebagai serampang dua mata di mana memulangkan semula hasil negeri kepada rakyat Negeri Selangor seterusnya dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat Negeri Selangor khususnya bagi mereka yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan yang rendah. Pada



masa kini, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah sebanyak RM1500 dikategorikan sebagai golongan miskin. Dengan pelaksanaan MES ini, perbezaan antara golongan kaya dan miskin dapat dikurangkan dan seterusnya rakyat dapat menikmati hidup yang lebih selesa dan harmoni dalam Negeri Selangor. Selain Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor, pelbagai peluang dan program diadakan oleh pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan anak syarikat Kerajaan Negeri untuk memastikan nasib golongan miskin terus mendapat perhatian dan pembelaan. Di antara program-program bersepadu yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan golongan ini adalah seperti Program Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Kemiskinan, Program *Blueprint* Meningkatkan Pendapatan dan Program-program Keusahawanan serta Program Kemahiran. Aspek pendidikan turut diberatkan. Miskin harta bukan bererti miskin minda. Sehubungan itu, bagi memastikan dan meningkatkan kecemerlangan anak-anak golongan miskin, Kerajaan Negeri memberi peluang kepada para pelajar untuk mendalami pelbagai bidang kemahiran teknikal menepati kehendak pasaran agar dapat membantu keluarga keluar dari kepompong kemiskinan. Kerajaan Negeri melalui Program MES turut juga memberi bantuan yuran kemasukan ke IPTA/IPTS bagi pelajar miskin di Negeri Selangor.

**YB TUAN DR MOHD NASIR BIN HASHIM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Baik Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan, apakah dia program *blueprint* meningkatkan pendapatan.

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** *Stanco* kemiskinan sampai sekarang telah terima dekat 2,000 lebih permintaan untuk program *blueprint* sahaja dan kita telah meneliti dan pegawai-pegawai kita telah menurun padang dan lepas siasatan telah dibuat, kita diberitahu bahawa beberapa permintaan peminta-peminta ini akan meningkatkan taraf hidup mereka dengan bantuan yang kita beri melalui program *blue print* ini dan ini akan menjayakan dan mereka akan keluar dari golongan ini dan meningkatkan taraf hidup mereka dari kemiskinan sedikit-sedikit melalui program *blue print* ini.

**Y.B TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Tuan Speaker ..

**TUAN SPEAKER:** Masa pertanyaan sudah tamat.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Sambungan Rang Undang-undang Perbekalan semua peringkat.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Batu Tiga dengan sambungan dengan penggulungan.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih, Tuan Speaker. Izinkan saya menyambungkan sedikit lagi penggulungan saya, daripada soalan-soalan yang telah dikemukakan tapi malangnya jawapan yang telah saya berikan kepada Sungai Panjang hari tu beliau tidak ada, tapi saya ingin mengulangi di dalam dewan yang mulia ini supaya kena ada satu tindakan ataupun satu usul yang sepatutnya kita bawa di mana ADUN, di mana kita letakkan di mana ADUN-ADUN yang bercakap tidak benar di dalam dewan ini sepatutnya diberikan satu tindakan yang tegas supaya kita kena tahu bahawa menjadi seorang ADUN tidak ada *privilege* dengan izin untuk mengizinkan kita bercakap berdasarkan andaian ataupun tanpa fakta. Tuan Speaker, ingin saya sambung ucapan saya ataupun penggulungan saya

pertamanya tentang isu yang dibangkit Taman Templer yang lepas, hampir kesemuanya saya telah memberikan satu jawapan tetapi izinkan di sini bahawa saya ingin menyatakan usaha kebajikan ini bukan sekadar kerajaan negeri melaksanakan program merakyatkan ekonomi sahaja ianya juga merupakan satu bantuan yang kita ingin memperkemaskan lagi penyampaian bantuan-bantuan itu. Dengan ini kita telah pun mewujudkan satu *data centre*, *data base* yang kita sentral kan ataupun kita pusatkan bagi kita menyediakan satu data yang lengkap supaya akhirnya pemberian kebajikan ini dilaksanakan diberikan tanpa pertindihan. Yang keduanya, kita sedang melihat telah menyatukan kesemua pihak yang memberikan bantuan iaitu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat, daripada Kerajaan Prihatin termasuk GLC supaya semua bantuan-bantuan ini boleh diberikan secara bantuan berpusat, supaya agihan ini tiada lagi pertindihan adanya keseragaman jenis-jenis bantuan yang dibuat dan seterusnya program sokongan dan lanjutan bagi merancang membantu penerima bantuan ini dapat dibantu dan akhirnya mereka ini bukan sahaja dapat bantuan kebajikan tetapi akhirnya mereka boleh berdikari dengan mana mereka boleh ditawarkan pekerjaan dan juga boleh ditawarkan perniagaan kecil-kecilan bagi permulaannya. Akhirnya, konsep berdikari ataupun daripada kebajikan kepada pekerjaan adalah merupakan polisi yang kita terapkan. Ingin saya nyatakan di dewan yang mulia ini Tuan Speaker bahawa bukan sahaja nasib Yayasan Bola sepak berlaku di mana Yayasan Bola sepak merupakan entiti yang terasing sekarang ini dengan Persatuan Bola sepak tetapi begitu juga dengan Yayasan Kemiskinan, Yayasan Basmi Kemiskinan yang sekarang ini bukan lagi merupakan satu yayasan yang mendukung ataupun yang mempelopori membantu isu-isu kemiskinan ini boleh dibasmi. Untuk menjawab soalan daripada Batang Kali, Batang Kali telah pun menimbulkan isu tanah perkuburan di Batu Tiga walaupun saya yakin EXCO Hal Ehwal Agama mempunyai jawapan perkara ini tetapi izinkan saya ingin menegur Batang Kali supaya tidaklah Batang Kali ini memperbesarkan perkara yang tidak wujud atau lebih tepat lagi andaian kerana dia terambil dengan apa yang Ketua Pembangkang cakap iaitu Sungai Panjang suka mengikut andaian. Sebenarnya, masalah ini tidak wujud saya telah pun membuat perjumpaan dengan ketiga-tiga pihak dan juga yang pentingnya antara penduduk Islam, wakil masjid sama ada lama ataupun baru, wakil perkuburan cina dan tokong cina dan ini isu-isu ini telah pun dapat persetujuan dan persepakatan dan mereka ingin ataupun mereka mendapat persetujuan ataupun telah memberi persepakatan bahawa apa-apa perkara ataupun apa-apa keputusan yang telah dibuat pada 17 Disember 2006 yang lepas mereka akui.

Jadi tidak ada isu bahawa PAS ataupun orang Islam sekarang ini menggadaikan tanah kubur kepada orang cina tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa sebenarnya kelemahan kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan keputusan yang telah dibuat semenjak 2006 lagi tidak dilaksanakan dengan baiknya. Seolah-olahnya isu si mati ini tidak merupakan keutamaan kepada kerajaan Barisan Nasional lepas. Insya-Allah isu Batu Tiga ini telah pun ditangani dengan baik dan Insya-Allah apa ni EXCO Hal Ehwal Islam akan menjawab perkara ini dengan lebih baik. Yang akhirnya, saya ambil maklum semua persoalan-persoalan telah ditimbulkan oleh Teratai, isu berkaitan dengan warga emas bukan saja masalah Teratai Feng Sui tak bagus menyebabkan kematian yang ramai tetapi sebenarnya kalau dulu dengan tidak adanya skim masa usia emas ini kita tidak dapat mengetahui secara tepat ataupun kita sendiri tidak prihatin kematian-kematian yang berada di kawasan kita tetapi dengan adanya skim usia emas ini alhamdulillah kita lihat masyarakat begitu teruja dan ingin memberikan laporan kepada ADUN-ADUN masing bahawa wujudnya kematian warga emas di kawasan mereka. Yang lain-lain saranan yang telah dinyatakan saya pun sudah sedia maklum dan saya sedang pun berbincang perkara ini dengan rangkaian mesra usia emas. Sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ini saya merujuk kepada Peraturan 87 nak minta petua daripada Tuan Speaker berkenaan dengan satu insiden di mana pada hari Jumaat yang lepas kira-kira pukul 1.30 saya telah didatangi oleh seorang wakil peguam, yang daripada Sungai Panjang untuk menghantar saman kepada saya di perkarangan, sekitar Dewan ini. Saya nak tahu sama ada tindakan ini menghina Dewan atau tidak. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Panjang, adakah itu benar

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Ya, Sekinchan tanya petua, Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Saya nak tahu benar atau tidak, kalau benar, kalau tak benar tu saya tak payah jawablah

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Itu urusan peguam. Tetapi saya akan jelaskan juga Tuan Speaker. Kinrara pernah juga hantar surat saman

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Kinrara pernah hantar surat saman kepada saya di dalam Dewan ini

**TUAN SPEAKER:** Tak-tak saya sekarang ini

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya nak bagi tahu sekarang ini, ya

**TUAN SPEAKER:** Sekarang ini satu isu, satu isu. Yang Berhormat Sungai Panjang pernah jadi Menteri Besar tahu, nak kendalikan isu, kendalikan isu salah satu isu, *case by case*, ya, yang orang ni curi, orang lain curi dia kena tangkap dia kata kenapa orang lain curi tak kena tangkap, tak bolehlah buat gitu. Sekarang ni adakah tuduhan itu betul atau

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tuan Speaker, ini urusan peguam saya.

**TUAN SPEAKER:** Tak, sekarang ini yang Sekinchan kata peguam yang diarahkan oleh Sungai Panjang sampaikan saman betul ke tidak

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Sampaikan saman memang betul

**TUAN SPEAKER:** Betullah yang atas arahan Sungai Panjang

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** lalah

**TUAN SPEAKER:** Ok, terima kasih

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tetapi dihantar di perkarangan bukan di dalam Dewan

**TUAN SPEAKER :** Baik, baik saya kira masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekinchan tadi lebih sesuai saya menggunakan Peraturan Tetap 88 untuk menjawab er... sebenarnya kalau mengikut amalan Dewan ini juga amalan Badan Perundangan Komanwel, sebarang tindakan *civil* tidak boleh dimulakan, bererti dari segi serahan saman dan juga serahan perintah mahkamah sekalipun tidak boleh dilakukan dalam perkarangan Dewan. Jadi saya berharap perkara itu tidak berulang lagi kerana perkara sedemikian adalah dianggap sebagai tindakan menghina Dewan dan hukuman boleh kepada mana-mana orang sama ada orang tersebut adalah Ahli Dewan atau tidak boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, jadi saya berharap Yang Berhormat Sungai Panjang supaya tidak mengulangi perkara tersebut dan juga mengingatkan peguam Sungai Panjang supaya tidak melakukan sedemikian. Saya rasa sebagai peguam sepatutnya mereka tahu undang-undang yang asas sekali. Saya rasa ini adalah undang-undang berkenaan dengan perlembagaan, yang mana-mana pelajar undang-undang tahun pertama pun tahu, dalam perkarangan Dewan, dalam perkarangan Badan Perundangan kalau mengikut amalan Dewan Komanwel memang tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa tindakan, tindakan mahkamah. Ini adalah amalan beratus tahun, sebab ini adalah salah satu hak dan kebebasan yang dinikmati oleh Wakil Rakyat.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Saya rasa terkilan,

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya nak catatkan....

**TUAN SPEAKER:** Ya apa,

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Ke tidak setuju saya dengan apa yang Tuan Speaker katakan

**TUAN SPEAKER:** Sekarang ini setuju tak setuju saya suruh duduk dulu, saya belum habiskan lagi

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Kerana takrif Dewan Tuan Speaker, berbeza

**TUAN SPEAKER :** Saya belum habiskan ini, biar saya habiskan dulu Sungai Panjang.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Takrif Dewan berbeza

**TUAN SPEAKER:** Biar saya habiskan dulu Sungai Panjang. Saya dah kata ini adalah amalan Komanwel, amalan dan ini perkara benar berlaku di Parlimen Malaysia sekalipun di mana Speaker atau Yang Dipertua Dewan Rakyat sendiri telah pun membuat perintah bahawa memang dalam perkarangan Dewan memang tidak dibenarkan untuk menyerahkan saman kerana ini adalah dianggap sebagai satu tindakan untuk menakutkan Wakil Rakyat daripada menjalankan tugas mereka di Dewan ini. Dan ini adalah hak dan kebebasan yang dinikmati oleh setiap Wakil Rakyat termasuk Sungai Panjang sendiri. Kalau Kinrara pernah berbuat demikian, sepatutnya Sungai Panjang mengadukan kepada saya dan supaya saya boleh membuat teguran terhadap Kinrara juga, tetapi tu dia ada buat, saya tidak tahu sama ada itu benar atau tidak, sekurang-kurangnya atas aduan Sekinchan pun saya tanya dahulu sama ada Sungai Panjang sudah buat, telah memberikan arahan kepada peguam untuk melakukan sedemikian, dan suka juga saya menggunakan peluang ini, kesempatan ini untuk mengingatkan mana-mana peguam termasuk peguam Sungai Panjang. Jangan sekali-kali melakukan

sedemikian, kalau tidak tindakan juga akan diambil terhadap mereka kerana ini adalah satu tindakan penghinaan Dewan. Baik Sungai Panjang

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tuan Speaker, takrif Dewan dalam Buku Peraturan dan Perlembagaan Negeri adalah di dalam Dewan ini, bukan di luar Dewan, itu takrif Dewan

**TUAN SPEAKER:** Mana takrifan tu,

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Kita baca dalam peraturan semua Dewan, dalam Dewan

**TUAN SPEAKER:** Mana, mana Peraturan itu

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Sebab itu saya katakan

**TUAN SPEAKER:** Mana peraturan kalau baik, Sungai Panjang, Sungai Panjang dengar dulu, ingat

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tuan Speaker yang dapat di *immunity* di dalam Dewan sahaja

**TUAN SPEAKER:** Kalau Sungai Panjang kata itu taksiran, di mana tafsiran tu

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Dalam ini Dewan ada kata, Dewan

**TUAN SPEAKER:** Mana tu, rujuk, rujuk

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Peraturan Kerajaan Negeri yang

**TUAN SPEAKER:** Peraturan mana

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Dalam Peraturan awal lagi saya katakan tadi

**TUAN SPEAKER:** Dalam Peraturan mana, bacakan muka surat mana, Peraturan Tetap mana, jangan cakap sembarangan.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya nak bagi tahu, kita tengok, Dewan maksudnya Dewan dalam Dewan ini sahaja

**TUAN SPEAKER:** Mana, mana dia. Sekarang kita rujuk kepada Peraturan Tetap, rujuk Peraturan Tetap mana dia

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tuan Speaker, saya nak bagi tahu takrif Dewan bukannya bangunan Dewan

**TUAN SPEAKER :** Mana dia, mana dia

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Takrif Dewan maksudnya Dewan yang bersidang dalam bangunan ini bukannya luar

**TUAN SPEAKER:** Mana dia, Peraturan Tetap mana

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tuan Speaker lebih faham

**TUAN SPEAKER:** Saya lebih faham sebab itu saya nak rujuk

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Sebab tu saya Tuan Speaker *bias*, Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Saya nak beri peluang, saya nak beri peluang kepada Sungai Panjang memberi penjelasan. Kalau Sungai Panjang kata ada takrifan Dewan dalam Peraturan Tetap, rujuk terus saya tidak mahu halang kamu bercakap tetapi kamu rujuk tetapi bila kamu kata ada taksiran dalam Peraturan Tetap rujuk, tunjukkan kepada saya, saya benarkan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku sila duduk, saya uruskan dengan Sungai Panjang, saya rasa berkeupayaan untuk mengetepikan, ya, terima kasih. Sungai Panjang, Peraturan Tetap mana, kalau kamu rujuk Peraturan Tetap kena tunjuk Peraturan Tetap yang mana, bukan cakap sembarangan

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Dah bagi tahu salah gunakan, saya nak bagi tahu maksud Dewan ini sahaja. Sebab itu mana-mana Dewan yang boleh ambil tindakan Mahkamah, keluar Dewan pintu semua boleh cakap, wartawan boleh cakap, itu masalah wartawan tak boleh masuk Dewan itu Dewan. Kalau Dewan dalam perkarangan semua orang boleh bercakap sebab itu imuniti Dewan imuniti Dewan luar Dewan semuanya boleh diambil tindakan. Kalau macam itu sekarang semua orang boleh bercakap ke bawah mengangkat ini kuasa Dewan. Tuan Speaker, saya memohon sangat janganlah kita berlaku lebih *bias* kerana ini bukan perkara...

**TUAN SPEAKER:** Tarik balik *bias*, saya dah bertindak cukup, cukup adil saya sampai tanya dulu adakah perkara yang berlaku tidak janggan buat pertuduhan *bias* Tarikh balik.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya takkan tarik balik.

**TUAN SPEAKER:** Kamu keluar daripada Dewan ini. Saya bagi peluang tarik balik atau keluar dari Dewan ini.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya takkan tarikh balik.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi peluang tarik balik atau keluar dari Dewan ini.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya takkan tarikh balik.

**TUAN SPEAKER:** Baik kamu keluar.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Inilah kita tengok Peraturan Dewan dibuat.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi peluang cukup tarik balik sebab ini ada tuduhan tidak ada mana-mana Dewan Negeri benarkan mana-mana Ahli-Ahli mendakwa Speaker *bias* Saya bagi

peluang tarik balik atau pun keluar. Saya beri peluang, saya bagi peluang, saya bagi peluang untuk memohon maaf

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya takkan mohon maaf kerana Speaker *bias*. Saya sukar Dewan untuk peribadi.

**TUAN SPEAKER:** Jadi saya berharap Ahli-Ahli Sekalian, saya rasa saya cukup adil kepada semua EXCO pun saya teguh ADUN penyokong Kerajaan saya pun teguh Pembangkang saya pun teguh yang betul saya puji itu tugas saya di sini jadi kalau Ahli YB Sg. Panjang kalau asyik nak menuduh orang, membalas dendam setiap hari pun menuduh orang membalas dendam saya rasa beliau perlu untuk meminta penasihat *psychiatric* saya kira dia ada masalah jiwa. Ini bukan satu cara yang baik untuk kita mengendalikan sebelum ada pertuduhan saya tanya sendiri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian lihat sendiri beliau jawab memang mengakui mengarahkan peguam menyampaikan saman beliau sendiri mengakui dan saya membuat keputusan mengikut petua ini, Petua Mengikut Peraturan Tetap 88 walaupun Sekinchan merujuk kepada 87 tapi saya rasa lebih sesuai adalah 88. Saya rujuk kepada Peraturan Tetap kepada setiap tindakan dan setiap Petua yang saya buat saya rujuk kepada Peraturan Tetap. Sememang soal Dewan Perkarangan tidak boleh disampaikan Perkarangan Dewan tidak boleh disampaikan saman itu adalah amalan di Komanwel. Bukan dalam Dewan ini sahaja sebab memang dalam Dewan ini memang wakil peguam tak dapat masuk pun jadi tidak masuk akal kalau mengikut tafsiran Sg Panjang bawa saman tidak boleh disampaikan dalam Dewan ini. Saya rasa dia tidak faham nak jadi peguam, peguam pun ada masalah kalau saman tidak boleh sampai dalam Dewan ini sahaja bererti itu tidak masuk akal bererti wakil peguam boleh masuk ke Dewan ini tidak mungkin. Jadi penyampaian saman itu tidak boleh berlaku di Perkarangan Dewan termasuk juga Bangunan Annex yang kita ada ini tidak boleh dimasukkan. Jadi saya berharap perkara ini tidak berulang lagi. Saya tak kira Ahli Yang Berhormat mana jangan cuba mengarahkan peguam untuk menyampaikan saman dalam Perkarangan Dewan dan kalau peguam menyelesaikan Ahli Yang Berhormat Sekalian bahawa saman boleh di sampaikan di Perkarangan tersebut lebih baik pecat peguam tersebut. Baik saya minta Seri Andalas teruskan

**YB TUAN MATSHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Tuan Speaker, Tuan Speaker.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANADAM:** Terima kasih Tuan Speaker, beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Program Kerajaan Prihatin iaitu Program membina baru dan membaik pulih rumah masih diteruskan dan tidak dihentikan seperti yang dinyatakan oleh YB Sg. Panjang. Pada tahun ini sahaja sebanyak 195 unit rumah telah diluluskan dan telah dibina di seluruh Negeri Selangor. Peruntukan sebanyak RM3.4 juta telah dibelanjakan untuk memberi bantuan bina baru dan baik pulih. Bagi tahun 2008 sebanyak 286 unit telah diluluskan dan diperuntukkan RM40.8 million telah dibelanjakan. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh YAB Dato' Menteri Besar satu tabung telah ditubuhkan untuk mengumpulkan Dana-dana dan sumbangan Anak Syarikat Kerajaan Negeri. Tabung tersebut dinamakan tabung Amanah Merakyatkan Ekonomi Selangor. Tabung ini dibiayai melalui sumbangan 9 Anak Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor,

|    |  |                |
|----|--|----------------|
| 1) | PKNS                                     | RM1,000,000.00 |
| 2) | Perbadanan Negeri Selangor Berhad (PNSB) | RM1,000,000.00 |
| 3) | Kumpulan Darul Ehsan Berhad              | RM1,000,000.00 |

|    |  |                         |
|----|--|-------------------------|
| 4) | World Wide Holding Berhad                        | RM1,000,000.00          |
| 5) | Perbadanan Kemajuan Pertanian<br>Selangor (PKPS) | RM1,000,000.00          |
| 6) | Lembaga Zakat Selangor                           | RM1,000,000.00          |
| 7) | Salaman Sdn. Bhd.,                               | RM1,000,000.00          |
| 8) | Selangor Industrial Corporation                  | RM1,000,000.00          |
| 9) | Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.                       | <u>RM1,000,000.00</u>   |
|    | Jumlah Keseluruhan                               | RM9,000,000.00<br>===== |

Sumbangan tersebut akan digunakan untuk membiayai program-program dan kebajikan termasuklah rumah Kerajaan Prihatin. Sehubungan dengan itu, kenyataan mengenai Program Kerajaan Prihatin telah dihentikan. Adalah tidak benar sama sekali dan program ini akan diteruskan dari semasa ke semasa selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah memiliki rumah yang selesa dan sempurna. Ada juga yang beberapa Yang Berhormat tanya dengan program-program yang lain di dalam Standco Prihatin dan Kemiskinan. Pelan tindakan yang dirangka turut galakkan rakyat miskin dan berpendapatan rendah menceburi bidang keusahawanan sebagai usaha untuk meningkat pendapat isi rumah. Pada masa ini Kerajaan Negeri turut memberi geran, peralatan dan juga mesin. Walau pun perniagaan yang sedang diusahakan adalah secara kecil-kecilan. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa bantuan peralatan dan mesin akan dapat membantu pengusaha mempertingkatkan produktiviti dan pendapat. Selain memberi bantuan peralat dan mesin Kerajaan Negeri turut merangka program mikro kredit sebagai satu usaha untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan modal untuk membuka dan meneruskan perniagaan. Program ini sedang dirangka dan di peringkat akhir meneliti syarat dan pelaksanaan program ini. Program mikro kredit ini kita akan gunakan program komuniti. Program mikro kredit komuniti yang akan kita berikan kepada ADUN-ADUN nanti. Pelan tindakan Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor turut memberi fokus kepada aspek Pendidikan. Tuan Speaker, kita di Negeri Selangor menganggapkan bahawa Pendidikanlah satu-satu alat yang akan digunakan untuk membawa golongan kemiskinan keluar dari aspek kemiskinan. Sebab itu kita akan memberi perhatian kepada pendidikan di Negeri Selangor. Miskin harta bukan bererti miskin minda. Sehubungan itu memastikan anak-anak dilengkapi dengan kemahiran skill program kemahiran Teknikal Kolej di INPENS diteruskan. Dari tahun 2008 dan sehingga kini seramai 320 orang pelajar yang berpendapatan rendah dan tercicir telah diberi wang melanjutkan pelajaran di dalam bidang kemahiran teknikal. Program ini akan diteruskan memandangkan anak-anak yang tercicir dilihat berjaya membantu menambah pendapatan keluarga. Daripada lepak dan tak tentu arah mereka telah berjaya mendapatkan kemahiran seperti juru kecantikan, pembaik kenderaan automotif, menjadi juru elektrik dan pelbagai lagi kursus kemahiran yang akhir ini membantu menambah pendapatan keluarga. Pada masa sekarang lagi satu kolej di bawah Yayasan Selangor telah dibuka di daerah Sabak Bernam juga untuk kemahiran ini ataupun *handskill training* untuk anak-anak kita. Skop program Kerajaan Prihatin dilihat banyak menerima manfaat kepada mana golongan miskin untuk mendapatkan kediaman yang selesa. Kini sebuah rumah Kerajaan Prihatin telah dinaikkan kepada RM30,000.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Tuan Speaker, pohon penjelasan Kota Damansara.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.



**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Terima kasih, kerana kita ada EXCO yang berkaitan dengan kemiskinan prihatin, EXCO Kebajikan dan Pendidikan. Dari segi penjelasan ini saya nak Kota Damansara ingin tahu bagaimana penjelasan antara EXCO ini supaya apa yang mungkin disembarkan atau pun di laksanakan teratur. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANADAM:** Kita bekerjasama dalam isu pendidikan sebab perbelanjaan ini datang dari Stanco Kemiskinan dan Stanco Prihatin dan kita bekerjasama dengan EXCO Pendidikan di dalam isu ini. Boleh saya teruskan ...

Tadi disebutkan oleh MB Dato' MB ah.. berkenaan dengan wang yang disalurkan kepada kebajikan kerana kita ada EXCO Kemiskinan dan Prihatin itu saya nak tahu sama ada penjelasan kalau di Kebajikan ada EXCO Kemiskinan dan Prihatin dapat ianya atau tidak. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANADAM:** Bajet untuk *Stanco* kemiskinan dan prihatin telah diadakan dulu sudah bukan kita kongsi perbelanjaan. Kita ada bajet asing-asing bajet itu. Bukan bajet yang sama dengan kebajikan dan kemiskinan.

Rumah kerajaan prihatin telah dinaikkan kepada 30,000 seunit dari 25,000 seunit. Sebuah bagi 3 bilik dan rumah juga telah dilengkapi dengan siling dan beberapa spesifikasi ditambah baik. Jika dahulu dindingnya adalah dari papan lapis tetapi kini ia telah dibina dengan simen batu bata. Aspek dan skop program kerajaan prihatin juga telah diperluaskan kepada aspek kesihatan. Selaras dengan misi kerajaan berkeadilan kerajaan negeri turut memberi bantuan pembiayaan kesihatan seperti katarak mata, bantuan dialisis ataupun buah pinggang dan pembedahan kecil. Kos rawatan yang meningkat telah banyak membimbangkan rakyat. Justeru di atas keprihatinan kerajaan negeri bantuan kesihatan ini dilihat banyak meringankan beban mereka yang memerlukan.

Tuan Speaker,

Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah portfolio saya. Isu bantuan anak-anak kerja ladang, Tuan Speaker telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf pendidikan anak-anak pekerja ladang. Kerajaan Negeri sedar bahawa taraf pendidikan mereka jauh ditinggalkan berbanding rakan-rakan yang tinggal di kawasan bandar dan mereka jarang mendapatkan peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta disebabkan oleh masalah kewangan yang ketara. Sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pekerjaan Ladang telah merancang pelbagai program yang dilihat berpotensi untuk membantu setiap anak-anak kerja ladang dalam mempertingkatkan taraf kecekapan mereka dalam bidang akademik. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut, program meningkatkan taraf pendidikan Sekolah Tamil di ladang-ladang. Program ini diadakan bersama beberapa NGO yang terpilih iaitu Child EWRF dan Tamil Foundation. Program ini merangkumi semua lapisan pendidikan iaitu di peringkat tadika, sekolah rendah dan juga menengah. Melalui program ini semua pelajar dilatih dan dididik untuk meningkatkan pengurusan dalam penulisan karangan Bahasa Inggeris, Matematik dan juga Sains. Dengan program ini kita pada tahun ini akan bina 10 pra sekolah di dalam Negeri Selangor pada tahun ini dan juga sekarang kita akan juga bina sekolah-sekolah tadika di kawasan-kawasan utamanya dari golongan pendapatan rendah untuk membantu keluarga-keluarga yang pendapatan rendah untuk menghantar anak mereka kepada tadika-

tadika ini, di mana Kerajaan Negeri Selangor akan tanggung perbelanjaan untuk guru-guru dan juga bayaran yang dibuat oleh anak-anak kita di dalam kawasan-kawasan tertentu. Kursus kemahiran teknikal saya pun telah diberitahu tentang INPENS dan Yayasan Selangor. Selain itu tabung-tabung yang lain ini berfungsi untuk membantu anak-anak kerja ladang yang menghadapi masalah kewangan semasa belanja di mana-mana institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta. Kerajaan Negeri sedar bahawa salah satu usaha untuk membantu rakyat keluar dari kumpulan kemiskinan melalui pendidikan yang berkualiti. Dengan taraf pendidikan yang terbaik anak-anak pekerja ladang dapat membantu keluarga untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Pasal itulah kita adakan program 'early cholor education' turut dilaksanakan untuk bertujuan untuk membantu bank-anak yang sedang membesar dengan pelajaran untuk membaca dan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Pada usia 4 tahun hingga 6 tahun proses pembelajaran adalah satu perkara yang penting dan kita akan membantu mereka.

Tuan Speaker,

Ada juga soalan yang timbul dengan denggi di dalam beberapa kawasan terutama kali yang dibangkit oleh Batang Kali yang kalau tak silap saya di dalam isu denggi. Penyakit demam denggi masa merupakan penyakit berjangkit yang tertinggi sekali dilaporkan di Negeri Selangor. Sehingga sekarang sejumlah dekat-dekat 13,000 kes telah dinotifikasi di Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan daerah-daerah utama yang melaporkan kes demam denggi ialah daerah Petaling, Hulu Langat, Klang dan Gombak. Notifikasi penyakit demam denggi telah menunjukkan trend menurun daripada awal tahun ini, daripada 870 kes setiap minggu pada minggu yang sekarang kita dapatkan dia menurun 307 kes setiap minggu pada minggu yang terakhir. Bagaimanapun langkah-langkah intensif kawalan penyakit demam denggi mesti dikekalkan untuk terus mengurangkan kadar kejadian demam denggi di Negeri Selangor. Sehingga 27hb. Jun sejumlah 10,740 premis telah dikesan dengan pembiakan nyamuk aedes. Tempat-tempat utama telah dikesan dengan pembiakan nyamuk aedes ialah rumah kedai iaitu dekat 90,000, tanah lot kosong 285, kilang 175 dan tempat pembuangan sampah 88 tempat. Dalam tempoh yang sama berjumlah 1,560 kompaun telah dikeluarkan dengan denda sebanyak RM421,375 dikutip. Situasi ini menggariskan kepentingan peranan masyarakat tempatan bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk aedes di rumah, tempat kerja, kawasan dan sekelilingnya. Pada tiap-tiap mesyuarat, tiap-tiap bulan saya dapat berita dari semua Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan khususnya dari Pejabat Kesihatan apa yang mereka kata ialah tidak cukup bajet untuk atasi masalah denggi di semua kawasan. Dalam dewan yang mulia ini saya telah katakan kepada semua YDP-YDP yang berada dengan Dato' Bandar ini untuk tahun depan bagilah prioriti untuk bajet untuk meningkatkan bajet untuk denggi. Ramai yang kata tidak cukup kenderaan, tidak cukup kakitangan di dalam semua pejabat masing-masing. Saya minta YDP-YDP dan juga Dato' Bandar bagi tumpuan untuk kes-kes ini di dalam Pejabat Kesihatan di dalam PBT-PBT masing-masing. Kementerian Kesihatan Malaysia telah memastikan sesiapa yang mengalami demam diselia dan dirawat awal oleh pengamal perubatan. Semua pengamal perubatan juga dikehendaki notifikasi semua kes demam denggi yang disyaki dalam tempoh 24 jam supaya langkah kawal nyamuk aedes seperti aktiviti menyemburkan kabus dan pembinasaan tempat pembiakan nyamuk aedes dilaksanakan dengan cepat untuk menyekat ke penularan penyakit di dalam komuniti tempatan. Pada tahun yang lepas perbelanjaan dari Negeri Selangor melalui PBT-PBT untuk atasi masalah denggi sahaja dekat dengan RM8 juta telah dibelanjakan oleh PBT-PBT masing-masing di Negeri Selangor. Itu satu-satu tanda yang menunjukkan bahawa kita serius dengan situasi denggi di Negeri Selangor dan kita tidak boleh dengan izin, rileks sebab saya katakan telah pun menurun tetapi *trend* denggi ini Tuan Speaker dia akan ada satu *trend* di

mana dia turun tetapi dua bulan lagi dia akan naik dengan kedatangan musim hujan di dalam kawasan-kawasan kita.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya silakan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sejauh manakah ataupun berapa banyakah badan-badan korporat swasta yang memberi sumbangan dalam pembasmian penyakit denggi.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Hulu Klang. Apa yang saya tahu untuk isu denggi kita atasi masalah ini dengan kerja PBT dan Jabatan Kesihatan Negeri sahaja. Kita tidak masuk korporat-korporat swasta ataupun mana-mana agensi yang lain.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, (Ya.....) tambahan, kerana saya dapati beberapa badan seperti pasar raya utama di Selangor mengadakan program-program gotong royong dan pembasmian denggi. Kalau dirujukkan kerjasama kita dapat satu gerakan yang lebih bersepadu di antara Kerajaan, PBT dan badan-badan ini.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih kepada Hulu Klang. Saya akan ambil isu ini dan beritahu kepada semua Pengarah-pengarah Kesihatan bahawa mereka boleh hubungi syarikat-syarikat berkenaan untuk bekerjasama untuk mengadakan program-program gotong royong di beberapa kawasan mereka. Sekian, terima kasih.

Penjelasan. (Silakan....).

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang, dah habis da.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera, Tuan Speaker, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan pertamanya kepada Sijangkang yang telah meluahkan perasaannya kerana tidak ada sekolah-sekolah berasrama penuh pun selama 50 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah di Kuala Langat. Jadi, YB kena minta penduduk di sana memohonlah kepada kementerian dan meminta juga untuk memperkasakan Mahad Integrasi Tahfiz di Jugra. Saya ambil maklum dan Insya-Allah kita akan memberikan tumpuan sedikit kerana tahun depan mereka mula menduduki PMR untuk kali pertama. Dan juga mengambil maklum bahawa di Sijangkang Sekolah Agama Rakyat yang begitu daif dengan kemudahannya telah mendapatkan sedikit manfaat daripada peruntukkan yang telah diberikan sebanyak RM16 juta kepada semua sekolah-sekolah sama ada Tamil, Cina ataupun Sekolah Agama Rakyat itu walaupun sebelum ini Sekolah Agama Rakyat telah diambil peruntukkannya oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Pada Batang kali yang telah menyatakan apakah KPI. KPI EXCO-EXCO pencapaian-pencapaian kerajaan Pakatan Rakyat selama ini khususnya pada untuk EXCO Pendidikan, kita meletakkan KPI program tuisyen rakyat Selangor di mana kita memberikan *tution* percuma kepada calon-calon SPM 2009 yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah di mana kita mahu keputusan SPM mereka pada 2009 ini sekurang-kurang 70 peratus daripada peserta PTRS ini Program tuisyen Rakyat Selangor ini, menunjukkan prestasi meningkat keseluruhan sekurang-kurang 20 peratus bagi tiap-tiap pelajar. Dan saya ingin ingatkan Batang

kali, walaupun dia tidak ada di sini dah, bahawa di antara KPI Kerajaan Pakatan Rakyat ialah bagaimana nak menembusi sekolah-sekolah yang dikuasai oleh Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan ini yang menghadkan wakil-wakil rakyat pemimpin kita untuk memberikan yang terbaik kepada sekolah-sekolah di sini. Walau apa pun saya ingin menyatakan untuk berkongsi bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat di mana program jelajah ilmuwan yang baru kita adakan di Sabak Bernam yang lepas, hari Sabtu yang lepas telah berjaya mengumpul 700 orang pelajar daripada Sekolah Menengah daripada 17 sekolah di daerah Sabak Bernam. Walaupun dengan had-had Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum.

Selat Klang juga mengambil maklum saranan daripada Kajang tentang Kelas Punjabi di mana dikatakan kelas Punjabi ini atau sekolah Punjabi ini tidak mendapatkan perhatian daripada Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional. Kita akan melihat dengan lebih teliti dan apakah yang cara kita boleh membantukan mereka ini.

Kota Damansara menyatakan sama ada gejala sosial yang begitu banyak melambak-lambak di Selangor ini dikatakan, adakah SPIES boleh menyelesaikan masalah gejala sosial ini. Saya nak jawab dengan sebuah pantun, ada serai dalam perahu, belum *try* belum tahu. Jadi, Kota Damansara kena bagi sokongan dan dokonganlah untuk kita cuba membawakan SPIES ini kepada mereka yang sekarang ini ingin begitu terdorong untuk melakukan gejala sosial. Untuk pengetahuan YB Kota Damansara juga semalam saya bersama-sama dengan dua SPIES remaja yang diadakan dan di antara yang diluahkan oleh wakil daripada peserta SPES itu ialah dia kata terima kasih kepada kerajaan Negeri Selangor kerana memilih kami untuk menyertai program SPIES ini menjemput kami remaja-remaja yang bermasalah ini dan kami berazam mulai hari ini kami akan memperbaiki diri sendiri dan mentaati ibu bapa, tidak melawan ibu bapa, itu contoh daripada luahan hati seorang yang agak saya kira daripada gayanya, agaknya bekas perempit kot.

Bagi Taman Templer mengatakan, begitu emosi mengatakan Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ini seolah-olah menunjukkan kejumutan pemikiran, tiada daya saing. Bagaimana hendak dibuat dengan minda rakyat. Seolah-olahnya, pemikiran rakyat ini, pemikiran Kerajaan Pakatan Rakyat ini, seolah-olahnya telah menyebabkan Selangor ini semakin jauh daripada kemajuan, ini yang disebutkan oleh Taman Templer. Apa yang hendak nyatakan, mungkin yang dilihat dan diperhatikan oleh Taman Templer ini kalau benarlah ada jumud pemikiran ianya hasil pendidikan pembangunan dan modal insan acuan Barisan Nasional 50 tahun lepas. Dan, di tanya juga kebajikan hanya untuk diberikan mungkin benda-benda, tiada kebajikan profesional, apakah kebajikan keilmuan. Saya hendak menyatakan kepada Taman Templer dan ke seluruh Yang Berhormat bahawa dalam program jelajah ilmuwan pada 11hb. 7 yang lepas di Sabak Bernam telah membawa saintis-saintis, ilmuwan-ilmuwan di antaranya adalah pakar '*cyber optic*', pakar bioteknologi bahkan penemuan vaksin yang sekarang ini dipatentkan oleh Kerajaan Australia kerana Kerajaan Barisan Nasional masa itu tidak mengiktiraf penemuan beliau, satu vaksin yang begitu penting yang sekarang ini menjadi '*intellectual property*' dengan izin Kerajaan Australia, kita telah membawa, mengetengahkan mereka ke pangkuan masyarakat supaya mereka dalam 700 orang pelajar kelmarin telah melihat boleh berinteraksi dengan ilmuwan-ilmuwan yang telah pun wujud di Selangor kini. Bangi begitu bangga kerana Bandar Baru Bangi telah dinobatkan sebagai Bandar Ilmu dan meminta ia perpustakaan dilengkapi buku setaraf dengan keperluan setempat. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana Bangi begitu komited mahu mengimplicasikan Bandar Baru Bangi sebagai Bandar Ilmu.

Saya ambil maklum keperluan perpustakaan yang memerlukan yang sudah tentu koleksi-koleksi yang banyak dan berkualiti tinggi serta memerlukan keperluan setempat di mana Bandar Baru Bangi ini dipenuhi dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang banyak.

Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Yang Berhormat- Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat yang rata-ratanya dikatakan mesra buku, mesra ilmu dan sentiasa mengambil berat tentang gedung-gedung ilmu atau perpustakaan di seluruh Selangor. Saya menerima banyak permohonan ADUN-ADUN yang mahu mini *library* (dengan izin) diwujudkan di DUN masing-masing sebagai pemantapan pemangkin modal-modal insan di DUN masing-masing. Saya akan meminta kepada semua PBT yang mempunyai perpustakaan untuk digembleng untuk membantu wujud mewujudkan gelombang budaya ilmu di seluruh Selangor. Sesetengah dewan yang dikenal pasti oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian *mini library* diubahsuai menjadi *mini library*. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat proaktif berusaha, mahu bekerjasama dengan NGO-NGO, JKK, Penduduk Setempat, penderma-penderma, peminat-peminat buku serta sukarelawan yang semua boleh *disurnergykan* untuk bergerak sebagai satu pasukan mantap, menyediakan prasarana di bawah nasihat dan berpanduan perbadanan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Inilah saya kira, kaedah baik untuk Ahli Dewan Undangan Negeri dan wakil rakyat di kawasan DUN masing-masing untuk menyuntik dan menyemarakkan kerjasama, berpadu tenaga dan terfokus ke arah aktiviti yang berfaedah dan kontrasif dalam usaha membina fir-ummah atau ummah terbaik, negeri yang baik dan diampunkan oleh Allah SWT *baldatun taiyabatun narabbun ghaffur* dan pembelian-pembelian buku, pembelian rak bahkan prasarana boleh diuruskan sendiri dengan khidmat nasihat daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Kerja ini dapat menjimatkan kos daripada Kerajaan Negeri kerana kita boleh memupuk sifat kesukarelaan yang tinggi serta pembentukan masyarakat yang mahu dan mampu berdikari. Seperti yang telah disebutkan oleh Kampung Tunku, Kerajaan Negeri perlu berbelanja dengan berhemah. Jadi, ini di antara cara Yang Berhormat-Yang Berhormat membantu Kerajaan Negeri. Dengan ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mahu menjadi ADUN-ADUN mithali yang boleh membantu Kerajaan Negeri menjimatkan belanja lebih-lebih lagi dalam masa Negeri menghadapi kesan kegawatan ekonomi di samping memperkasa dan membentuk budaya cinta ilmu rakyat Yang Berhormat sekalian. Jadi, ini adalah salah satu cara inovatif dan kreatif untuk kita negeri Pakatan Rakyat yang seolah-olah melalui *communication* (dengan izin) dengan wujudkan litar pintas atau '*short sense*' (dengan izin) peruntukan yang sebenarnya duit rakyat dari Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional. Jadi saya secara peribadi dan EXCO Kerajaan Pakatan Rakyat Insya-Allahlah mahu semua perpustakaan dilengkapi dengan pelbagai koleksi terkini dan *provision* yang terbaik, Insya-Allahlah. Bangi

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan Tambahan, minta penjelasan, bagaimana kaedah bagi ADUN-ADUN mewujudkan permohonan perpustakaan mini ini di DUN masing-masing?

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Hulu Kelang. Untuk mewujudkan mini perpustakaan / perpustakaan mini bolehlah menyatakan hasrat kepada PPAS ibu pejabat negeri yang mana Yang Berhormat boleh menyatakan tempat dan lokasi dan apakah yang telah ada di tempat yang Berhormat supaya PPAS boleh memberi khidmat nasihat apakah cara, bagaimana hendak mengendalikan, bagaimana hendak melabelkan, bagaimana hendak mengkategorikan buku-buku atau koleksi-koleksi yang boleh dimuatkan dalam perpustakaan mini tersebut maknanya kita boleh berkecil-kecilan dahulu sebelum mengembangkan lagi koleksi-koleksi yang ada. Ini satu cara tapi saya memandangkan terlalu ramai ADUN-ADUN meminta peruntukan dan sebagainya, sebab itulah saya mengesyorkan supaya Yang

Berhormat sendiri mencari satu cara yang kreatif untuk mewujudkan perpustakaan mini itu. Tentang Bangi,

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, minta laluan. Cuma sedikit tambahan sepatutnya Teratai sudah beri surat selama satu tahun tapi kita tidak terima apa-apa tindak balas dari pihak kerajaan. Boleh jelaskan berapa lama untuk diambil supaya surat kita dijawab untuk memohon perpustakaan?

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Yang Berhormat Teratai perlu menulis surat kepada Pengarah PPAS bukan kerajaan, Pengarah PPAS untuk diambil perhatian dan seperti yang saya sebutkan tadi sebab ibu pejabat sendiri di Shah Alam ini sendiri mempunyai masalah kekurangan koleksi. Dan untuk makluman-makluman Yang Berhormat sekalian pada 2010 nanti kita akan berpindah ke satu Bangunan PPAS baru di Seksyen 19 Shah Alam. Itu yang disebut oleh Kampung Tuanku menelan belanja 70 juta. Yang dari 2008 kita telah membelanjakan 50 juta, 2009 untuk binaan sahaja, bukan infrastruktur sahaja, bukan isinya adalah 35 juta untuk tahun ini. Jadi, Yang Berhormat Teratai boleh memberikan kepada Pengarah PPAS dan boleh s.k. kepada saya.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, bolehkah saya tanya adakah ini bagus kalau kita agihkan peruntukan yang sedia ada diagihkan kepada setiap DUN supaya kita boleh memperbanyakkan lagi perpustakaan kecil berbanding perpustakaan yang besar dan belanja yang begitu besar, besar belanja tu? Terima kasih.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Kita masih bekerja kuat lagi untuk mencari peruntukan yang lebih untuk diagih-agihkan kepada semua ADUN tapi kalau Insya-Allahlah ada emas atau minyak mungkin kita boleh, tetapi setakat ini, sebab itu kita meluluskan peruntukan tambahan untuk 2009 ini tadi kerana kita masih belum mencukupi lagi peruntukan itu. Bahkan kita pada tahun ini kita telah menambahkan RM 1.5 juta daripada perbelanjaan biasa perpustakaan kerana mengambil kira *prosiding* atau penjenamaan semula dan juga menambahbaikkan lagi operasi perpustakaan.

Bangi juga menyebutkan masalah sosial yang meminta perhatian polis, NGO dan sebagainya. Untuk makluman Bangi, kita telah mewujudkan Ahli Jawatankuasa Induk Sosial yang mana pimpinan-pimpinan di setiap daerah dan Insya-Allahlah kita akan melibatkan ADUN-ADUN bergiat cergas membantu untuk mencegah gejala-gejala sosial ini untuk kita membendung ia tidak menghancurkan segala rencana segala perancangan yang baik yang kita mahu lakukan di negeri Selangor ini. Jadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat mendapatkan surat nanti untuk bersama dalam Jawatankuasa Induk ini tolong-tolong apakan, beri perhatian. Bangi juga saya dengan Sijangkang, tidak cukup sekolah hendak minta sekolah.

Kita memang dalam proses dalam bina sekolah dan sebagainya tetapi mengikut keutamaan kerana hutang lama harus dimulakan dulu, harus diselesaikan dulu. Bangi mungkin dalam *list* tapi belum lagi, mungkin dalam 2010 Insya-Allah kalau kita ada peruntukan lebih, kita boleh mulakan dengan cepat.

Kampung Tunku, juga mahu mewujudkan biasiswa yang cemerlang bagi mereka yang cemerlang dalam sekolah kerana untuk memperkasakan modal-modal insan ini. Untuk maklumat Kampung Tuanku, Yayasan Selangor telah pun memberikan biasiswa bagi pelajar-pelajar cemerlang yang daripada keluarga yang pendapatan yang rendah. Yayasan Selangor juga ada membiayai pelajar-pelajar yang memasuki kemasukan Institut Kemahiran Selangor, INPENS dan Institusi Pengajian Tinggi. Dan, saya setuju dengan 100% Kampung Tunku yang

mana mahu memperkasakan Yayasan Selangor supaya Yayasan Selangor mendapat pendapatan yang lebih supaya mampu untuk mengagihkan pendapatan ini, kebaikan ini supaya seramai mungkin rakyat menerima habuan tersebut. Dan, saya dan Yang Amat Berhormat Ijok sendiri Insya-Allah cuba melakukan proses *cleansing* (dengan izin) dan memperkasakan Yayasan Selangor itu sendiri seperti yang disebut-sebutkan dalam dewan ini, selama beberapa hari ini bukan sahaja mengalami masalah-masalah di mana bila berniaga, rugi. Yayasan Selangor juga telah mengalami kerugian yang sekian lama yang tidak menyebabkan berprestasi seperti yang kita kehendak. Saya melihat tadi apabila Sri Andalas mengemukakan data-data statistik tentang jumlah keluarga miskin di DUN masing-masing, maka barulah saya faham, kenapa Teratai dan Kampung Tunku mahu merombak SPIES dan PTRS mengikut kawasan DUN masing-masing. Saya akan mengambil maklum dan melihat, kalau setengahnya tiada orang miskin langsung kerana PTRS ini adalah hanya untuk orang miskin. Kalau orang kaya tidak perlu, kita perlu menyalurkan kepada kawasan yang memerlukan. Begitu juga dengan SPIES, mereka ini juga mungkin DUN itu mempunyai masalah-masalah daripada integriti daripada masalah gejala sosial, daripada masalah-masalah yang kita sebutkan di sini dalam beberapa hari ini, maka kalau memang DUN itu tiada masalah kita akan mengalihkan pandangan kita kepada DUN-DUN yang lebih memerlukan.

Pesta buku yang disebutkan oleh Kampung Tunku juga, jangan tumpu di Shah Alam sahaja tempat lain pun perlu. Saya akan membawa perkara ini ke pihak perpustakaan dan juga, saya juga berbangga kerana Kampung Tunku mengambil maklum, sangat prihatin tentang proses *rebranding* atau penjenamaan semula Perpustakaan Awam Selangor yang mana kita mahu menjadi imej Perpustakaan Awam ini magnetik menarik khususnya remaja dan belia supaya mereka ini menjadikan *second home* ataupun rumah kedua mereka.

Dan, Teratai juga menyebutkan juga tentang SPIES ini, sama ada perlu atau tidak SPIES ini, dan mungkin perlu ditukar kepada yang lain kerana peruntukan itu boleh digunakan boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain. Saya hendak sebut pasal Teratai dan Kampung Tunku kita bukan hanya hendak menjadi Selangor *just another state* dengan izin ada kerusi, meja, lampu jalan, jambatan, kereta, bangunan yang canggih tetapi manusianya masih saling tidak selesa antara satu sama lain. Saling menyaki, saling mencemburui, saling iri hati bahkan ada yang berputik benci-membenci kerana salah tanggapan, perselisihan faham yang kecil-kecil, tidak ada berpanduan yang sebenar, kita tidak mahu melakukan bukan sekadar apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional pernah lakukan. Bahkan kita mahukan lebih daripada itu, kita tidak ada produk yang unik di Selangor lagi, yang tulen di Selangor. Selangor *nett*. kita mahu produk unik Selangor adalah orangnya, rakyatnya lain daripada yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat! Yang Berhormat! Teratai bangun.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Oh! bangun, dekat belakang, tidak nampak.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Tuan Speaker, sebenarnya saya rasa EXCO sedikit salah faham, apakah soalan yang Teratai bangkitkan. Soalan saya yang bangkitkan dalam dewan yang mulia ini ialah mekanisme untuk mengkaji macam mana kita mengkaji SPIES itu kita berjaya atau tidak? Adakah dia mekanisme untuk jangka pendek, jangka panjang, Objektif ataupun subjektif? Sekian, terima kasih.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Teratai. Saya rasa, saya bersangka baik memang itulah yang dikehendaki oleh Teratai dan Kampung Tunku seperti yang saya sebut, saya ingin memberi penggambaran sedikit dan ada pengumuman yang hendak saya sebutkan selepas ini. Jadi saya minta sabar dahulu. Kita Rakyat Selangor yang unik yang akan

menjadikan *trademark* Selangor dengan izin, maknanya rakyat yang mempunyai visi misi rakyat hidup segar mempunyai jati diri. Jika kita cerakinkan apa yang dibahaskan dan diluaskan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan panjang lebar dengan penuh perasaan di dewan yang mulia ini sejak 8hb. Julai 2009 merupakan tanda-tanda kepada penyakit-penyakit sistem pendidikan dan pembangunan modal insan yang telah diguna pakai oleh kerajaan Barisan Nasional sama ada dalam Negeri Selangor mahupun di pusat. Mirip daripada simptom-simptom demam selesema yang merebak ke seluruh dunia pada masa ini. Walhal ada di antara demam selesema itu sebenarnya berpunca daripada virus H1N1 tidak semua, tetapi yang menyebabkan demam selesema setengahnya itu adaslah sebenarnya berpunca N1H1. Begitu juga dengan soalan-soalan serta aduan-aduan Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang Ahli Majlis, Pegawai Kerajaan, Isu PKFZ, Isu bandar selamat, isu tender, isu denggi, isu kemiskinan, isu pergeseran atau salah faham, isu projek terbengkalai, isu berbalahan mengenai tanah, isu perniagaan yang untung menggunung si peniaga dalam masa yang sama oleh sebab mahu mengaut keuntungan yang melampau ada pihak yang jatuh sengsara, merempat merata, mengemis belas dari si berangus dan kroninya. Isu pencemaran dan pemusnahan alam sekitar, isu berpuak-puak dan berpecah belah isu *insanbunisen* (dengan izin) isu jenayah dan gejala sosial, isu ketidakadilan semua terjurus dalam satu jawapan. Yakni insan di Selangor ini tidak di bangun dengan seimbang dan sepadu. Pandai 3M sahaja tidak cukup . Pandai membaca, menulis, mengira sekiranya jika tidak diasah dan diasuh untuk cara memikir buruk baik sesuatu tindakan dan mengamalkan akan mempergunakan ilmu pengetahuannya sebaik mungkin akan melahirkan golongan pandai membaca dan menulis yang menipu orang kampung yang kurang pandai membaca dan menulis. Terjadinya kontrak-kontrak di mana yang pandai mengira, menipu, yang kurang pandai mengira, sekiranya tidak disertakan dengan pemerksaan spiritual dan ketidakpedulian sosial. Fokus hanya kepada fizikal sahaja akan melahirkan golongan sihat dan kuat. Meragut, merompak, merogol bahkan membunuh mempunyai daya tahan, daripada kekuatan spiritual dan emosi.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Sila.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kita telah dengar banyak penjelasan berkaitan SPIES dan kebaikannya sejak kali pertama di dalam dewan ini. Jadi kali ini, saya sudah sampai kali ketiga, kita mendengar ceramah seperti ini. Kita berharap dalam program SPIES ini menelan belanja lebih dari satu juta yang telah digunakan. Apakah kesan yang telah kita nampak sahiih yang boleh diukur. KPI? apakah kemajuannya? Adakah kita susuli perkembangannya. Kalau kita bercakap secara retorik sahaja di dalam dewan ini kita tidak dapat mengukur dan kita tidak dapat kemajuannya. Kita berharap semua program ini dapat didengar di dewan ini, apakah pencapaian ini? Sekian, terima kasih.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Kajang. Rasanya itu lebih kurang dengan apa yang disebutkan oleh Teratai. Jadi saya akan fokus dekat situ

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tapi jawapan masih tidak jelas.

**TUAN SPEAKER:** Saya pun kurang jelas.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Saya hendak sebut sekarang ini 1000 ekar tanah di Pulau Indah sudah dikebas, 15 ekar tanah di persisiran Pelabuhan Klang habis terlepas menyebabkan kita terpaksa hempas pulas menyelamatkan rakyat Selangor daripada terbabas. Sekarang ini, masalah-masalah yang berlaku ini, SPIES adalah *language* atau bahasa kerajaan



Pakatan Rakyat yang baru ini, Selangor yang baru ini untuk Selangor menimbulkan *chemistry* dan praktikal di kalangan rakyat Selangor untuk mencapai visi dan misi kerajaan negeri Selangor. Maknanya dia punya KPI, KPI bagi mereka yang melalui kursus SPIES ini, Kursus SPIES yang disebutkan saya rasa SPIES adalah satu proses, satu proses yang perlu digarap, perlu difahamkan dan perlu dihayati oleh rakyat di negeri Selangor. Namun, yang mungkin persoalannya siapa yang melalui kursus SPIES apa jadi kepada mereka. Saya hendak sebut, kira sebagai contoh, SPIES ini dimulakan program atau kursus SPIES ini dimulakan pada 28hb. Ogos, 2008 dan mungkin disebabkan puasa dan raya peserta-peserta tidak mahu mengikuti kursus SPIES. 2008, ada tiga (3) bulan kita wujudkan, lagukan, anjurkan kursus SPIES ini. Apa yang kita lihat, ini contoh kecil sebab ia belum menyeluruh, saya menjangka dalam masa setahun kita mengadakan kursus ini mungkin dalam bulan 9 saya berikan laporan terperinci. Apa yang terjadi? Ke mana halanya lagi? dan apa yang sedang kita lakukan kontrak *pressing* kepada mereka-mereka bekas peserta SPIES ini? Jadi contohnya, lonjakan hasil padi di daerah Sabak Bernam seperti yang telah diperincikan oleh Kota Anggerik baru-baru ini

**TUAN SPEAKER:** Itu pun disebabkan SPIES?

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Pengarah Pertanian, Pengarah Pertanian telah melalui kursus SPIES.

**TUAN SPEAKER:** Oh sebab itu naik ya.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Dengarlah dulu, kejam Tuan Speaker. Pegawai Daerah juga telah melalui dua kursus SPIES ini. Penghulu, semua penghulu, semua ketua dan setiausaha JKK telah melalui kursus SPIES, selain daripada memberi kepada semua golongan yang terlibat ini *high skill* iaitu cara banyak mana hendak letak baja, letak baja pukul berapa, nak dan sebagainya itu *high skill*.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan sedikit.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Belum habis lagi.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Sikit. Sikit pun jadilah. Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Selat Kelang, saya tertarik dengan penghulu, dengan JKK ya, setiausaha dengan Pengarah Pertanian semua telah di SPIES kan ya. Dan sekarang ini, Alhamdulillah hasil padi pun meningkat. Tapi saya hendak tahu sama ada petani-petani ini juga satu hari nanti akan di SPIES kan juga atau tidak? Ini yang penting ini.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** (Ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat saya ingat mungkin Ketua Pembangkang juga perlu di SPIES kan sedikit supaya mereka faham Peraturan Tetap dan Amalan Parlimen.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Jadi sebenarnya, petani belum sampai ke situ. Kita sekarang ini mencari golongan kritikal bawak konsep SPIES ini supaya membangunkan supaya mengerakkan masa atau mengerakkan seramai mungkin rakyat di Negeri Selangor ini supaya dia punya *Key word* pendekatan kita holistik, kita bukan hendak letak banda id sahaja plaster sahaja, kita bukan mahu jenayah ini. Kita tangkap yang melakukan jenayah, ambil, tangkap masuk polis lepas itu untuk menyelesaikan masalah di negeri Selangor kita tambah polis, kita tambah Balai Polis. Hendak menyelesaikan masalah denggi, kita tambahkan lagi hospital, kita tambahkan lagi klinik, kita tambahkan lagi doktor, kita tambahkan lagi peruntukan oleh PBT-

PBT. Sebenarnya denggi ini juga menjuruskan kepada sikap kepada manusia. Denggi ini tidak akan wujud sekiranya nyamuk aedes tidak wujud. Nyamuk aedes tidak wujud sekiranya

**TUAN SPEAKER:** Sekiranya di SPIES kan?

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Boleh diminimumkan. Dengar lah keja. Boleh diminimumkan, sikap-sikap rakyat di Negeri Selangor menjaga kebersihan. P dalam fizikal SPIES itu adalah menjaga kesihatan, siasat dan segala yang ada, infrastruktur dan strukturnya.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya faham perubahan yang dihasratkan, dan kita hendak tahu dalam program-program SPIES yang dijalankan atau JKK atau pegawai daerah ke memang mereka hadir ramai-ramai, arahan daripada kerajaan memang mereka hadir juga, kalau tidak hadir nanti kena pecat susah. Tapi selepas kursus itu kita memang ada buat penilaian, membuat penilaian *feed back* (dengan izin), maka dalam penilaian, soal selidik, penilaian kursus, apakah ini apa kesimpulan daripada maklum balas yang diterima? Sekian terima kasih.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih. Nak soal- soal, yang satu belum lagi semua nak tanya, nanti semua tidak terjawab, nak jawab fasal apa yang Kajang sebutkan, untuk makluman setiap program SPIES ada *percent* dan *feed back* ada jawapan daripada setiap peserta. Apakah perubahan yang dia rasa, dia dapat daripada itu dan komen-komen tentang konsultan, fasilitator, prasarana dan sebagainya keseluruhan. Yang kedua kita telah melantik pemantau bebas untuk memerhatikan sama ada itu mengikuti modul seperti yang telah ditetapkan dan mengikuti peraturan-peraturan yang telah kita tetapkan. Dan mereka perlu menghantar laporan sebelum bayaran dilakukan. Dan kita mendapatkan laporan-laporan seperti ini, banyaknya dan mungkin nanti akhirnya nanti saya nak sebut nanti ada kaitan dengan apa yang saya nak umumkan akhir nanti kita juga dapat laporan daripada peserta-peserta SPIES daripada Datuk Bandar, Yang Di Pertua, DO dan sebagainya tentang Pakatan Rakyat. Ini mungkin apa saya belum *reveal* lagi penemuan, jadi seperti yang saya sebutkan tadi untuk menjayakan sesuatu projek, sesuatu program, sesuatu dasar Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor yang kita rasa adalah lebih baik daripada Barisan Nasional. Jadi tadi sebelum selain daripada kita memberi *hard skill*, ilmu dan kemahiran kepada petani-petani mereka juga dipandu arah, *mindset* dengan izin, *hardskill* dengan izin, *softskill* dengan izin, yang jelas supaya mereka mampu menyumbang kepada pencapaian hasil padi terbaik, Insya-Allah. Yang pasal petani itu kalau Yang Berhormat beri peruntukan lebih kepada SPIES saya bagi, sebab saya sekarang ini masalah, masalah sekolah-sekolah meminta Kursus SPIES, tidak ada dalam senarai bajet saya. EXCO Pertanian, EXCO Luar Bandar nak SPIESkan seluruh Ahli Jawatankuasa, saya hanya beri Ketua Pemuda dan Ketua Biro Wanita sahaja, yang lain tidak ada apa. EXCO Wanita pun begitu juga dan saya mendapatkan permohonan juga daripada guru-guru, bahkan PIBG dan NGO-NGO untuk diberikan satu Kursus SPIES ini. Jadi sekarang sebenarnya, lonjakan ataupun permintaan atau *demand* kepada Kursus SPIES ini saya pula perlu hadkan bukan nak promosi tapi hadkan pula. Bahkan ada daripada luar dari Negeri Selangor yang memohon, saya kata ini untuk rakyat Negeri Selangor dulu dan juga pelajar-pelajar untuk IPT-IPT, mahasiswa, persatuan Mahasiswa yang bukan Negeri Selangor juga sebenarnya meminta tetapi saya katakan kita cuba di Selangor dulu, habiskan di Selangor dulu. Menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor sempena Tahun Sambutan 50 Dewan Negeri Selangor pada lapan hari bulan tujuh dua ribu sembilan di Shah Alam di mana Baginda mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat menjaga adab dan disiplin serta bertanggungjawab kepada rakyat yang memilih mereka. Maka Selat Kelang selaku EXCO Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor mendokong mandat dan mewakili seluruh rakyat Negeri Selangor ingin mengumumkan bahawa semua Ahli-Ahli Yang Berhormat Negeri

Selangor khususnya menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor diwajibkan mengikuti Kursus SPIES Kepimpinan Modul Wakil Rakyat yang dijadualkan berlangsung 25 hingga 27 hari bulan Oktober 2009. Ini notis pertama Yang Berhormat, ini bagi memastikan rakyat Selangor mendapat dengan izin *value for vote* bila memilih Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai harapan dan tali tempat mereka bergantung dan boleh meleraikan kekeliruan sekarang ini dan Yang Berhormat sendiri akan memberitahu saya apakah pencapaian SPIES.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang Berhormat saya sarankan kalau di kalangan wakil rakyat Kerajaan saya rasa dari sudut SPIES sudah mantap, yang perlu ditekankanlah ialah di pihak Pembangkang.

**YB TUAN DR. HALIMAH BT ALI:** ikutlah dulu, dia kena ini dulu kita ini sebagai Pemimpin ini kena lebih daripada Yang Berhormat daripada Pembangkang. Jadi yang saya sebutkan tadi *value for vote* untuk pengundi-pengundi Yang Berhormat sekalian. Mereka mungkin telah berkorban kesetiaan dengan memilih Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai wakil mereka, maknanya sebelum ini mereka memilih orang sebelah sana justeru adalah tepat dan patut sekiranya semuanya Ahli-Ahli Yang Berhormat menunjuk kepimpinan terbaik dan sikap dengan izin *teachble dan learnerbel* untuk memperkasakan diri sebagai contoh kepada rakyat-rakyat Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Ijok sebagai Menteri Besar akan memimpin keseluruhan Kursus SPIES ini dengan dipantau oleh Konsultan, pemantau bebas. Modul ini akan memasukkan pertama slot-slot yang bersama wakil pengundi di DUN masing-masing. Ini Yang Berhormat dengar ya, akan mengandungi slot-slot bersama wakil pengundi di DUN masing-masing yang akan mencurahkan para hati serta segala kritikan-kritikan daripada mana-mana lapisan rakyat mengenai prestasi Yang Berhormat sebagai wakil rakyat di DUN atau Parlimen. Ini bolehlah diambil sebagai *baseline* KPI Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Slot kedua, ada slot insya-Allah dengan mendengar luahan-luahan hati dan maklum balas daripada wakil pegawai kerajaan yang ada di antaranya telah dikecam hebat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Pakatan Rakyat kerana gagal mencapai hasil kerja yang memuaskan untuk menyelesaikan masalah rakyat. Saya nak beritahu Yang Berhormat semua Do, YDP, Datuk Bandar hampir semua. Satu saja yang belum MPK je belum dan Ketua-ketua Jabatan telah melalui Kursus SPIES, Alumni SPIES yang telah ditutupkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar, yang menyusul Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Jabatan di seluruh bangunan SUK akan menyusul dalam masa yang terdekat. Jadi adalah tidak adil kalau Yang Berhormat sebagai Modal Insan Utama Negeri Selangor tidak melalui Kursus SPIES.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker minta laluan. Yang Berhormat saya ingin memaklumkan satu senario atau kes baru-baru saja berlaku di DUN Teratai yang mana Yang Amat Berhormat turun padang ke Teratai pada Jumaat yang lalu tetapi YDP tidak hadir, adakah maksud ini di SPIES tidak cukup, jadi dia tidak hadir bersama dengan Yang Amat Berhormat di satu dialog bersama dengan penduduk.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih Teratai, saya pun macam Speaker, saya kena dengar kedua-dua pihak sebelum menjawab soalan Teratai itu tetapi kalau ada tanda-tanda ataupun ciri-ciri yang menunjukkan mungkin ada masalah-masalah bolehlah diberikan *respond and feedback* itu, insya-Allah dan kita boleh menanya Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB:** Di Dewan yang mulia ini kita sudah banyak kali menegur pihak EXCO, sekiranya nak buat satu-satu program eloklah dirunding dengan Kelab Penyokong Kerajaan, itu pertama sekali maknanya hentikan, mencadangkan sesuatu tanpa meminta pandangan *joint venture* dengan izin. Keduanya dalam konteks *training* itu sendiri pun *the highest level* dengan izin sebaik-baik *training* itu adalah *customer driven*. Memahami cita rasa keperluan, jadi *training* tidak sewajarnya disogokkan dari atas untuk dipaksakan ke bawah,,jadi saya rasa tidaklah wajar maknanya Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak dirujuk, tidak didapatkan pandangan dan disogokkan satu program seolah-olah pandangan pihak yang menganjurkan program itu terbaik ADUN-ADUN kena terima, *take it or leave it*. Saya minta penjelasan.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih Hulu Kelang. Oleh kerana orang yang akan di SPIESkan di sini adalah ADUN-ADUN sendiri maka saya rasa kita sekretariat SPIES dia tak kenal, dia kalau kategori modulnya Penghulu sesuai untuk Penghulu. Kalau untuk remaja sesuai untuk remaja. Kalau untuk wakil rakyat dia tidak kira apa jawatan yang dipegang oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu namanya Yang Berhormat maka dia akan melalui satu sistem tersebut. Insya-Allah dan ini adalah satu disiplin, satu cara untuk kita yang saya katakan tadi kita *teachable* dan *learnnerbel* dan kita mahu mendisiplinkan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk sehingga Ahli Majlis, termasuk JKK dan sebagainya. Bagaimana pula siapa pula nak mendisiplinkan wakil rakyat yang sekarang ini dilihat seolah-olah melihat semua orang tidak betul. Jadi saya nak sebut ini yang sambungkan tadi tepuk tangan sebelah tak akan berbunyi. Adakah kemungkinan besar di antara penyebab kenapa sesuatu projek atau sesuatu masalah tidak boleh diselesaikan dengan baik kerana campur tangan dan sikap dan tindakan-tindakan Ahli Yang Berhormat Pakatan Rakyat. Saya difahamkan mungkin kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu merasakan selesa dengan *rating* yang meningkat PRU 13 tak lama lagi. Jadi sebelum rakyat Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan keputusan di tempat mengundi maka eloklah kita menilai diri kita sendiri. Jadi ini bukannya untuk memaksa tetapi memaksa rela, maknanya ada di antara sebagai, ada maknanya adakah di sebuah pentadbiran pengurusan Negeri Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor belum licin kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat Pakatan Rakyat yang memerintah mengganggu perjalanan atau proses sesuatu dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Sama-samalah kita tunggu respons daripada pegawai pelaksana nanti, jadi kita akan minta daripada pihak-pihak yang berkenaan nanti sebagai wakil kepada suara yang berlaku sebenarnya sebagai Pelaksana kita. Ketiga akan mempunyai slot *sukses stories* daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat Veterian yang berjaya dan Negeri yang telah berjaya dengan lamanya diperintah oleh Pakatan Rakyat yakni Kelantan yang dapat bertahan bahkan semakin cemerlang walaupun diserang bertubi-tubi dan melalui ekonomi *sanction* daripada Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan. Kita juga akan menjemput wakil-wakil daripada Kerajaan Kedah dan Pulau Pinang untuk berkongsi pengalaman dengan kita dan mereka akan membenteng pengkisahan dengan menggunakan kerangka SPIES yang kita gariskan. Pakatan Rakyat Perak juga akan menjemput untuk membenteng kisah sedih mereka khususnya dari perspektif Pembangunan Modal Insan mereka dan mengaitkannya dengan modul SPIES. Sekretariat SPIES juga meneliti cadangan kepada MMKN kemungkinan untuk menahan peruntukan ADUN dan MP yang gagal mengikuti Kursus SPIES Yang Berhormat sebagai satu disiplin yang wajib dipatuhi oleh Modal Insan Utama dan Pencorak Masa Depan Pemerintahan dan pengurusan Negeri Selangor Insya-Allah ini. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk secara detailnya kalau nak cerita pasal angka untuk Teratai, untuk jawapan kepada Teratai dan Kajang untuk menceritakan angka-angka apa yang terjadi kepada mereka yang telah melalui Kursus SPIES. Kita sekarang ini membuat satu komplikasi tengah menunggu laporan-laporan yang lengkap daripada semua konstantan bahkan juga kita telah meminta konsultan ini *followup dan follow through* dengan izin peserta-peserta SPIES. Untuk Yang Berhormat juga kita telah mengadakan satu

pencubaan projek apa nak sebut ya ini mungkin tidak berapa sedap SPIES para pelacur. Mereka telah kita lihat, kaji kenapa punca utama dan kisah-kisah itu mengerikan begitu menakutkan bahkan dia boleh terjadi kepada siapa pun bahkan kepada orang-orang yang mungkin kita kata baik seperti kita ini kalau kita tidak membendung punca-punca utama *contributing factor* dengan izin yang telah dilalui oleh mereka. Kisah-kisah sedih mereka, jadi Alhamdulillah kita lihat satu lonjakan paradigma yang baik di antara kalangan-kalangan mereka ini Yang Berhormat kena faham mereka ini boleh menyumbang kepada HIV angka HIV kalau Yang Berhormat nak tanya pasal angka HIV dia bukan berlaku satu minit satu tahun, dia akan mengambil masa yang lama. Tapi ini antara golongan-golongan yang telah kita kenal pastikan segala remaja, segala belia dan sebagainya bahkan golongan-golongan yang berpengaruh di dalam masyarakat itu, itulah yang kita cuba mahu membawakan konsep SPIES ini. Konsep SPIES sebagai satu *language* atau bahasa Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor seperti yang saya sebutkan tadi untuk menimbulkan *chemistry*, untuk menciptakan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Taman Medan

**YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Daripada penjelasan yang dibuat oleh Exco tadi nampaknya dengan begitu banyak kumpulan sasar dan bajet yang begitu terhad adakah ia akan berkesan kepada semua kumpulan sasar ini.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih Taman Medan, kita memang ambil beberapa golongan kumpulan tetapi yang terpilih maknanya remaja kita tidak akan mampu untuk menSPIESkan dengan sendiri dengan membawa konsultan untuk empat puluh persen daripada golongan remaja di Selangor ini. Apa yang kita ambil ialah *sample* remaja-remaja di DUN ini supaya mereka ini nanti dengan cara mereka sendiri mempromosi, menghayati dan mereka ini yang membawa konsep SPIES ini kepada rakan masing-masing. Jadi saya nak nyatakan tadi di sini Kursus SPIES ini hanyalah satu cara untuk kita membawakan satu agenda baru, satu gagasan baru, saya formula baru seperti yang ada disebutkan oleh orang di sebelah sana tidak ada nampak beza pun. Kerajaan BN dengan Pakatan Rakyat tidak ada beza, ini *trademark* baru, ini cara baru kita membangunkan modal insan, apabila nanti kita sudah mendapatkan satu budaya di mana ia difahami diketahui, disedarkan oleh masyarakat kritikal *mass* kita, maka kita tidak perlu menjalani Kursus SPIES ini. Sekejap nak buat kursus, sekejap nak buat kursus, ini fasa pertama, fasa menyedarkan, memahamkan rakyat di Negeri Selangor, pemimpin di Negeri Selangor, Guru-guru di Negeri Selangor, Pemimpin Belia Remaja dan Siswa di Negeri Selangor tentang perlunya kita menyelesaikan masalah secara holistik itu yang saya sebutkan tadi. *Keyword* bagi pemerintahan Pakatan Rakyat ialah katakan saya bagi contoh kalau ada seorang *businessman* nak dapat satu projek, untuk diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kita akan memastikan ini telah dilakukan walaupun tidak disebut SPIES tetapi telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pertama kita nak tahu dia ini hatinya bersih atau tidak, ataupun dia ini penipu, adakah dia ini telah pecah amanah atau dia ada buat projek lain tak tetapi menghancurkan rumah orang lain mungkin menjejaskan keselamatan orang lain as *spiritual*. Fizikal dia ni ada cukup kapital tidak, ada cukup punya pakar-pakar atau tidak, mampukah tidak dia ini idea intelek dia, mampu ke tidak dia menjalani satu projek yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. PI Emosi sekiranya *reject* atau tidak dibenarkan tidak dapat tender, tidak dapat projek oleh Kerajaan Negeri Selangor apa yang dia lakukan, kalau emosinya dia ini menyebabkan orang lain diugut, orang lain diambil kesempatan, dia mungkin mengalibabkan maka emosinya diambil kira juga orangnya itu. Kadang-kadang dia pandai bermuka-muka depan Kerajaan Negeri Selangor, EXCO kepada Negeri Selangor tapi di belakang dia ini begitu teruk. Soalnya Sosial apa *sociability* kita bagi satu projek yang besar mungkin sepuluh juta apakah sumbangan balik dia kepada rakyat Negeri Selangor kepada orang di sekeliling projeknya itu, ini dia SPIES yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat ada SPIES lagi. Dah habis penggulungan, ya dah habis, baik. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat sekalian waktu menunjukkan pukul satu tengah hari maka saya tangguhkan dewan hingga dua setengah petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula, persilakan Kota Anggerik

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahi rahmani rahim...*doa pembukaan..., *Assalamualaikum Warahmutullahirwabarkatuh* dan Salam Sejahtera. Tuan Speaker kita mulakan sidang dewan kali ini dengan satu ucap utama daripada YAB Menteri Besar, soal Demokrasi dan Kebebasan dan Kerajaan Pakatan Rakyat benar-benar mengamalkan Prinsip Demokrasi dan Kebebasan yang memberi ruang sepenuhnya kepada Ahli Dewan Undangan Negeri untuk menyatakan pandangan-pandangan ini berbeza sekali dengan amalan dalam Barisan Nasional saya lihat satu ketika dahulu di Pulau Pinang apabila dua Adun MCA menyokong cadangan daripada ADUN DAP kedua-dua ADUN tersebut telah diambil tindakan, digantung berbeza dalam Kerajaan Pakatan Rakyat saya mengalu-alukan pandangan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa bila menegur barisan EXCO supaya perbaiki *performance* kita, saya yakin teguran mengenal pasti tinggi Bukit Antarabangsa berniat jujur dan ikhlas atas rasa sayang terhadap Kerajaan Negeri, dan saya selaku EXCO menerima teguran itu dengan cabaran supaya pengurusan Kerajaan Negeri akan lebih berhati-hati dan memastikan bahawa kecekapan Pentadbiran Kerajaan Negeri dijaga dengan baik tapi kenyataan ini tidak keluar dalam media, jadi Tuan Speaker jika pada Ahli Yang Berhormat yang lain, inilah satu ruang yang sangat baik dan menarik berbeza dalam Barisan Nasional, mereka mengamalkan budaya *pak turut* bila mana kepala lembunya keluar semua anak lembu keluar sekali. Dan sebab itulah saya mengharapkan budaya tegur menegur menggunakan ruang sebaik-baiknya dalam dewan ini digunakan dengan sepenuhnya oleh semua ahli-ahli dewan untuk memudahkan kami sebagai pasukan Pentadbir Negeri untuk menguruskan Negeri dengan baik. Tuan Speaker pada hari pertama persidangan dewan ini saya menghadihkan semua ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai yang datang dengan sebuah buku kecil tajuknya Umur Abdul Aziz, saya, saya rasa buku ini bukan hanya dirujuk oleh kita yang beragama Islam bahkan YAB Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang merujuk buka buku ini kerana rasa hormat kepada Tokoh Khalifah yang sangat agung, Umar Abdul Aziz yang mentadbir negeri, mentadbir seluruh jajahan Kerajaan Islam ketika itu dengan sangat tertib dan teratur, Tuan Speaker untuk makluman Khalifah Umar Abdul Aziz ini dicatatkan sebagai sejarah Khalifah terbaik dalam Khalifah Abdul Shiddin selepas Saidina Ali, Umar Abdul Aziz merupakan satu anak bangsawan yang hidup mewah sebelum itu, diberitakan bajunya yang cantik, minyak wanginya yang harum, bila melintasi kampung orang tahu bahawa itulah Umar Abdul Aziz sedang lalu. Setelah Umar Abdul Aziz dilantik sebagai Khalifah kehidupannya sangat berubah dia menjadi orang yang sangat takut dengan Tuhan sangat takut dengan Allah dalam ucapan-ucapannya kata saya takut dipersoalkan oleh Allah Ta'ala bila di akhirat nanti. Sewaktu zaman pemerintahannya rekod sebagai Kerajaan terbaik yang menarik Tuan Speaker, ialah dicatat dalam sejarah ketika Khalifah Umar Abdul Aziz menjadi Khalifah tidak ada lagi orang yang meminta-minta apa ni zakat. Sebahagian besar menjadi penyumbang zakat ini menjadi inspirasi kepada saya bila mana Tan Sri menasihatkan saya supaya menguruskan, meningkatkan hasil pada di kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam, selama ini kelompok petani ini digolongkan dalam kelompok miskin. Selama lima puluh tahun pendapatan mereka tidak lepas enam ratus ringgit sebulan apabila Kerajaan Negeri isytiharkan supaya kadar kemiskinan ditingkatkan kepada satu ribu lima ratus dalam dewan yang mulia ini Ketua Pembangkang dan Timbalannya mengkritik Kerajaan Negeri dikatakan bahawa seandainya kemiskinan dinaikkan kepada satu ribu lima ratus maka jumlah yang miskin di Negeri Selangor akan meningkat cuma data daripada EXCO

kemiskinan untuk Kota Anggerik tidak betul, dia kata satu orang jer yang miskin, bila saya semak ramai lagi yang miskin di Kota Anggerik. Saya pergi satu rumah baru ini, suaminya meninggal rumah di Seksyen 16, anaknya sepuluh orang maknanya datanya kurang tepat jadi cabaran kepada saya ialah bagaimana hendak kita meningkatkan pendapatan petani padi yang jumlahnya hampir sepuluh ribu keluarga yang selama ini dibelenggu oleh kemiskinan saya dan pasukan daripada Jabatan Pertanian, MARDI berusaha untuk melihat apakah faktor-faktor untuk meningkatkan hasil padi atas nasihat YAB Menteri Besar bila kita lihat rupanya amalan pertaniannya tidak teratur kawasan tanahnya berasid sebab itu hasilnya tidak meningkat, program pengapuran tidak dijalankan. Setelah dikenal pasti masalah-masalah kritikal faktor kita usahakan untuk plot yang pertama nampaknya hasilnya meningkat dan untuk kawasan Sungai Besar juga meningkat. Saya macam mana Sungai Besar boleh jadi Wakil Rakyat tiga penggal nak meningkat hasil padi pun tak tahu. Saya rasa Sekinchan cukuplah Sungai Besar setakat itu sahaja lah. Sungai Panjang setakat itu lah. Jadi Tuan Speaker hasil daripada usaha-usaha kita ini nampak berhasil seandainya purata pengeluaran tujuh tan satu hektar petani boleh mengaut pendapatan satu ribu lima ratus ke atas dan ini boleh dicapai sasaran kita sekurang-kurangnya lapan puluh peratus mencapai tahap ini. Setakat ini kita hampir mencapai peningkatan sangat ketara bagaimanapun YB. EXCO Halimah kata ini kerana SPIES yang kita laksanakan. Jadi memang Ketua Kampung dah mengikuti Program SPIES, pendapatan meningkat ini bermakna untuk lapan ribu keluarga petani padi kita seolah-olah telah memberi satu ribu ringgit kepada tiap-tiap bulan kepada mereka. Atau sekitar lapan juta sebulan wang akan beredar di kawasan petani padi. Dua kali Sungai Panjang bangkitkan soal cacing saya lihatlah bahawa cacing ini tidak menampakkan hasil ketara untuk meningkatkan hasil padi, iaitu bila kita lihat rumah cacing itu dibuat di kawasan-kawasan rizab sungai maka Kerajaan Negeri memutuskan supaya tidak boleh dibina binaan di kawasan rizab sungai, sebab itu program tersebut dihentikan kalau kita lihat permintaan baja cacing, baja cacing yang rendah, kos mendapatkan cacing juga tinggi, pengeluaran baja yang rendah berbanding menggunakan EM dan kadar MPK dalam baja cacing yang sekitar dua peratus. Tuan Speaker nampaknya ramai sangat yang berminat soal pasir seawal bila saya, kita ambil alih Kerajaan saya *announce* tentang pendapatan mineral Negeri Selangor. Untuk makluman Tuan Speaker tahun 2005, tahun 2006 hasil daripada mineral Negeri Selangor ialah (19.04 juta). 2006 (18.37 juta). 2007 (18.32 juta), 2008 (20.325 juta), tahun 2008 ada peningkatan (2 juta) ini termasuk ialah kuari, pasir, *clay* tanah liat dan *silicon*. Untuk pasir ya Tuan Speaker, sebenarnya tahun 2000, minta maaf ya Tuan Speaker, untuk pasir pengeluaran tahun 2006 (1.595 juta), 2007 (1.061 juta), 2008 (1.434 juta) yang menarik Tuan Speaker ini adalah daripada tiap-tiap daerah data tiap-tiap daerah yang kita ambil mengikut daerah yang menarik Tuan Speaker, Daerah Kuala Selangor tahun 2007 sebiji pasir pun tak dikeluarkan ataupun tiada langsung pembayaran dibuat. Sedangkan kawasan Bestari Jaya kita lihat habis pasir, nak tanya Sungai Panjang tak nampak kawasan Kuala Selangor tetapi 2008 bila kita ambil alih 2009, 28 Kuala Selangor meningkat daripada 0 kepada 30086 dan hingga sekarang kita dapat 1.291 juta. Ini Kuala Selangor ini peningkatan sangat ketara Tuan Speaker, hasil daripada pengurusan yang kita laksanakan cumanya sasaran yang kita capai. Apa yang kita usahakan sekarang ini saya atas nasihat YAB Menteri Besar dua tiga kali *paper* untuk menguruskan pasir dinasihatkan kepada saya supaya ubah sistem yang ada, sistem dahulu dia main macam main apa, main kejar-kejar PTG kata tak cukup Penguat kuasa, JPS kata tidak ada *engineer* maka kita telah mengubah sistem yang ada dan kita tubuhkan Kumpulan Semester untuk menguruskan Industri Mineral Selangor. Di mana Kumpulan Semester ini bertanggungjawab untuk menguruskan keseluruhan operasi mineral peringkat ini ialah pasir. Dalam industri pasir dia orang hanya soal penjualan pasir yang melihatkan *complete* operasi selama ini pengusaha-pengusaha pasir tidak pernah mengambil apa ni EIA *study*, tidak ada program pemulihan tanah dan air lombong pasir dilepaskan langsung ke dalam sungai, menyebabkan pencemaran sungai. Sebagai bukti Tuan Speaker ialah di waktu musim perayaan Tahun Baru Cina kadar ampaian dalam air sekitar 800



maknanya air agak jernih dua minggu selepas cuti Raya Cina kadar ampaian dalam air meningkat kepada 2400 iaitu seperti teh susu kerana air lombong pasir ini dilepaskan dalam sungai, ini mengakibatkan Syabas apa ni, syarikat-syarikat konsesi yang membersihkan air dengan kos yang tinggi kerana terpaksa berbelanja yang tinggi untuk memproses air. Itu Tuan Speaker, dalam dewan yang mulia ini, ini data terbaru pencapaian Kumpulan Semester saya bandingkan dengan 2007, 2007 hasil pasir Negeri Selangor ialah (1.061juta) ini adalah apa yang kita kutip mengikut Pejabat-pejabat Daerah. Tetapi kumpulan Semesta dari September sampai Jun 2009 royalti pasir yang kita bayar 3.42 juta deposit kepada kerajaan negeri 0.22 juta. Royalti yang dibayar kepada GLC anak syarikat kerana di ambil tanahnya 1.13 juta dan untung syarikat kumpulan Semesta selama 6 bulan beroperasi 7.47 juta. Ini jauh lebih baik dari apa yang dijalankan oleh dasar kerajaan Barisan Nasional. Daripada September hingga Jun kumpulan Semesta telah membayar 12.24 juta. Tuan Speaker dianggarkan menjelang Disember 2009 jumlah bayaran termasuk untung bersih untung sebelum cukai Semesta ialah 32.38 juta iaitu bayaran ke Pejabat Tanah 8.6 juta, deposit 0.38 juta, bayaran kepada anak-anak syarikat 3.3 juta, untung bersih Semesta 20.1 juta. Ini Tuan Speaker meliputi kawasan yang sangat terhad. Untuk hari ini hanya 150 ekar dan kawasan baru dibuka tidak sampai 50 ekar. Dan bulan ini dua kawasan sungai di Hulu Selangor dan Hulu Langat tender telah dibuka untuk Hulu Selangor *award contract* telah pun diberikan. Sepanjang bulan ini kita harapkan, kita minta semua Pejabat Daerah, Semesta urusan untuk pemberian sungai-sungai di kawasan Petaling, Gombak, Kuala Langat, Sepang dan Klang hendaklah diselesaikan. Dengan itu keseluruhan kawasan sungai di negeri Selangor yang terdapat kecurian pasir akan dijaga sepenuhnya oleh Kumpulan Semesta. Menjelang bulan 8, tanah milik peribadi depot EXCO telah siap dan menjelang 1Ogos ini tanah-tanah peribadi akan dibuka. Jadi Bukit Antarabangsa saya kenal pencuri pasir yang sering beredar dari kawasan pimpinan parti dan saya akan beritahu dia pada bulan lapan tanah peribadi akan kita buka. Dengan itu harapan kita, tanah-tanah Kerajaan Negeri, sungai-sungai, tanah-tanah milik peribadi akan dijaga sepenuhnya oleh Kumpulan Semesta dan tumpuan Pejabat Tanah, penguat kuasa tanah dan daerah adalah kawasan-kawasan lain kawasan-kawasan yang kecil. Dan harapan saya 80% pencurian pasir dapat dikurangkan.

Tuan Speaker, pembangunan SKS juga tidak di....

**TUAN SPEAKER :** Ya, Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Sebelum Yang Berhormat masuk ke topik yang lain saya ingin menyentuh sedikit tentang prestasi kumpulan Semesta. Saya boleh terima hujah Yang Berhormat EXCO tentang matlamat baru Kerajaan Negeri dengan terbentuknya KSSB ini supaya pengurusan perlombongan khususnya pasir dalam diuruskan dengan lebih bertanggungjawab termasuk mendapatkan EIA *report* dan juga program pemuliharaan lombong atau kawasan yang telah diterokai untuk operasi ini. Tetapi sehingga akhir penjelasan Yang Berhormat EXCO saya dapati Yang Berhormat masih gagal menjelaskan bagaimana unjuran yang dibuat pada tahun lepas sejumlah RM 150juta itu tersasar terlalu jauh sehinggakan sehingga Mei tahun ini kutipan royalti hanya sekitar RM 4juta. Saya telah menyatakan dalam perbahasan saya, saya bersetuju bahawa unjuran dalam perkara seumpama ini kadang-kadang memang tersasar kerana ada perkara yang kita tidak dapat hidu. Namun kalau sasaran itu terlalu jauh ia akan menimbulkan kecurigaan terhadap keupayaan kita dalam membuat unjuran yang berkenaan. Saya telah menerima secara bertulis daripada dewan tentang perkara yang sama jawapan secara bertulis yang diberikan kepada saya ia tidak sama seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO di mana jawapan yang diberikan secara bertulis dinyatakan unjuran yang diberikan adalah berpandukan purata penggunaan pasir di negeri Selangor. Di mana dianggarkan

permintaan sekitar 20 juta tan metrik setahun. Bagaimanapun permintaan pasir menurun pada tahun 2009 akibat kelembapan ekonomi global. Negeri Selangor turut merasai tempas kelembapan ekonomi ini di mana banyak projek-projek bangunan terjejas dan secara langsung mempengaruhi permintaan pasir di pasaran dan seterusnya. Saya ingin bertanya apakah maklumat yang saya perolehi ini tepat. Kerana kalau kita lihat penurunan permintaan pasir di Selangor ini adalah akibat kemasukan pasir-pasir curi daripada Negeri Sembilan dan Negeri Perak. Kalau permintaannya menurun pada tahun ini saya tidak boleh terima kerana harganya masih kekal diparas yang sama. Maknanya permintaan pasir itu ada. Cuma apa yang saya nak berikan sedikit data di sini, kalau pasir diambil di sempadan negeri Perak, ini dinamakan curi kerana pasir tidak boleh bergerak dari satu negeri ke satu negeri tapi ini berlaku. Sempadan negeri Perak kalau dibawa dengan lori muatan 25 tan iaitu 10 roda, lori yang mempunyai 10 roda dengan muatan 25 tan kosnya adalah RM120.00. Maknanya RM5.00 satu tan metrik pasir yang dibeli dari sempadan Perak. Manakala kalau kita beli di Perak tidak di sempadan, harga yang dikenakan ialah RM7.50 satu tan metrik. Manakala harga di Selangor jauh lebih tinggi. Menyebabkan pemaju-pemaju terpaksa mengambil pasir daripada sempadan negeri Perak dan juga Negeri Sembilan. Dan inilah yang menyebabkan mungkin saya perlu penjelasan Yang Berhormat EXCO tentang berlakunya penurunan sasaran yang telah kita anggarkan pada tahun lalu.

**YB TUAN HJ. YAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Bukit Antarabangsa. Data tentang pencapaian Semesta yang saya dapat ini ialah data yang terbaru sehingga Jun. Saya nyatakan memang saya ada sebut dalam media bila mana kita jangkakan jumlah permintaan 20 juta tan saya nyatakan sekitar pendapatan mineral saya sebut *minerals* ialah sekitar 100 juta. Saya sebut tadi kalau hanya dengan kawasan seluas yang kita miliki dan hanya dengan dua daerah sungai kita jangka pendapatan 32 juta. Ini tidak termasuk dengan *private land* yang akan memohon pada bulan Ogos ini. Dan dasar baru telah kita gubal ialah untuk tanah-tanah kuari yang mana kuari pada tahun 2008 hanya menyumbang 8 juta dan tahun 2007 9 juta. Dengan dasar baru nanti kita kira pendapatan kuari juga akan meningkat. Dan sasaran kita 100 juta mungkin tidak dapat capai tahun ini tapi tahun hadapan kita cuba dapatkan untuk kuari dan pasir ini mencapai 100 juta. Saya tidak menafikan ada lori-lori pasir yang datang dari Perak. Sebab itu saya telah arahkan satu jambatan di robohkan di kawasan Gedansah. Di mana lori-lori pasir itu masuk ke Selangor melalui jambatan kawasan tersebut dan ada juga lori pasir yang masuk daripada Negeri Sembilan. Saya anggarkan, saya pernah tanya kepada pegawai berapa peratus anggaran masuk dijangkakan sekitar 20% lori masuk melalui Perak tetapi ada pasir masuk melalui kereta api dan *diparking* di Batu Tiga. Semakan kita dapati kos yang melalui kereta api ialah RM25.00 per tan. Ini *report* dari pegawai Pejabat Daerah Petaling. Tapi data 5 tan ini saya tak pasti macam mana Bukit Antarabangsa dapat sebab kos untuk mengeluarkan pasir juga tak dapat dengan 5 tan. Di negeri Selangor kos untuk mengeluarkan pasir sekitar RM7.00 ke RM8.00 satu tan. Untung yang diambil oleh Semesta sekitar *another* RM8.00 dan selebihnya dijual. Jadi macam mana Perak boleh jual sampai Selangor pada kos RM5.00 per tan sedangkan kita di Selangor kos untuk mengeluarkan pasir bersih juga sekitar RM6.00 ke RM7.00. Terima kasih Bukit Antarabangsa. Saya teruskan yang lain ya.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Hulu Kelang nak minta penjelasan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya ingin minta penjelasan tentang langkah-langkah bersepadu yang boleh diambil oleh Kumpulan Semesta dan Kerajaan Negeri Selangor tentang kecurian pasir kerana saya difahamkan hampir 40% penggunaan pasir dalam industri *ready mix* simen atau konkrit. Jadi ini dibekalkan pada projek-projek pembangunan yang mana kuasa PBT jadi kalau kita boleh buat satu proses di mana PBT meletakkan syarat bahawa pemaju-pemaju mesti dapat sijil daripada mana syarikat mana dia dapat *readymix concrete* dan dari

situ tahu peratusan simen sama ada simen itu digunakan daripada simen curi ada permit atau tiada permit. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri Selangor.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya kira cadangan dari Hulu Kelang cadangan yang baik. Seandainya keseluruhan kawasan pasir yang ada di Negeri Selangor dikendalikan oleh Semesta, kawasan sungai dan kawasan-kawasan tanah individu semua lori-lori pasir yang membawa pasir dalam doket yang dikawal Semesta Insya-Allah cadangan Hulu Kelang boleh kita laksanakan dan saya kira menjelang Oktober keseluruhan kawasan pasir di negeri Selangor akan dikendalikan sepenuhnya oleh Kumpulan Semesta.

Tuan Speaker, seterusnya ialah bagi meneruskan IKS di negeri Selangor kekangan untuk majukan usahawan negeri Selangor bajet yang disediakan hanyalah RM100,000.00. Bajet tersebut kita gunakan untuk program latihan. Kerajaan negeri tidak punya bajet untuk membiayai usahawan-usahawan kecil. Ada lebih RM300,000.00 melalui UPEN juga kita gunakan pada latihan. Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk memberi latihan. Ada 5 program yang kita berikan. Yang pertama kita panggil *awareness* program. Di mana kita bagi kesedaran pada mereka yang belum berniaga untuk minat menjadi peniaga. Dan kita latih mereka untuk memahami selok-belok perniagaan. Seterusnya ada program mikro kredit. Yang ini kita buat bersama dengan Amanah ATM Malaysia untuk program *urban* di bandar mereka yang ingin berniaga kecil kecilan. Program ini kita buat bersama amanah ikhtiar. Program kedua, latihan juga kita beri adalah untuk *upgrading* pada mereka yang telah berniaga tetapi tidak dapat untuk meningkatkan perniagaan mereka. Kita beri program peningkatan *upgrading*. Kita juga menggalakkan supaya usahawan pergi eksport seperti di minta Sungai Air Tawar dan memang program-program ini berjalan. Dan kita ada peruntukan RM1,000,000.00 setahun untuk membantu IKS-IKS yang berdaya maju. Itu telah saya jelaskan dalam penjelasan pagi tadi.

Satu lagi Tuan Speaker, masalah peniaga kecil di Negeri Selangor ialah tiada tempat untuk mereka berniaga. Saya mencadangkan dalam dewan yang mulia ini, setiap pembangunan kawasan padat supaya disediakan kawasan perniagaan untuk kelompok ini. Saya lihat di Singapura di kawasan Geylang Serai di sebalik pembangunan yang tinggi bazar-bazar masih dibina. Kalau pergi ke Osaka Jepun di sebalik hotel lima bintang ada tiga kilometer bazar disediakan. Di Istanbul juga begitu. Saya mencadangkan Tuan Speaker supaya pembangunan di negeri Selangor ada konsep yang sebegini. Jika tidak peniaga kecil akan bertaburan di hadapan atau tepi jalan, di *corner-corner* atau di simpang-simpang. Di Puchong umpamanya, tiada tempat untuk kelompok ini. Mereka berniaga di bawah *cabel line*. Di bawah talian elektrik. Dan bertaburan. Pasar malam berada di simpang-simpang jalan. Pasar malam ada di depan rumah orang.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat cadangkan, sapa yang laksanakan? Kalau EXCO cadangkan, siapa laksanakan?

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya bawa dalam dewan ini untuk di rekod. Dan saya minta perancang bandar supaya disebut dalam dasar mereka setiap pembangunan padat mesti *allocate* untuk dibuat bazar-bazar

**TUAN SPEAKER:** Setiap EXCO buat arahanlah. Ah kenapa buat cadangan di dewan ini. Dewan ini untuk Ahli Dewan Negeri buat cadangan bukan untuk Exco buat cadangan.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya minta di rekod Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rekod buat apa.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Supaya Perancang laksanakan

**TUAN SPEAKER:** Pergilah masuk dalam Mesyuarat EXCO jawab terus pada soalan yang dibangkitlah.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI :** Ya terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dah setengah jam tu.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Ehe ehe (ketawa). Ah Tuan Speaker satu lagi Tuan Speaker, saya dapat rayuan daripada kakitangan di SUK Tuan Speaker mereka dah lama berkhidmat tapi menjadi kakitangan kontrak, jadi dia minta supaya saya sampaikan dalam dewan ini supaya kakitangan kontrak diserap dalam kakitangan kerajaan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat adalah EXCO adalah Kerajaan Eksekutif, ini patut di bincang dalam Majlis EXCO. Yang Berhormat yang berkuasa untuk melaksanakannya. Bukan datang cadang sendiri sepatutnya siapa sesiapa kakitangan nak bawa, hantar pada Ahli Dewan bangkit di sini kemudian EXCO terima. Saya rasa hairanlah sekarang ni peranan ini memang macam keliru sedikit.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Akhir sekali Tuan Speaker banyak isu dibagikan soal luar bandar, Sijangkang dan sebagainya memang ada kekurangan yang ada sangat nyata untuk luar bandar. Ramai bangkitkan soal pembangunan dewan-dewan luar bandar dan pembangunan luar bandar. Yang ini kita nyatakan bahawa rasa tidak bertanggungjawab Kerajaan Pusat yang telah menarik balik peruntukan luar bandar yang dulunya diserahkan ke Pejabat Daerah tetapi sekarang ini diambil dan diuruskan oleh kerajaan *federal* dan diserahkan kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang saya minta supaya disebutkan juga ah kalimah lain kerajaan persekutuan kena menjelaskan jumlah wang yang besar ini ratusan juta di mana dibelanjakan. Ah itu kita menggesa supaya kerajaan persekutuan kena memastikan projek luar bandar ini diserahkan kepada daerah agar memudahkan program pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan. Tuan Speaker terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya dipersilakan. Dipersilakan Gombak Setia.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih Tuan Speaker dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai *portfolio* yang di bawah saya, terima kasih khusus kepada Sekinchan, kepada Bangi, kepada Hulu Kelang, kepada Sijangkang, kepada Kg. Tunku, Batang Kali. Itu yang menyentuh secara langsung. Yang tak menyentuh secara langsung tu saya rasa saya tak perlu jawab bahkan sebahagian daripadanya telah pun dijawab oleh Batu 3 dan juga di Selat Kelang tadi.

**TUAN SPEAKER:** Ah lega saya.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Pertama sekali ialah tentang Sekinchan mengenai bantuan terhadap sekolah agama rakyat yang tidak diberi peruntukan untuk penyelenggaraan. Yang ini saya ucap terima kasihlah rasanya Sekinchan tiap-tiap kali persidangan sering menimbulkan hal-hal mengenai Sekolah Agama Rakyat ini. Satu hari nanti kita lantik jadi mudil kepada Sekolah Agama Rakyat. Jadi sebenarnya peruntukan untuk

Sekolah Agama Rakyat ini termasuklah hal-hal penyelenggaraan. EXCO telah pun meluluskan sebanyak 4 *plus 2*, 4 plus 2 jadi 6 juta. Jadi 6 juta ni oleh kerana Sekolah Agama Rakyat ni bilangannya hampir mencecah 500 jadi sudah tentulah kalau nak diagihkan kepada semuanya akhirnya *a drop in ocean* macam itu kan ya. Apa yang kita buat ialah kita lihat tengok dari segi *severity* dari segi kedaifan, daif tak daifnya, yang daif didulukan. Jadi Sekinchan pun rasanya termasuk juga ada beberapa yang daif itu dan kita akan menentukan bahawa bantuan akan diberi mengikut kedaifan itu. Walau macam mana pun Selat Kelang adalah orang yang bertanggungjawab untuk mengagih-agihkan bantuan *four plus two* itu. Kemudian saya ingin menyatakan kepada teman-teman yang lain tentang hal sekolah agama ini. Kita sentiasa memberikan perhatian dan dokongan kepada sekolah-sekolah agama bukan sahaja kepada sekolah-sekolah agama yang ditaja oleh JAIS ataupun *JAIS related religious school* JAIS sekolah-sekolah dengan izin yang berkaitan dengan JAIS tetapi juga sekolah-sekolah yang betul-betul *private* yang dilaksanakan oleh orang-orang perseorangan, pak kiyai-pak kiyai, pak imam-pak imam, ustaz-ustaz di kampung yang itu sedang dibanci dan untuk pengetahuan Yang Berhormat kita pun sedang membanci dan JAIS telah diminta dapat membuat pembancian. Sehingga kini kita telah dapat data-data dan data-data itu agak *striking* kerana bilangannya begitu besar sebenarnya dengan kehadiran pelajar-pelajar yang begitu besar sedangkan peruntukan dia punya *amenities*, keselesaan agaknya begitu daif kerana apa, kerana selama 50 tahun kerajaan UMNO Barisan Nasional tidak melihat langsung sekolah-sekolah yang sedemikian. Pasal apa mereka tidak melihat sekolah yang sedemikian Tuan Speaker, mereka menganggap sekolah ini lubuk PAS. Sebab itu mereka tidak berikan perhatian kepada sekolah-sekolah ini. Kesian. Orang tu mengadu sebahagian daripada sekolah itu pula bukan itu sahaja Tuan Speaker nak mendaftar pun setengahnya 10 tahun tidak terdaftar 15 tahun tidak berdaftar. Nak mendaftar pun terlalu sukar. Apa lagi nak mendapat bantuan. Tetapi dengan kerajaan Pakatan Rakyat ini Alhamdulillah dengan EXCO dan Yang Amat Berhormat telah meluluskan 4 *plus 2* itu kita mengharapkan sedikit dapat diberi sebagai ansuran yang pertamanya kemudian tu dalam tahun-tahun yang berikutnya kita akan masukkan dalam peruntukan-peruntukan dalam belanjawan kita dan kemungkinan besar bila keadaan mengizinkan rasanya bilangannya *contain* nya mungkin akan meningkat daripada tahun ke tahun. Terima kasih. Sila.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan sikit. Minta penjelasan tentang kerajaan sebelum ini menganggapkan Sekolah Agama Rakyat ini sebagai seolah-olah sekolah PAS. Saya nak tahu sama ada pengetua-pengetua sekolah ini adalah dijawab oleh, ditaja oleh Parti PAS ataupun Ketua Cawangan PAS ataupun mereka memasang bendera PAS, kalau tidak mengapa kerajaan ini menuduh PAS, Sekolah Agama Rakyat ini di dimiliki oleh PAS.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sebahagian daripadanya ada bendera UMNO pun. Sebahagiannya pun ada UMNO pun. Kalau tidak bendera UMNO di kawasan itu jalan-jalan nak masuk tu ada bendera UMNO. Jadi kita ni dalam Pakatan Rakyat ini tuan speaker, UMNO pun kita bantu, PAS pun kita bantu, DAP kalau buat sekolah agama pun kita akan bantu. Ah jadi maknanya begitulah, begitulah terbukanya kita dan saya ingin menentukan saya selalu bagi tahu kepada teman-teman di bawah Pakatan Rakyat ini kita tak, kita tak kisah tentang *political affiliation*, apa pun fahaman politiknya pada kita itu tidak menjadi satu benda yang akan menjadi pertimbangan. Tetapi yang pentingnya mereka mesti dibantu mereka ada hak duduk dalam negeri Selangor ini sebagai negeri yang termaju di Malaysia mesti dapat menikmati sebahagian daripada buah pembangunan itu.

**TUAN SPEAKER:** Boleh Sekinchan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Kemudian saya nak pergi pula kepada Bangi. Ah Bangi banyak sebut sebenarnya sebahagian daripadanya telah dijawab. Ah Bangi ni begitu *detail*. Dia punya kehendaknya begitu *detail*. Itulah gara-gara kebangian ini. Pertama sekali Bangi meminta kita menjelaskan pembinaan masjid dan surau di *West Country*, ada tiga tempat tu, *West Country*, Sungai Tangkas, Bandar Universiti dan sebagainya. Peruntukan ini Insya-Allah telah pun dimasukkan dalam Malaysia yang ke 10 akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke 10. Bermakna belum lagilah akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke 10 inilah rancangan yang ditaja oleh kerajaan pusat 5 tahun, 5 tahun jadi ini dimasukkan salah satu daripada program itu. Adapun Kerajaan Negeri Insya-Allah akan menampung, kerajaan negeri menampung, yang mana tidak cukup, kita akan tampung. Tetapi ada tempat-tempatnya pemaju sendiri yang membina sebenarnya dan kita pun selalu membuatkan perundingan-perundingan dengan pemaju-pemaju dan ada pemaju-pemaju yang memang pun bukan sahaja sudah memperuntukkan tanah-tanah yang sesuai, tetapi ada pemaju yang sanggup mengongkosi binaan-binaan masjid, surau, madrasah dan sebagainya. Dan saya nak menyerukan pemaju-pemaju terutamanya di Kajang di sana. Saya harap pemaju-pemaju ini lebih *kind hearted* lebih *open hearted* supaya mereka dapat membantu institusi-institusi agama, bahkan bukan juga agama Islam sahaja, agama-agama yang lain pun yang memerlukan tempat-tempat ibadah dan sebagainya. Kalau pemaju-pemaju dapat membantu ini agaklah baik bukan sahaja untuk kerajaan negeri Selangor. Ini bahkan untuk rakyat seluruhnya. Selain daripada itu kita juga di Kajang Prima ah ni baru sahaja sebenarnya diputuskan oleh MTES dalam mesyuarat tak salah saya dalam 2 bulan yang lalu MTES telah memutuskan ah ni pun satu, satu pengorbanan yang agak besar daripada kerajaan negeri untuk mengambil tanah *commercial*. 3 ekar tanah itu, tanah yang dulunya memang telah diperuntukkan untuk masjid tetapi bila dibina *silk* ya *silk highway* kan *silk* ya lekas *silk highway* betul ya. *silk highway* maka mereka telah ambil tanah tu ambil tanah tu dan sehingga hari ini pun LLM belum lagi menggantikan tanah itu kepada kita. Dan kita akan mengadakan perundingan kalau boleh saya sendiri nak mengetuai perundingan itu bukan LLM bagi menentukan supaya LLM juga masuk sama untuk membayar wang pampasan itu yang dijangkakan 17 juta ringgit oleh kerana tanah itu tanah *commercial* yang saya rasa nilainya melebihi 50 ringgit 1 kali persegi. Jadi inilah yang kita.

**TUAN SPEAKER:** Sila. Sila.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya dari pihak jadi penduduk setempatlah Kajang prima saya mengucapkan terima kasihlah di atas apa dia ni kelulusan yang diberikan kerana masalah di sini agak rumit dan berpanjangan dah bertahun-tahun dan melibatkan kaum ya. Jadi ucap terima kasihlah. Yang kedualah dengan, kalau kita lihat selama ni guru-guru agama telah dinaikkan gaji-gaji mereka dari dulu 450 lebih kurang kepada 750 kemudian yang terbaru 1000 bagi guru agama. Saya juga menerima aduan daripada sebagai pembantu Dato'lah, daripada apa ni

**TUAN SPEAKER:** Ah ni banyak pembantu pula tanya ni.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ah

**TUAN SPEAKER:** Itulah. Macam mana pembantu EXCO tanya

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tak ini tentang elaun imam-imam masjid inilah yang apa tadi berjumlah 380 buah masjid di negeri Selangor tidak pernah naik elaun mereka yang lebih kurang sama dengan guru agama pada dulu 400 lebih sehingga sekarang. Guru

agama dah pergi naik sampai 1000, mereka ni masih tahap lama. Tidak adakah pertimbangan kenaikan elaun imam-imam di masjid-masjid ni. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih. Dia ni kadang-kadang pembantu, nama aje pembantu tapi dia pun ada cara dia sendiri dan dia tidak dapat yang *detail-detail* kemungkinan dia tidak dapat dalam pembantuan tu dia tak dapat yang *detail-detail* ini. Jadi yang tentang apa yang ditanya yang tadilah tentang imam-imam ini saya nak bagi tahu dalam dewan ini bagaimana Kerajaan Persekutuan sekarang ini menghimpit kerajaan yang diperintah oleh Pakatan Rakyat termasuklah kerajaan di negeri Selangor ini. Ada 3 perkara yang besar yang sebenarnya dihimpit, peruntukan sudah turun sudah turun sudah turun daripada ICU daripada Jabatan Perdana Menteri tapi peruntukan itu diletakkan kepada ICU Negeri di sini. Tak masuk lagi peruntukan itu kepada Tabung JAIS kepada peruntukan di JAIS peruntukan di MAIS umpamanya yang pertamanya yang besar sekali ialah guru-guru KAFA. Ah itu tak masuk lagi. Sekarang peruntukan guru KAFA itu dibiayai oleh Kerajaan Negeri dulu, padahal sepatutnya ini adalah tanggungjawab, tanggungjawab daripada kerajaan pusat melalui JAKIM untuk membiayai Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai pesara hidup daripada guru-guru KAFA yang sudah naik kepada 1000 ringgit itu. Nombor dua ialah tentang imam-imam. Kesian imam-imam ini, saya memang setuju kalau boleh apa ni *welfare* tentang kebajikan imam-imam ini perlu dilihat dan kita sedang memartabatkan imam untuk pengetahuan speaker, untuk memartabatkan imam ini negeri Selangor akan menubuhkan satu akademik imam. Tapi kalau akademik saja ditubuhkan, orang ni pun *start* motosikal pun tak ada petrol, *start* kereta, kereta tak ada petrol, mengajar tak dapat duit kita pun kesian jugalah. Jadi maknanya apa yang sedang dirancang ialah ah apa ni Menteri Besar sudah mengarahkan saya kalau dapat kita mengadakan pertemuan dengan pihak persekutuan untuk membincangkan supaya turun cepat datang dah ada duit tu hanya nak menyalurkan saja. Ada beberapa personaliti di peringkat kerajaan persekutuan yang saya tak perlu sebutkan siapa dia orang inilah yang menjadi dalang penghalang kepada penyaluran bantuan-bantuan tersebut. Yang ini akan menjejaskan bukan saja guru-guru KAFA, bukan saja imam-imam, bukan saja PPMD tetapi akan menjejaskan seluruh sistem pentadbiran pengurusan institusi agama sebagaimana yang *concern* yang ditunjukkan oleh saudara YB daripada Bangi tadi. Jadi kita mengharapkan ya, saya mengharapkan supaya guru KAFA yang pertama. Yang kedua ialah imam-imam. Yang ketiga ialah PPMD, Pegawai Penyelaras Masjid-masjid Daerah, saya harap melalui sedikit daripada pergolongan ini Kerajaan Persekutuan akan mengambil daya utama dan terus atas nama *One Malaysia*. Aaaaah atas nama *One Malaysia* kita harap itu akan dapat disalurkan kepada kita secepat mungkin dan dari segi kita, kita sangat mengharapkan penyaluran secepat mungkin ini pada masa yang sama kita akan menggunakan apa yang ada kepada kita untuk memujuk Kerajaan Persekutuan. Minta maaf saya menggunakan perkataan pujuk ni Tuan Speaker. Bukanlah kita nak merendah macam mana pun tetapi ada masanya kalau perlu dipujuk, dipujuk, kalau perlu dilambai, dilambai, kalau perlu di, di dibelai, dibelai, itulah yang perlu dilakukan demi kebaikan guru-guru KAFA, demi kebaikan iman-iman, dan akhirnya demi kebaikan PPMD yang saya sebutkan tadi. Jadi kemudian saya nak pergi yang berikutnya ialah tentang Bangi juga ni. Bangi menanyakan tentang MITIP. MITIP ialah Maahad Tahfiz yang dilahirkan oleh Kerajaan Negeri. Sejak kita memerintah ni saya ingin beritahu Dewan ni, sejak kita memerintah ini dulu ada satu sahaja Maahad Tahfiz. Di Jugra sana bilangan pelajarinya dalam lima puluh orang sahaja. Sekarang ni kita daripada satu dah jadi dua, dah jadi dua dah, kita ada mungkin tiga ratus orang di Jugra kita ada tiga ratus orang lagi di Kampung Jawa Klang, kita sekarang ada enam ratus Insyallah menjelang tahun depan, peruntukan awal mungkin boleh diperolehi daripada PWN, kita dapat satu kawasan di Alam Impian iaitu di Seksyen 35 Shah Alam, peruntukan berjumlah 17 juta kemungkinan akan diluluskan untuk tahun 2010 yang boleh menampung 800 orang pelajar. Tengok Kerajaan Pakatan Rakyat baru setahun empat bulan sahaja tapi kita akan bangunkan satu institusi yang

akan memberikan martabat kepada Al-Quran. Bila Al-Quran dimartabatkan, saya rasa seluruh umat di Negeri Selangor ni Islam, bukan Islam bila Al-Quran berada di hati orang-orang Islam, maka saya fikir Insya-Allah ketika itu tidak ada penindasan, ketika itu tidak ada ke tidak adilan, ketika itu adalah kita cerita kesamarataan, ketika itu kita cerita tentang kasih sayang, kerana Al-Quran itu mendukung kasih sayang dan kecintaan di antara umat. Jadi saya harap ini akan berlaku dan kita akan menentukan Insya-Allah ini berlaku. Jadi Bangi, kata ..

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, Tuan Speaker, Bangi akan dapat, maknanya MITIP sebuah.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Nak buat di Bangi?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ini sebenarnya surat daripada Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi, menghantar surat baru-baru ni kita telah menerima jawapannya dalam perhatian. Jadi kita tak puas hati lagi jawab dalam perhatian, kita nak dengar akan dibangunkan di DUN Bangi sebuah MITIP. Kita nak dengar akan dibangunkan di DUN Bangi sebuah MITIP.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tak salah saya JAIS sudah menerima beberapa permohonan untuk mengadakan MITIP ini di daerah-daerah. Rasanya Sijangkang lebih dulu memohon permohonan tersebut. Jadi kita tengok, saya kena berunding dengan Yang Amat Berhormat, berunding dengan Ahli EXCO dan berunding dengan JAIS, MAIS dan sebagainya, kita tengok. Walau macam mana pun susunan keutamaan itu perlulah dipatuhi, yang dulu didulukan, yang kemudian dikemudiankan. Tapi kalau Bangi tiap-tiap kali persidangan rajin bangun, rajin bangun agaknya daripada Sijangkang boleh pergi Bangi lah. (Dewan ketawa). Ok, kemudian Bangi juga menanyakan persoalan mengenai isu jalan pintas dari Taman Kajang Utama ke Kajang. Yang kedua isu keperluan jalan yang sempurna Institut Jerman Malaysia di Sungai Tangkas, yang ketiga isu naik taraf jalan kampung di Jalan Sungai Ramal Dalam dan keempat isu naik taraf jalan di Pekan Bangi Lama. Saya nak jawab soalan ini sebab bagi Yang Berhormat dan bagi Yang Berhormat-Yang Berhormat lain soalan-soalan ini sangat penting bagi kita. Inilah soalan kita berdepan dengan rakyat. Rakyat tak tanya yang besar-besar, yang ini lah yang ditanya oleh rakyat. Tapi apa yang saya nak rangkumkan semua, saya ada peta semua ni, Yang Berhormat bukan main-main ni, kita cari peta, kita buka *Google* cari semuanya pasal nak menjawab soalan-soalan Yang Berhormat ni. Jadi apa yang saya nak sebutkan, seluruhnya ni dalam perhatian JKR, seluruhnya ini mesti dirundingkan. Kita nak tengok keseluruhan sistem pengangkutan dan jalan raya *highway* yang begitu banyak di Kajang. Kita ada SILK, LEKAS, lekas ke LEKAS, kita ada Lebuhraya Cheras – Kajang dan berbagai-bagai lagi. Sementara itu kita ada jalan-jalan dalaman yang agak besar, jalan-jalan Lekor, Lekor ha, Lekor ke, ha Lekor, ok, ok, jadi kita jalan-jalan sedemikian. Kita ni JKR merancang tidak secara *fire fighting*, begitu tidak. Dia merancang dia ada *board* di depan dia, untuk sepuluh tahun yang akan datang macam mana jalannya, lintasannya macam mana, *interchange* nya di mana, nak keluar di mana, nak masuk yang namanya *airgress* di mana, *airgress* di mana, semua itu diambil kira. Dan yang penting diambil kira juga ialah kepadatan penduduk, jumlah penduduk dan sebagainya. Juga diambil kira ialah prasarana-prasarana yang sedia ada, sekolahnya, misalnya masjidnya, pasar malamnya, pasar taninya, tempat kediamannya, penempatannya seluruhnya diambil kira oleh JKR bagi menentukan supaya pembangunan infrastruktur dapat dijalankan secara yang paling sistematik. Apa pun saya sebenarnya telah berbincang dengan JKR tentang perkara ni, YB menyoal je saya dah bawa berbincang dengan JKR dan saya harap JKR akan masukkan setidak-tidaknya dalam rancangan Malaysia yang ke sepuluh ataupun memasukkan untuk yang *state*. Dia ada *state maintain road* dan *state build road*, ada *Maintenance* oleh *state*, yang itu Insya-Allah untuk membaiki jalan, untuk membesarkan sikit



lagi jalan dan sebagainya, itu saya rasa JKR memang tanggungjawab JKR di samping tanggungjawab kepada *consencious company, consencious company* seperti ACM, seperti *Roadcare* dan sebagainya, yang jaga jalan-jalan persekutuan, ACM, yang jaga jalan-jalan kerajaan Negeri, semuanya kita ambil kira interaksi-interaksi supaya kawasan Bangi salah satu kawasan yang akan dijadikan mercu ilmu kawasan itu betul-betul akan mendapat faedah daripada perancangan JKR tersebut. Jadi saya tidak bangun lah kerana itu, Insya - Allah. Hulu Klang, saya ucapkan terima kasih, Hulu Klang yang begitu prihatin, ini soal akidah. Kalau tuan-tuan tengok, bila Hulu Klang, YB-YB tengok bila Klang, Hulu Klang ini menyoal ni dia selalu menyoal yang *substantive*, ini soal akidah. Ada dua yang disoalkan kepada kita, iaitu tentang Tarikat Sammanniah Ibrahim Bonjol, satu lagi ialah tentang ajaran Ghazali bin Othman, dan saya nak bagi tahu YB daripada Hulu Klang, bahawa yang Tarikat Sammanniah Ibrahim Bonjol ni telah diwartakan pada 24 September 1998. Nanti selepas ini mungkin saya boleh bagi *copy* kepada warta tersebut untuk Yang Berhormat. Dalam warta itu telah mengharamkan pergerakan Tarikat Sammanniah Ibrahim Bonjol ini atas beberapa sebab dan tarikat ini telah dikatakan sebagai ajaran sesat, dari segi akidahnya sesat, syariatnya sesat, dan akhlak-akhlaknya pun terdapat akhlak-akhlak yang sangat mengesatkan. Maka sebab itu, Jabatan Mufti telah membuat *recommendation* berdasarkan beberapa mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan untuk meletakkan satu keputusan bahawa Tarikat Sammanniah Ibrahim Bonjol ini adalah sebenarnya menyeleweng daripada ajaran agama Islam. Jadi yang kedua tentang ajaran Ghazali bin Othman.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ya, isu saya bukan pasal gazet, isunya proses bagaimana melabelkan mereka itu sebagai itu, sebagai ajaran sesat kerana kumpulan ini ada datang berjumpa saya kerana mereka merasakan tidak ada ruang. Masa zaman pemerintahan Barisan Nasional. Selepas setahun kerajaan Pakatan Rakyat memerintah Selangor mereka menganggap ada keterbukaan. Jadi mereka merasakan mereka tidak seperti yang digazetkan. Jadi persoalannya bagaimanakah proses ini boleh diadakan agar mereka yang rasa tidak diadili, diberikan keadilan oleh kerajaan baru Pakatan Rakyat. Itu soalnya.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Yang Berhormat. Dia kalau dah digazet ni, bila dah sampai peringkat warta, maksudnya benda itu sudah dikaji dengan semasak-masaknya oleh Jawatankuasa Fatwa dan sudah dibincangkan bukan sahaja rangkaian ini sudah berada di Selangor ni bahkan di luar daripada Selangor sudah dibincangkan masak-masak baru ada satu keputusan pempfatwaan tentang perkara ini. Dan fatwa telah dibuat sebagaimana saya sebutkan. Kalau nak tahu asas-asasnya, macam mana dia punya modes operandi proses yang terlibat, ada paling tidaknya ada 16 asas di sini yang digunakan oleh Kerajaan ketika itu pada tahun 1988 untuk membatalkan ataupun mengatakan bahawa ajaran Bonjol ini, Ibrahim Bonjol ini sebagai ajaran yang sesat.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker. Bolehkah dapat diberi sedikit tentang elemen salahnya itu untuk kita fahamkan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ok, pertama sebelum seorang murid itu diterima menjadi ahli, wajib mandi dengan air limau air bidara. Ada ke dalam agama kata? Ha, saya nak tanya, Yang Berhormat pun pakar dalam bidang ni, mandi-mandi ni memang pakar, ah ada ke?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Mandi wajib mesti ingat la. (Dewan ketawa).

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ok. Untuk membersihkan mesti mandi dengan air limau, air bidara untuk membersihkan dosa.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Salinan itu saya pun ada Dato'. Jadi persoalan saya mereka ini dituduh, disebut dengan kumpulan ini, sedangkan mereka tidak mengamalkan salah satu daripada 15 pertuduhan ini. Jadi isunya adakah tidak boleh satu gazet itu direview balik dengan satu proses yang lebih adil. Itu soalnya.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Itu saya akan berbincang dengan LA, itu yang muktamadnya dengan LA. Tapi saya nak beritahu, saya ambil contoh Kadiyanni, misalnya. Kadiyanni di Kampung Nakhoda di Selayang, di Batu Caves di sana. Kita dah bagi ruang, ruang dan peluang dan ruang seruang-ruangnya kita bagi pada mereka. Berjumpa cara individu sudah, berjumpa dalam kumpulan sudah, ada yang mereka datang, kita datang dia tak datang, kebanyakannya kita datang, dia tak datang, janji dia tak datang, mesyuarat dia tak datang. Pada masa yang sama kita mengatakan, kita nak keluarkan 7A namanya, di bawah peraturan Kanun Tanah Negara 7A, 7A kita nak rampas tanah itu. Kalau misalnya bangunan yang memang telah diluluskan untuk bangunan kediaman tetapi di dalamnya ada mimbar, di dalamnya ada saf-saf, ah di dalamnya ada notis-notis yang memangnya notis agama, setiap minggu hari Jumaat mengadakan sembahyang Jumaat, rumah mana yang mengadakan sembahyang Jumaat, rumah kediaman mana yang mengadakan sembahyang Jumaat. Jadi sebab itu saya nak mengatakan, saya yakin saya tak ada, masa Ibrahim Bonjol ni saya tak ada, tapi Kadiyanni ni saya ada dan saya terlibat sendiri dan kita telah memberikan ruang dan peluang. Saya faham, Hulu Klang selalu menyebutkan demokrasi, soal demokrasi tapi *we've been very very democratic over the issue. I think we don't penalize them for nothing* dengan izin tetapi telah memberikan seluruh ruang dan peluang untuk mereka mendengar dan seterusnya saudara-saudara teman-teman kita supaya mereka itu sedar bahawa ajaran mereka mengelirukan. Kalau mereka mengelirukan hanya duit sahaja tak apa, mengelirukan akidah ni sesuatu *to me unpardonable* la. Terima kasih. Jadi kemudian Kampung Tunku, Kampung Tunku juga sebagaimana Teratai pagi tadi telah menanyakan apakah status Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Selangor sekarang selepas penubuhannya pada siding DUN yang lepas. Saya ulang satu, satu baris sahaja. Perbadanan Adat-adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor telah pun beroperasi mulai 1 Julai tahun ini sekarang ini baru 13 hari beroperasi. Tindakan yang sedang diambil ialah kita sedang menyusun kumpulan-kumpulan perjawatan, kita sedang melihat untuk 5 tahun dan 10 tahun yang akan datang, keperluan-keperluan dari segi bangunan, dari segi kawasan dan sebagainya. Pada masa yang sama kita sedang menyusun beberapa perkara yang berkait langsung dengan ciri-ciri memartabatkan adat-adat dan warisan di Negeri Selangor. Kemudian saya nak pergi kepada Sijangkang.

.....minta laluan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ya, sila-sila.

...berkaitan dengan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor, setakat sekarang apakah jadual atau skema untuk rancangan yang seterusnya. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih. Jadual yang pertama ialah kita nak membiasakan teman-teman yang menganggotai Lembaga Muzium Negeri atau Muzium Negeri membiasakan diri mereka dalam suasana perbadanan. Dulu jabatan kerajaan, sekarang perbadanan. Bila perbadanan ini ada elemen *efficiency*, ada elemen *effectiveness*, ada elemen *corporate governance*, ada elemen pertanggungjawaban, ada elemen namanya

*organization development (o.d)*, berbagai-bagai elemen, yang elemen ini mesti kita terapkan secara perlahan-lahan kepada teman-teman yang jumlahnya 85 orang di di Muzium Negeri. Nombor dua, nombor dua setelah itu dapat dilakukan serentak kita akan dapat lakukan, kita akan lakukan soal pembesaran kerana Perbadanan ini mempunyai tujuh kepek, tujuh kepek dia dan tujuh-tujuh kepada di merupakan perkara-perkara asasi yang menyentuh adat-adat dan warisan-warisan. Perkara asasi ini mesti dititik beratkan terlebih dahulu untuk menyempurnakan tugas utama perbadanan. Apa tugas utama perbadanan, menghidupkan, mengembangkan, mewariskan adat-adat dan warisan negeri Selangor supaya dapat nanti diwarisi oleh anak cucu cicit kita pada masa hadapan. Ini lah tugas perbadanan, dan tugas perbadanan juga tidak lain juga.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan ..

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Hai boleh habis jawapan lagi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Adakah di bawah perbadanan ini akan di masuk juga apa dia ini selain daripada adat Melayu ialah adat-adat kaum-kaum lain di Malaysia seperti China, India dan sebagainya.

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Ok. Yang itu, soal adat itu, saya rasa Batu Tiga. Ah! Batu Tiga. Yang adat selain daripada Melayu itu Batu Tiga. Yang ini memang adatnya. Yang saya punyai portfolio pun namanya ialah portfolio Hal Ehwal Islam Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam. Ada pun adat-adat yang di luar daripada adat Melayu itu YB Batu Tiga rasanya adalah orang yang bertanggungjawab. Tetapi warisan, *the warisan part, the heritage part* itu dengan izin, *heritage part that covers* semua sekali. Orang Cinanya, orang Indianya, orang yang lain-lainnya apa ni etnik-etnik utama di Negeri Selangor ini. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dah setengah jam.

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Ya! Saya teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Yang Berhormat dah setengah jam.

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Ah! dah. Ok, saya tutup aje lah. Kalau gitu kita, saya hendak pergi Sijangkang sikit. Sijangkang mengenai ini, ini ....

**YB TUAN SPEAKER:** Kg. Tunku pula ada.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya takut, saya takut, tak cukup masa, nak tanya sikit tentang perkara-perkara yang saya bangkitkan tentang pendaftaran kontraktor dan juga perihal Jabatan Air dan Saliran yang mana peruntukan pendaftaran kontraktor tentang tarikh tamat pendaftaran tu, kemudian tentang Pengairan dan Saliran tentang rancangan pencegahan banjir, dan apakah yang boleh kita lakukan pada masa sekarang dan setakat mana kita mencapai kemajuan dari segi pencegahan banjir.

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Ini, keluar tajuk sedikit lah.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Daripada perbadanan adat-adat dah pergi banjir ni, saya rasa ....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya takut tak cukup masa.

**YB DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI:** Saya rasa tidak lah. Saya rasa, saya jawab apa yang ditimbulkan semasa perbahasan. Yang akhirnya Sijangkang. Saya kena jawab yang Sijangkang. Yang ini penting iaitu rancangan membina *sanitary landfill* di Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat yang akan membantu nanti penutupan nanti Sungai Sedu dan satu dua lagi *open landfill* yang berada di daerah Kuala Langat dan Sepang dan sebagainya maka kita dapati Tanjung Dua Belas ini sangat-sangat penting dan perlu disegerakan. Tetapi, atas beberapa sebab ada sedikit kelewatan yang kita jangkakan sebenarnya semuanya akan siap pada bulan Julai, hujung bulan Julai ini tetapi atas beberapa sebab bagi pihak JKR dia akan siap pada 29 Oktober tahun 2009. Jadi sekarang ni, kemajuannya ialah kemajuan sebenar ialah 17.41% sehingga 31 Jun 2009. Kalau nak tanyakan sampai hari ini saya pun tak ada rekod. Saya ingat JKR pun tak ada rekod. Jadi, saya rasa Tuan Speaker cukuplah setakat itu, walau pun mungkin ada lagi ...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya sikit ada soalan.

**YB TUAN SPEAKER:** Dah habis, dah tutup.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya hendak bagi, hendak rakamkan ucapan terima kasih satu minit.

**YB TUAN SPEAKER:** Itu tak payah, kita bangun untuk minta penjelasan bukan ucap terima kasih. Yang Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Penjelasan, saya ada bangkitkan pembinaan jambatan yang menghubungkan daripada Kg. Sawah ke Teluk Panglima Garang, yang mana pembinaannya agak lewat dan setakat ini tidak nampak pembangunannya seterusnya.

**YB TUAN SPEAKER:** Itu akan disegerakanlah.

**YB DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Itu ada ke dalam ucapan hari itu.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ada.

**YB DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya ingat, nantilah kita tengok saya akan bagi kalau tidak pun kita minum kopi lepas ini saya ceritalah tentang itu. Terima Kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sg. Panjang yang mana amat prihatin terhadap keadaan pelaburan di Negeri Selangor. Saya rasa hairan dengan kenyataan Sg. Panjang mengenai pelaburan yang masuk ke Negeri Selangor kerana ucapan beliau menunjukkan bahawa beliau tidak membuat *home work* dan ucapannya memang menyelewengkan Dewan. Tuan Speaker. Sg. Panjang berkata bahawa Selangor selalu mendapat kedudukan nombor satu dari segi pelaburan Industri di seluruh Malaysia di bawah kepimpinannya. Tetapi beliau mendakwa, ah! dan beliau mendakwa pelaburan di Negeri Selangor telah jatuh ke nombor tiga

sekarang. Jawapan saya ialah Nombor Satu, mengikut statistik daripada MIDA Selangor di bawah kepimpinan Sg. Panjang hanya pernah mendapat kedudukan nombor satu dari segi pelaburan perindustrian pada tahun 2001, 2004 dan 2005. Iaitu tiga kali sahaja. Dalam tempoh pentadbiran Sg. Panjang pelaburan di Selangor malah pernah jatuh kedudukan nombor empat pada tahun 2006. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian pelaburan perindustrian yang dinikmati di negeri Selangor pada tahun lepas iaitu tahun 2008 merupakan rekod yang paling tinggi dalam sejarah Selangor. Iaitu 11.8 bilion ringgit. Walau pun sebahagian daripada pelaburan yang masuk ke Selangor pada tahun lepas adalah usaha kerajaan Barisan Nasional yang lepas tetapi kebanyakan pelaburan domestik dan asing yang masuk ke Selangor selepas Pakatan Rakyat menerajui tampuk kepimpinan negeri Selangor. Ini menunjukkan keyakinan pelabur asing dan pelabur tempatan terhadap kerajaan Pakatan Rakyat yang baru di Selangor pada tahun yang lepas. Selain itu, kenyataan Sg. Panjang berkata bahawa angka pelaburan di Selangor telah jatuh ke nombor tiga di Negara kita adalah salah. Mengikut angka pelaburan perindustrian terbaru MIDA jumlah pelaburan perindustrian yang diperolehi oleh negeri Selangor dalam tempoh Januari ke Mei pada tahun ini ialah 1,735,348,368.00 dengan ringkas adalah 1.7 bilion ringgit. Kedudukan Negeri Selangor kita sekarang berada di tempat nombor dua di seluruh Malaysia. Negeri yang mendapat pelaburan yang paling banyak ialah Johor. Jumlah pelaburannya adalah 2,428,999,951.00. Dengan ringkas adalah 2.4 bilion ringgit. Untuk makluman Sg. Panjang dan Ahli-ahli Yang Berhormat jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Malaysia secara keseluruhan setakat bulan Mei adalah 916,818,725,000.00. Iaitu 9 bilion ringgit setakat bulan Mei. Sekiranya Yang Berhormat Sg. Panjang ingin mengkritik kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor tentang kejatuhan pelaburan maka beliau juga harus melembarkan kritikan terhadap kerajaan pusat Barisan Nasional kerana pelaburan asing dan pelaburan tempatan di seluruh Negara kita memang telah pun jatuh disebabkan kegawatan ekonomi dunia. Tuan Speaker, di sini saya ingin memberitahu dewan yang mulia ini bahawa semakin ramai pelabur asing datang ke pejabat SSIC untuk menanya peluang pelaburan di Selangor pada kebelakangan ini. Saya optimistik bahawa angka pelaburan perindustrian kita akan naik lagi dalam bulan-bulan yang akan datang. Jadi, saya ingin menyeru Yang Berhormat Sg. Panjang boleh menyemak fakta beliau sebelum melemparkan kritikan tentang pelaburan di Selangor. Tuan Speaker. Yang Berhormat Sg. Panjang mencadangkan bahawa kerajaan Selangor harus mengadakan misi pelaburan dan perdagangan yang bertumpu di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Di sini saya ingin mengingatkan Sg. Panjang bahawa strategi mempelawa kemasukan pelaburan asing haruslah berubah dari masa ke semasa bergantung kepada iklim pelaburan dan ekonomi dunia. Dalam waktu Amerika Syarikat dan Negara-negara Eropah tengah menghadapi kegawatan ekonomi di mana ramai pemimpin kerajaan negara barat ini telah meminta Negara Cina untuk membeli bon-bon di negara mereka masing-masing untuk menyelamatkan ekonomi negara-negara barat ini khususnya di Amerika Syarikat maka adalah penting bagi Malaysia dan negeri Selangor untuk mengatur semula strategi penarikan pelaburan kita. Untuk makluman Ahli-ahli Berhormat dewan ini MIDA dan MATRADE pernah menganjurkan sembilan misi promosi perdagangan dan perindustrian Malaysia ke luar negeri pada tahun 2008. Di antara destinasi rombongan misi ini, dua misi pergi ke Amerika Syarikat, satu misi ke Eropah, satu misi ke Negara-negara Timur Tengah tetapi lima misi, lima rombongan ke negara-negara Asia termasuk Negara Cina. Destinasi misi pelaburan yang dipilih oleh MIDA dan MATRADE ini menunjukkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di kerajaan pusat juga telah mengubah strategi penarikan pelaburan mereka. Dan mereka memberi lebih tumpuan di Negara-negara di rantau Asia. Di antara lawatan anjuran MIDA dan MATRADE, pegawai-pegawai SSIC pernah menyertai dua lawatan MIDA ke Jepun pada tahun 2008, iaitu lawatan ke Osaka dan Yokohama pada 5 hingga 10 Julai 2008 dan juga lawatan *special project on food processing industry* dan Halal industri di Osaka pada 7 hingga 16 Oktober pada tahun lepas. Di sini, saya ingin memberitahu Yang Berhormat Sg. Panjang dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, kerajaan negara Cina

telah mengeluarkan dasar yang menggalakkan syarikat-syarikat di negeri Cina untuk melabur di luar negara Cina. Dan kerajaan Cina malah menubuhkan biro khas di setiap provinsi dan kerajaan tempatan untuk membantu syarikat-syarikat di Cina untuk melabur di luar negeri Cina. Syarikat-syarikat Cina telah pun melabur di banyak negara-negara yang sedang membangun seperti di negara-negara di benua Afrika, di Amerika Selatan dan negara-negara di Asean seperti di Vietnam, Indonesia, Cambodia, Thailand dan sebagainya. Saya difahamkan bahawa kerajaan Cina juga telah membuka sembilan belas buah kawasan perindustrian di luar negara Cina di seluruh dunia. Selain itu, syarikat-syarikat Cina juga mula melabur di negeri Sabah, Sarawak, Johor dengan pelaburan yang bernilai berjuta-juta ringgit kebelakangan ini. Tetapi kesalnya, tidak banyak syarikat di negara Cina yang melabur di Selangor. Itulah sebabnya kami mempromosi peluang pelaburan di Selangor kepada pegawai kanan kerajaan dan peniaga-peniaga syarikat besar di Cina melalui misi galakkan pelaburan kita dengan harapan syarikat-syarikat negara Cina yang ingin melabur di luar Cina juga boleh melabur di negeri Selangor.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, adakah diskriminasi berlaku daripada pihak Kerajaan Persekutuan terhadap Selangor kerana negeri Pakatan sebab itu pelaburan agak kurang menggalakkan contohnya daripada negeri Cina tadi.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bangi. Sebenarnya yang saya tahu di banyak seminar dan juga rombongan anjuran kerajaan pusat ke negeri ke Cina atau pun di tempatan, mereka memang kuat menggalakkan pelabur-pelabur dari Cina itu melabur di Iskandar, di zon Iskandar, di Johor. Itu sebabnya kita lihat yang banyak, yang angka pelaburan di Johor itu meningkat begitu banyak. Tapi, saya rasa sebagai negeri Selangor kita juga haruslah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menarik pelabur asing bukan sahaja dari negeri Cina tetapi juga dari negara-negara di Asia macam Jepun, Korea, India dan juga sebagainya. Kerana saya rasa yang dengan iklim pelaburan yang dan juga iklim ekonomi dunia sekarang ini adalah penting untuk bagi kita mengatur semula strategi penarikan pelaburan ke Selangor. Jadi, saya...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, saya minta penjelasan. Yang Berhormat EXCO menyebut tentang strategi saya juga ingin bertanya sama ada kita mempunyai satu strategi untuk menjenamakan pelaburan di Selangor seperti kita sekarang ini membiayai pelbagai jenis pelabur dari luar negara, adakah kita akan mewujudkan satu jenama untuk negeri Selangor. Contohnya kita fikir tentang, kita memikirkan tentang halal hab, pemprosesan makanan halal, kita akan memikirkan Pulau Indah di Negeri Selangor seperti itu, adakah kita akan, adakah ia baik untuk kita untuk berbuat demikian supaya orang akan memikirkan tentang Selangor atau pun mempunyai satu penghayatan yang lebih mendalam tentang pelaburan di negeri Selangor. Satu *rebranding exercise*.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima Kasih Kg. Tunku. Kita tidak boleh mempromosi halal sahaja di negeri Selangor kerana yang, yang, di Selangor halal hab walau kita mempunyai pelabur tetapi kalau kita lihat angka pelaburan yang melabur dalam halal hab sebenarnya adalah kecil tau berbanding dengan pelaburan perindustrian yang secara keseluruhan yang lain. Jadi, ini di setiap tempat yang kita, atau pun setiap seminar yang kita bentangkan kepada pelabur asing halal hab memang adalah salah satu topik yang mana kita akan bentangkan dan galakkan mereka untuk datang melabur tetapi kita juga mempromosikan yang kita juga menggalakkan pelaburan yang lain khususnya pelaburan tentang teknologi hijau seperti solar dan juga tenaga yang boleh diperbaharui semula atau *renewable energy* kita lihat yang syarikat sola di Germany, telah pun menaruh hampir 3.2 bilion ringgit kalau tak silap saya di Selangor Science Park 2. Jadi kami berharap lebih syarikat dengan jenis ini boleh melabur,

menaruh pelaburan mereka di Selangor. Jadi bila kita mempromosi pelaburan di Selangor kepada orang-orang luar kita selalu mempromosi menggalakkan mereka melabur kepada dalam bidang teknologi tinggi *Renewable Energy* Halal Hub dan juga *logistic* dan kita bagi SSIC kita juga menggalakkan Syarikat yang melabur dalam bidang *services industry* perkhidmatan bentuk dalam perkhidmatan macam logistik pendidikan, *medical tourism*, pelancongan dan juga sebagainya. Kesemua ini Selangor merupakan Negeri yang paling sesuai bagi pelaburan jenis ini untuk masuk ke Selangor tetapi saya nak ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat pelaburan dari segi perkhidmatan seperti pendidikan, perubatan dan logistik dan sebagainya. Semua ini tidak masuk dalam statistik MIDA, dalam angka pelaburan perindustrian kerana apa yang keluar dalam MIDA ialah *Industrial Investment* dengan izin. Jadi Tuan Speaker, di sini saya juga ingin mencadangkan bahawa ADUN-ADUN kita sama ada di Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat sekiranya mereka mempunyai apa-apa soalan yang mereka tidak faham atau isu yang mereka tidak puas hati saya ingin mereka minta datang untuk berbincang dengan para EXCO pintu pejabat EXCO sentiasa terbuka untuk semua pihak jadi juga saya berharaplah sebagai Wakil Rakyat di Pakatan Rakyat kita juga harus berucap dan cuba mengelakkan perselisihan faham di antara kita supaya ia tidak diperbesarkan dan juga dieksploitasi parti lawan dan juga media. Jadi Tuan Speaker mengikut kajian dibuat oleh NTV 7 mengenai Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor yang disiarkan dalam berita NTV 7 pada pukul 8.00 pada 10 Julai Jumaat yang lepas 77% penonton berkata mereka tidak setuju dengan cadangan rombakan barisan EXCO di Negeri Selangor kerana mereka puas hati dengan prestasi Kerajaan Selangor di bawah pimpinan YAB Dato' Menteri Besar kita. Jadi saya berharap isu ini jangan ditimbulkan lagi dan saya juga berharap kita semua boleh bekerjasama sejiwa dan sepakat untuk membangunkan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, boleh. Sila teruskan.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Habis, sudah habis. Oh saya ingat diberi peluang tanya pun tak jawab. Tunggulah peluang lain.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Saya ingat amalan ini di Parlimen dengan UMNO dan BN patutnya Kinrara kena berani berdepan dengan ADUN-ADUN dari Pakatan Rakyat sendiri. Saya minta laluan daripada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Tetapi Yang Berhormat, kita ikut pada Peraturan ada lagi yang subjek-subjek lain boleh bangkitkan lagi. Saya rasa sebab dia dah duduk nanti tak ada jawapan.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker, saya minta penjelasan sedikit. Perkara ini saya bawa dalam Dewan dan Kinrara mengambil pendirian. Saya bawa semua keratan akhbar Kinrara sendiri tidak menggunakan Dewan untuk berdepan dengan kenyataan. *Why must you go to the Media* untuk menyerang Ahli-ahli Pakatan Rakyat. Saya boleh baca sini satu persatu saya bawa semua keratan. Azmin saya buka juga dia pun *blog* mengatakan saya ini panas baran. Saya Ketua *Backbencher* saya bukan jadi *yes man* seperti UMNO dan Barisan Nasional. Apakah salah saya sebagai Ketua *Backbencher* untuk menzahirkan pandangan rakyat *I Speak The Conscience of the Majority* bukan peribadi saya ini baru saya dapat SMS. Tuan Speaker baru mengatakan syabas kerana membangkitkan isu ini. Kami tunggu 5 bulan untuk dapat temu janji tak dapat termasuk EXCO cukup payah buat temu janji ini bukan pandangan saya pandangan rakyat jadi kalau EXCO mengambil pendirian dah hujung perbincangan penggolongan baru terus duduk perkara ini tidak berani berdepan dengan kenyataan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, sebab YAB Dato' Menteri Besar akan jawab tunggulah sabar sedikit, Yang cadangan daripada Yang Berhormat ada minta YAB rombak EXCO jadi biarlah Dato' Menteri Besar jawab masa itu boleh bawa bersama.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker, saya cukup hormat Dato' Menteri Besar jawab dengan cukup sopan dan beradab.

**TUAN SPEAKER:** Yalah, tapi sekarang ni kalau susah saya nak kawal. Kalau ikut kalau tak ikut bagi saya kalau Kinrara enggan jawab kata dah habis itu menunjukkan sikapnya kita subjek kepada interpretasi masing-masing.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Terima kasih.

**YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** Baik saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan terutama Ahli-ahli yang menyertai perbincangan. Saya juga rasa tak berapa puas hati sebab sepatutnya kita ada daripada Kumpulan Pembangkang beberapa perkara yang dibangkitkan dan saya perlu jelaskan. Ada kalanya kita lebih baik adakan perbincangan dan memahami satu sama lain supaya dapat membawa negeri ini ke satu arah kemajuan yang lebih baik lagi bertepatan dengan masa sambutan 50 tahun Dewan ini wujud. Satu perkara yang dibangkitkan oleh Sg. Panjang menimbulkan rasa kekeliruan termasuk dari Taman Templer yang negeri Selangor ini kewangannya tidak diurus dengan baik. Dengan cara itu kita dapat defisit yang akhirnya menyebabkan negeri ini tidak mempunyai yang cukup, hingga boleh jadi bankrap. Saya mungkin mengambil masa yang agak lama sebelum saya bersetuju dengan Pengarah Kewangan Negeri supaya meningkatkan belanjawan sebanyak RM120 juta sebab saya tahu soalan ini mungkin dikemukakan.

Satu perkara yang saya perlu terangkan berkaitan dengan akaun negeri dibandingkan dengan akaun-akuan biasa, misalnya dengan sektor swasta. Akaun Negeri ini ia berasaskan dua bahagian yang tersendiri. Akaun Hasil dimasukkan sebagai Akaun Hasil, tidak boleh dicampurkan. Kalau kita melihat Akaun Hasil itu Akaun Hasil kemudian disebut Akaun Perbelanjaan, iaitu Pembangunan maknanya kita berbelanja. Jadi, apabila orang mengkaji Akaun Hasil dia boleh tengok Hasil Kerajaan Negeri Selangor pada 2009 sebanyak RM1.4 bilion. Hasil yang kita mungkin kutip pada 3 tempat, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Di sini ada 3 perkara, yang jumlahnya RM1.4 bilion jangkaan kita pada 2009, tetapi pada pertengahan tahun ini kita belum dapat mengutip lebih daripada 50%. Itulah sebabnya terdapat defisit tentang kutipan kita. Maknanya, kalau kita tak dapat kutip jadi maknanya terdapat defisit.

Jawapan dari kita, adakah boleh kita mengatasi masalah 6 bulan ini dapat mengatasi defisit yang satu RM1.4 bilion? Jadi ada defisit RM1.4 bilion. Kenapa pula kita nak nyatakan bajet tambahan iaitu Hasil yang kita panggil sebagai Hasil untuk RM120 bilion lagi ah...RM120 juta. Jadi maknanya kalau dipanggil *balance* bajet 1.4 campur 1.4 atau 1,400,000 campur 120 jadi RM1,520. Kalau pendapatan kita, iaitu Hasil RM1,520 dan Perbelanjaan RM1,250 maknanya bajet itu tak ada defisit. Ia ada asas dan apabila saya teliti saya dapati boleh tak kita kutip hingga RM1,520 dalam kiraan kita. Adakah kita mempunyai Hasil Pendapatan sampai begitu? Daripada analisis yang kita buat kita dapati hasilnya adalah macam Hasil Cukai kalau kita anggarkan RM463 juta Hasil yang membuat angka RM1.4 juta. RM463 juta itu Hasil Cukai *error*



kita untuk anggaran itu tidak lebih 1% sebab cukai itu dah ada bukan cukai tak ada. Tinggal lagi berapa cepat kita mengutipnya jadi maknanya cukai itu sudah ada. Jadi *errormya* tidak besar.

Kedua, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM530 juta ini ialah hasil yang kita dapat daripada premium tanah orang yang nak buat pembangunan. Dan itu pun sudah kita ada, iaitu kita sudah beri surat. Maknanya, orang itu kena bayar. Anggaran Hasil daripada surat-surat itu baru kita dapat RM530. Terimaan Bukan Hasil sebagai Hasil Daripada Perjanjian Perlembagaan maknanya Maris jalan untuk Perlembagaan-perlembagaan... (???)

Pada dasarnya Kerajaan Persekutuan sangat takut untuk tidak jadi *error*. Kalau ada pun 1 atau 5% paling banyak. Pada saya duit itu ada tetapi hasil itu ada. Masalahnya sama ada kita nak cepat atau tidak terhadap pengumpulan tersebut. Kedua, adakah kita boleh dapat lagi hasil RM120 million untuk bajet seterusnya? Jadi saya melihat Hasil Bukan Cukai ini yang RM530 juta ini boleh kita tingkatkan sehingga RM800 juta sebab ada sesetengah orang belum bayar. Mereka tak bayar kita tak bil lagi sebab enam bulan ia tamat. Saya tengok Syarikat-syarikat dalam jagaan MBI Incorporated dulu-dulu pun ada. Sebab kalau kita kutip Hasil itu, Hasil Premium itu tidak dibayar bererti Syarikat-syarikat kita ini, katalah RM100 juta tak bayar maknanya nilai Syarikat itu hanya melebihi RM700 juta ke RM1,000 juta. Maknanya, keadaannya *on paper* kita ada boleh mendapat kutipan lebih daripada itu tetapi jawapan pengurusannya kenapa kita tak ok. *This is the main issue the main issue* kenapa kita tak kutip, kita tak kutip cepat.

Dua faktor yang kita tak kutip cepat. Satu, berasaskan permintaan kerana ekonomi pada November, Disember, Januari, Februari dan Mac menurun. Kalau kita *squeeze* orang yang tak ada duit ini lagi anu..... Ekonomi menurun sebab Hasil Bukan Cukai tak sampai 30% ya kita kutip. Cukai kita kutip kalau Sg. Panjang ada tentu dia gunakan insentif yang tidak sama dengan kita. Masih lagi boleh dia gunakan penyapu. Itu sebab ..... tapi saya tidak katakan *give the time because* ini menunjukkan adakah kita ada duit atau tidak ada duit kalau kita lambat kutip. Kita kutip sebab kita nak gunakan. Adakah kita ada duit atau tak ada duit? Jawapannya alhamdulillah rizab negeri ini ada. Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa menyatakan RM800 juta dalam *Fixed Deposit*. Tapi bukan RM800 juta. Ada lagi RM800 ke RM900 juta dalam bentuk saham dan milikan lain. Jadi apabila dicantum berdua ia lebih kurang RM1.5 bilion. Itu ada '*reserve*'.

Maknanya, kalaulah Kerajaan Persekutuan marah sangat kepada negeri Selangor, marah betul, dia marah betul, dia tak buat apa, dia tak beri kita duit. Dia buat lambat-lambatlah, kita boleh '*last*' 4 tahun. Maknanya, bayar gaji semua orang, tak adalah kita, tak payah saya dengan Dato' Hasan pergi berangkat sana, tak ada, tak perlu. Sebab maknanya duit tu ada tetapi mestilah dijaga dengan sebaik-baiknya dan hal itu telah kita bincangkan..

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, Bangi ingin bertanya. Tidakkah ini mencerminkan bahawa kita lemah dari segi kutipan dan nak bergantung kepada '*reserve*', saya bimbang ini akan digunakan oleh pembangkang dan juga rakyat akan menilai kelemahan kita. Dan ini kelak akan menjejaskan prestasi kita dari segi pemerintahan dan mungkin kekuasaan kita akan terlepas dari tangan, kerana memperlihatkan kita lemah dari segi pentadbiran.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Bukan maknanya kita lemah. Dalam '*business*' pun, ada kalanya, ada masanya kita tidak mengutip wang. Ia umpama orang hutang kita. Sebagai contoh, kalau kita kata kita lemah, Kerajaan Persekutuan sendiri, dalam masa 8 bulan ini memberikan kelepasan untuk setengah-setengah negeri supaya tidak membayar hutangnya.

Maknanya, Kerajaan Persekutuan sendiri,.. oleh sebab Negeri Selangor ni boleh membuatnya ia tak perlu soal.. Tetapi Kerajaan Persekutuan sendiri, saya beri contoh.. macam Kedah, Pahang, ia kata tak perlu bayar dahulu. Bayar kemudian. Sebab, dalam keadaan ini tak boleh di....serupa juga dalam *'business'*. Dalam *'business'* umpamanya, bank-bank, dalam situasi kejatuhan ekonomi, ia kata bayaran perumahan itu boleh ditunda sehingga 1 tahun. Itu jawapan, bukan satu perkara yang negeri Selangor lakukan tetapi itu sudah..umpamanya pembayaran *'loan'* bank, digalakkan supaya memberi peluang kepada mereka ini dapat menguruskan kewangannya.

Tetapi kalau kita kata dapat, macam sesetengahnya, kalau kita ada syarikat, ..orang tak bayar hutang..maknanya kalau orang tak bayar hutang maka kita tak boleh bayar gaji pekerja. Jadi kalau kita tak boleh bayar gaji pekerja tentulah kita ada masalah, tak boleh ada pengeluaran. Jawapannya, untuk itu, kita ada *'reserve'*. Itu sahaja jawapannya. Sama ada kita nak gunakan *'reserve'* atau tidak, itu hal kita. Jadi, saya rasa pengurusan kita mesti tidak boleh mengurangkan *'reserve'* tetapi menambahkan *'reserve'*. Pada masa ini, kalau orang tanya kita boleh bankrap, maknanya kenyataan itu yang kita hendak bankrap, jawapannya tidak betul. Kita tidak bankrap sebab kita punya sokongan begitu banyak. Jadi tidak bankrap. Jawapan itu tidak betul, itu sahaja saya nak terangkan. Seinggakan, ini bukan contoh untuk negeri Selangor, di Amerika ia punya *'deficit'* nya yang paling banyak dalam ni. Lepas satu *'thrill'*. Umpamanya di United Kingdom...

Tetapi di Selangor, *'deficit'* tu hanya untuk sampai ke peringkat yang boleh kita kutip. Maknanya kita..masa kutipan itu kita *'stretch'* kan, kita panjangkan masanya. Itu sahaja. Bukan kerana kita tak nak kutip. Ada baiknya juga, dan rakyat mungkin berjumpa dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat, minta esok kalau kita kata kita *'squeeze'* maknanya kita beri masa. Sebab itulah, kita berbincang dalam *'Selangor Business Council'*. Mereka ingatkan kita bagaimana kita boleh tolong *'adjust'*. Tapi, saya yang tak beri. EXCO yang tak beri berhubung dengan diskaun. Dia bukan sahaja lambat bayar tetapi dia nak minta diskaun. Itu kita tak beri, tapi kita lambatkan. Kita beri tetapi diskaun kita tak beri sebabnya kalau beri satu orang diskaun, semua orang hendak diskaun. Itu saya nak tunjukkan, yang saya rasa, kerana ada kalanya kita takut, menakutkan itu, itu bukan satu perkara yang tak benar.

Bagaimanapun, sudah tentulah ramai rakan yang mengatakan duit tu mesti kita jaga. Ya, kita kena jaga. Tetapi kalau kita dengar dalam perbincangan di Dewan ini, ada juga kata perbelanjaan kita tak cukup, kita kena jaga. Maknanya boleh jadi rakan kita daripada Sijangkang kata kita kena bagi peruntukan Pembangunan kepada Dewan, Ahli-Ahli Dewan Negeri. Katalah kita beri 10 juta. Kalau kita beri 1 juta, saya bagi contoh, kalau kita beri 1 juta untuk satu kawasan Dewan Negeri, bererti kita mesti mengeluarkan 56 juta. Jika 10 juta, bersamaan 560 juta. Kalau kita keluarkan 560 juta, bajet kita tak cukup. Sekarang, bajet kita memerlukan lebih kurang 700 juta untuk bayaran pekerja. 700 juta. Saya tidak mempunyai kekuatan. Kalau dalam *'business'* saya ada kekuatan itu. Saya boleh kurangkan pekerja. Saya tak ada kekuatan di situ. Ataupun potong gaji pekerja, tapi saya tak ada kekuatan di situ. Maknanya, kita mesti gunakan pekerja yang kita ada itu dan kita tingkatkan sahaja produktiviti setiap mereka.

Tetapi jawapan yang Sijangkang tanya, bagaimanakah kita nak cari lagi. Katalah Sijangkang kata lebih baik 10 juta 1, tiap-tiap DN jadi 10 juta, boleh? Jawapannya, hasil yang kita ada sekarang, hasil yang kita dapat sekarang, tak ada. Tak ada peluang. Tetapi, saya nak bawa isu itu, penting untuk Dewan ni fikirkan. Saya fikir, duit untuk Ahli-ahli Dewan Negeri yang disebut Dana Pembangunan itu, adalah satu dana yang sepatutnya Kerajaan Persekutuan mesti sediakan. Dan ia sudah sediakan. Itulah dananya. Dan saya dapati ramai Ahli Dewan

yang membangkitkan agar dana itu dikeluarkan tetapi tidak melalui Kerajaan Negeri tetapi pentadbiran Kerajaan Negeri. Maknanya, dana tu ada tetapi tidak melalui Kerajaan Negeri. Dahulu ia melalui pentadbiran Kerajaan Negeri. Sebab ADO Pembangunan, dia menjaga dana yang datang daripada Kerajaan Persekutuan. Tiga faktor yang saya ingat kita mesti bincangkan di Dewan ini. Pertama, faktor Perlembagaan. Faktor Perlembagaan Persekutuan.. Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengkhususkan tanggungjawab. Tanggungjawab Kerajaan Persekutuan ialah mengutip hasil negara ini dan tidak ada negeri yang boleh mengutip hasil, dan ia menyalurkan hasil ini untuk pembangunan negara. Ini untuk pembangunan Negara. Dalam hubungan ini, oleh sebab Kerajaan Negeri bersetuju terhadap prinsip perlembagaan ini, jadi diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengutip hasil. Dan Kerajaan Persekutuan sebaliknya mesti memperuntukkan sebahagian hasil kepada setiap Kerajaan Negeri. Peruntukan itu, dalam Perlembagaan mesti melalui negeri. Itu sebab negeri daripada segi strukturnya, ada Pegawai Daerah, Penghulu dan Ketua Kampung. Dan ini yang kita katakan Barisan Nasional membelakangkan '*The Spirit Of The Constitution*'. Saya hendak beri jawapannya tetapi itu satu faktor yang saya rasa mesti kita bahaskan. Adakah ini digalakkan atau tidak? Kedua, saya nak sebut tentang faktor kos. Kalau ada dua '*Administration In The State*', ..maknya Kerajaan Negeri bayar gaji ADO Pembangunan dan pegawai-pegawainya. Kerajaan Persekutuan pula bentuk jabatan Pembangunan Negeri Selangor dengan gaji dibayar Kerajaan Persekutuan. Dua sistem, ada JKK, Jawatankuasa Persekutuan pula ditubuhkan di kampung-kampung. Ini dibayar gaji. Ini proses meningkatkan kos, seperti yang dinyatakan oleh rakan-rakan kita, kos itu tidak boleh kita kawal. Sebab Kerajaan Persekutuan beri kepada Pejabat Pembangunan Negeri dalam kelolaan Kerajaan Persekutuan dan diberi pula kepada peringkat bawah sehinggakan bahagian, Ketua Bahagian UMNO jadi wakil ataupun '*Instrument of the Government*' untuk memilih kontraktor. Dan ini menimbulkan satu '*aspect cost*' yang meningkat.

Ketiga dalam '*aspect cost*', Kerajaan Persekutuan sekarang untuk mempercepatkan, ia melakukan '*negotiated contract*'. Biasanya '*negotiated contract*' itu, Pengarah Kewangan Negeri faham dan tahu bahawa sekurang-kurangnya orang yang dapat kontrak itu dapat 30% '*margin*'. Bukan satu '*margin*' yang sedikit. Maknanya, dia pejam mata, dia dah boleh dapat 30%. Kalau dia buka mata, dijualnya kontrak itu dia dah dapat 20% untung dan orang lain dapat 10% buat. Jadi, kita menghasilkan hasil ramai tauke goyang kaki. Dan menggunakan duit rakyat!

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker..adakah ini bermakna segala peruntukan yang diturunkan oleh persekutuan ke negeri yang tidak diperintah oleh pihak BN bererti tidak memberi faedah yang banyak kepada rakyat tetapi memberi faedah kepada kontraktor-kontraktor sahaja.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ya... mesti menggunakan '*argument*' saya ini untuk diberitahukan kepada rakyat. Itu sebab saya sebut ni supaya saya direkod dalam '*hansard*' negeri Selangor yang saya katakan ini. Itu sebab saya buat ni. Sebab saya tunjukkan yang ini sudah berlaku bukan..boleh jadi dahulu dilaksanakan di Sabah sebab Sabah tak ada duit tetapi di Selangor tidak perlukan duit daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai ADO Pembangunan dan pegawai-pegawai. Selangor tidak perlu. Selangor ada duit. Selangor hanya perlu projek-projek itu diberi kepada Pentadbiran dan kita ada EXCO yang menjaganya dan kita boleh uruskan dengan telus dan secara tender kepada semua untuk mendapat kebaikan daripada hasil duit pembangunan tersebut.

Ketiga, ialah masalah fokus. Masalah fokus ni, kalaulah ia tidak diagihkan melalui negeri, negeri boleh jadi beri ia kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Boleh jadi itu sebab Sg.

Pinang ada membuat satu pengumuman..(ketawa)..Sg. Panjang..(ketawa)..okey, Sg. Panjang..sebab tak panjang sungainya..(ketawa)..dekat..memang tak ada sungai..

**TUAN SPEAKER :** Panjang lagi Sg. Pinang.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ya..ya...apa tu. Dia ...ada umumkan. ..memberi satu juta untuk peruntukan di Sg. Panjang. Dan dia secara kontraknya..kontrak dibuat secara tunjuk. Ya...kalau kita marahkan Indonesia sewaktu Suharto yang guna tunjuk, kita ni..mana...mana tingginya kita lagi. Jadi oleh sebab itu, tak ada fokus. Maknanya saudara dari Sijangkang kata, ee. ..jambatan tak ada..rakan-rakan daripada, Manoharan...ee..ni tak ada... daripada Kota Alam Shah . Dia dah tulis surat kepada saya. Dia kata, dia punya, eee....apa longkang. Saya pun nak jawab jika tak ada duit, nanti dia mengamuk lagi. Jadi saya nak beritahu, sebab kalau kita nyatakan *balance* wajib, kita tak ada fokus. Jawapan saya, ini ...saya...kita ...

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan, penjelasan...

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ya..

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Berkaitan dengan isu fokus ini lah, kami wakil rakyat-wakil rakyat di peringkat DUN, kita bertemu rakyat, mereka mengadu masalah yang 12 tahun, 15 tahun, longkang pecah, tebing sungai roboh, padang tak diuruskan. Jadi, permintaan saya tentang peruntukan pembangunan khas RM 1 juta setiap DUN, adalah diluluskan. Perolehan itu saja dibagikan kepada Pejabat Daerah ikut vot-vot nya untuk diberikan keutamaan kepada ADUN , untuk buat permohonan kerana ADUN yang merupakan *immediate delivery system* kepada rakyat tu.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat.

Riuh....

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat, saya setuju tetapi .....masalah yang besar, ialah di mana kita nak cari 56 juta ni. Itu sahaja. Daripada segi prinsipnya,kita setuju sebab Ahli Dewan Negerilah yang tahu, di mana yang diperlukan . Di mana hendak digunakan. Sebab, selepas itu kita boleh *test*, sama ada benar atau tidak. Namun, ini satu cadangan saya.. ini satu cadangan , yang boleh saudara bincangkan dan boleh jadi ia menjadi perbincangan yang agak panas, antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri. Saya cadangkan , kita, oleh sebab negeri Selangor, antara negeri-negeri yang membayar hampir 25-30% daripada cukai pendapatan Kerajaan Persekutuan, jadi jika kita ambil secara konservatif, 80 billion jumlah cukai (tetapi lebih daripada itu)..... kalau kali 20% bersamaan 16 bilion. Kalaulah dia beri 3 bilion sahaja, bukan banyak, sudah cukup untuk aa... tiap-tiap ahli Dewan dapat lebih aaa...aaa..50 juta. Tapi jangan bergaduhlah. Itu sebabnya... 50...aaa...lebih pada itu. Tetapi itu, dan bagaimana caranya.

Aa... ini jawapan saudara nak tanya bagaimana caranya. Kita tahu, apabila orang membayar zakat. Orang membayar zakat...zakat yang dibayar, oleh setiap orang Muslim, kepada pemungut zakat ini, dan bayaran ini, bayaran zakat itu, boleh dikira sebagai bayaran , aa...*income tax*. Maknanya, kalau saya punya, cukai pendapatan, 1 ...saya ada 5...200 ribu, katalah 200ribu, saya bayar zakat 200ribu, saya boleh tunjukkan resit zakat saya kepada *income tax* dan jika cukai pendapatan saya kena bayar 200 ribu, maknanya saya sudah bayar duit itu. Jadi ada satu prinsip dalam Islam , juga boleh kita gunakan kepada semua rakyat termasuk bukan Islam, iaitu baitulmal perniagaan, untuk digunakan bagi pembangunan. Saya

sudah lihat dan saya hendak bincangkan dengan pihak ..anu...supaya jika rakyat Selangor berpendapat pendapatan daripada cukai pendapatan itu tidak kembali balik, untuk pembangunan daerah, kita galakkan , semua rakyat Selangor membayar cukai ...membayar zakat baitulmal perniagaan.. Yang dihaskan dalam satu baitulmal. Satu baitulmal...yang dimasukkan..... Dan duit tu... 100% diamanahkan untuk pembangunan, ee..negeri Selangor. Untuk jalan dan sebagainya, ini mengingatkan konsep ini, mengingatkan Kerajaan Persekutuan mereka jangan buat macam ini lagi. Mereka jangan lakukan. Jadi kita gunakan konsep baitulmal. Saudara dari Bangi boleh membuat kajian, eee....ketawa....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, ini adakah konsep , apa ni kaedah syarak yang sudah dipersetujui, umpamanya peringkat negeri kerana satu yang baru dan agak, agak menarik . Kalau benar boleh macam itu, saya ingat satu inovasi yang baik dari segi bidang syarak, kita...saya baru dengar ni..

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tetapi kalau saudara baca tentang khalifah Umar Abdul Aziz, dan dia ada buku tu, beliau mengutip cukai bukan hanya daripada umat Islam tetapi dia mengutip daripada semua, tetapi dia boleh mengasingkan. Sebab, baitulmal ni, bukan untuk masyarakat Islam sahaja. Untuk semua. Jadi, prinsip di Malaysia, kalau kita bayar zakat, masuk duit tu, dia boleh dikecualikan, ataupun dipotong daripada cukai. Ini prinsip , satu daripada keadaan, yang saya fikir, kita mula berbincang tentang perkara ini.

Untuk kita mengingatkan Kerajaan Persekutuan, yang dia tak boleh buat perkara yang tak sepatutnya dilakukan. Sebab saya berasa sedih, sebab rakan-rakan daripada Dewan Negeri minta duit daripada Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri hanya ada 1.4 bilion. Saya naikkan kepada 1.520 bilion, lepas tu tak cukup...semua orang dah kata...negeri dah dekat nak bankrap. Aaa itu. Jadi...duit hasil tak dapat, perbelanjaan banyak, bagaimanakah kita nak selesaikan masalah ini? Jadi kita mesti selesaikan bersama. Dan negeri Selangor bukan tidak memberi sumbangan kepada...aaa...cukai kerajaan... negeri Selangor. Saya tidak bercakap pada negeri-negeri yang lain. Negeri Selangor, pembayaran cukai oleh negeri Selangor ini, lebih antara 15 ke 20 bilion. Jadi oleh sebab itu, kutipan itu boleh dilakukan. Jadi, aaa...Dato' Hasan dan saudara daripada Bangi boleh berjumpa dengan mufti dan saya telah berbincang dengan beberapa kawan, daripada Australia...dia kata *This is money mentali ....isu...tapi* daripada segi baitulmal saya tahu. Saya sudah baca. Baitulmal ini bukanlah hanya untuk orang Islam. Tidak. Baitulmal ini untuk semua. Jadi secara pakatan rakyat , kita membuat satu inovasi dan revolusi dalam pemikiran, bahawa duit rakyat mesti dipulangkan kepada rakyat. Itu sebab, kita mengeluarkan konsep merakyatkan ekonomi. Jadi 2 perkara, boleh jadi Kerajaan Persekutuan tentang kenyataan ini. Jangan takut, kita ada lagi duit, *reserve*, sebelum berperang, pasal dalam pertanyaan... tapi yang kedua..yang kita juga jaga adalah dengan cara itu kita dapat membuat pembangunan bersama. Jadi, ya...

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya minta penjelasan, apakah pandangan Kerajaan Negeri di atas pandangan saya tempoh hari yang mengatakan supaya kita mewujudkan satu jawatankuasa , tenaga yang kita ada, di peringkat negeri, di peringkat daerah, supaya sistem pentadbiran pembangunan itu lebih dapat diperkasakan dengan mungkin mengambil kira pendapatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk dikongsi bersama dalam pembangunan daerah itu sendiri, dan akhirnya dapat dimanfaatkan kepada rakyat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya faham...Berhubung dengan masalah yang saudara tunjuk, saya ada perjumpaan dengan pegawai daerah, dan kita galakkan mengadakan perjumpaan tiap-tiap bulan. Tetapi apabila saudara mula sogokkan kertas-kertas cadangan pembangunan itu, muka pegawai daerah, mula berubah... Sebab dia kata tak ada duit. Itu

jawabannya. Ahli Parlimen dan ahli..tentu mengatakan, eh mengapakah pegawai daerah ni macam ini pula. Sebenarnya, ada kebenarannya, dia tak cukup duit. Tak da duit. Sebab duit daripada hasil tu, hasil kita hasil tanah sahaja, bukan hasil yang lain. Tak cukup duit. Kedua, kita tahu setengah PBT, Pihak Berkuasa Tempatan, macam Sabak Bernam, boleh jadi Kuala Selangor, tak ada duit langsung. Jadi, nak minta, lagi dia pucat.. tentang hal gaji dia pun takut., Itu sebabnya. Macam di Petaling Jaya atau Subang Jaya, boleh jadi, ada lebihan.

Tetapi daripada segi itulah, itu sebabnya pada saya, kalau ahli dewan negeri Pahang, boleh, satu daripada cadangan yang dibuat oleh eee...apa ni, daripada Rawang. *Start zero bajet*. Zero bajet .... Apa yang kita dapat, kita gunakan. Saya tahu, jika itu berlaku, banyak PBT yang tak boleh buat apa-apa pun. Eh..Lagipun kalau disuruh bayar semua hutang, ada juga yang saya lihat, PBT ni yang berhutang banyak. Bukan hutang sedikit, hutang banyak. Hutang kutip sampah pun tak bayar. Ini kenyataan... hutang kutip sampah pun tak bayar. Jadi itu sebab, saya nak terangkan... Bagaimanapun, kerajaan negeri mesti bertanggungjawab, salah satu daripada tugas saya dan ahli EXCO, bukan sahaja berbelanja tetapi mesti cari hasil juga. Jadi tugas EXCO ni bukan pandai belanja sahaja tetapi mesti tambahkan...aa... Jadi saya masih lagi mengadakan beberapa banyak usaha supaya dapat meningkatkan hasil semua ini.

Kalau nak senang....aaa....saya ada perbincangan dengan pengarah kewangan negeri, senang sahaja. Kalau kita dapat kutip 1.2, aaa...satu ribu dua ratus juta, kita gunakan sahaja seribu 200juta, yang lain tak boleh. Itu, tak boleh. Sebab negeri kita, kita ada projek pembangunan, projek kebajikan, tak boleh. Itu kita perlu tambah. Tetapi cara kita menambah itu, mestilah ada asas. Jadi perkara ini penting, sebab saya lihat, ramai yang pergi ke pejabat daerah, dan ke Pihak Berkuasa Tempatan, mendapati apa yang dia mahu ada kalanya tak dapat....ada yang tak dapat. Sebenarnya...sebab, katanya tak cukup duit. Jadi Kerajaan negeri, macam mana kerajaan negeri kata banyak duit, tak cukup duit. Memang tak cukup. Sebab kalau kita perhatikan, perbelanjaan...jadi ini yang saya nak ingatkan, ahli-ahli dewan. Kita ada lebih kurang 300 aa.. Ahli Majlis, kalau Ahli Majlis minta 1000, 1000 ringgit sahaja, kita kena bayar 300,000 ribu. 300,000 satu tahun bersamaan 3.6 juta. Itu baru satu ribu ringgit sahaja. Jadi, kira-kiranya besar. Itu sebab saya ingatkan, sebab kita punya belanja tu, tak... tapi kalau kita kata, kita dapat hasil daripada kutipan cukai pintu tu tinggi, bolehlah. Tetapi kalau saya kata naikkan harga cukai pintu sebanyak 15%, saya ingat 3 ¾ daripada ahli dewan undangan datang kepada saya; "janganlah...habislah kita.." Tak ada lah kita boleh menang dalam pilihan raya.. Jadi kita kena ada *balance*. Sebab itulah saya kena cari jalan cara mencari *balance* ini. *Balance* inilah yang paling penting bagi saya dalam usaha kita.

Dan saya percaya, pihak dewan ini boleh melahirkan beberapa idea dan saya cukup seronok sebab Bukit Antarabangsa dah mula menganalisis *line by line*, itu penting. Jadi maknanya pegawai kewangan negeri, tiap-tiap ahli EXCO dah tahulah, *line by line*. Macam mana, *where the money is, how to get it, how to use it*, dan apa semua itu. Jadi ahli EXCO pun kadang-kadang tengok saya, tak setuju aje pe...aaa...aa....dengan..perbelanjaan.. dia tahu saya tak setuju. Dia ingat saya kedekut. Bukan . Saya tak kedekut, ...kalau ada duit, kita belanja. Kalau tak ada duit, kita tak boleh belanja. Jadi kita kena jaga, kita kena jaga. Itu sahaja, *both side*, sebab akaun itu memperlihatkan perkara tersebut. Tapi kita jangan berdiam diri, saya rasa kita jangan berdiam diri. Dan..

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat....

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ha...sudah.

**TUAN SPEAKER:** Kita berhenti sebentar, kita lanjutkan masa..

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ok.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian..oleh kerana urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu di sambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, aa... Saya ingin membawa satu usul , yang berbunyi seperti berikut: “ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut peraturan 11 dan dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga selesai rang undang-undang enakmen perbekalan tambahan 2009 dibacakan kali yang ke 2. “

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya... (suara ramai kata ya) Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.. Dipersetujui.. Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya berterima kasih kepada rakan-rakan yang membangkitkan perkara tentang pengurusan pasir dan hasil kajian tersebut.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Minta maaf Tuan Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ini bukan soal pasir tapi sebelum Yang Amat Berhormat masuk soal pasir, saya dengar sekali lagi dengan tekun kuliah ekonomi yang diberikan oleh Yang Berhormat Ijok cukup kemas dan cukup jelas bagi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Cuma ada dua perkara Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, pertama saya lihat Yang Amat Berhormat terlalu baik sangka dengan Kerajaan Pusat ini, seolah-olah akhirnya mereka akan bagi juga kerana mereka takut tetapi pengalaman kita bukan saja di Selangor tetapi beberapa negeri yang lain memang ada sekatan halangan untuk menggagalkan pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat termasuk di Negeri Selangor. Yang keduanya saya mendukung dasar Yang Amat Berhormat untuk kita pertahankan *reserve* walau pun jumlahnya agak besar tetapi kalau kita meneruskan amalan berbelanja yang tidak berhema ini ianya akan menyebabkan mengalami defisit dan sukar untuk kita kembali kepada bajet berimbang. Cuma saya dalam perbincangan saya ada pohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri daripada seratus dua puluh juta yang dipohon 36% itu diperuntukkan untuk belanja mengurus. Apakah rasionalnya satu jumlah yang begitu besar kita peruntukan dalam keadaan kita juga mendengar perbincangan daripada teman-teman bahawa kita perlu berbelanja kerana banyak lagi projek-projek pembangunan kecil yang perlu dilaksanakan di setiap daerah tetapi nampaknya daripada seratus dua puluh juta ini hampir lima puluh juta untuk belanja mengurus sahaja. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat, terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Sebahagian besar daripada peruntukan perbelanjaan yang ada dua peruntukan, tiga daripada seratus dua puluh juta itu hampir lima puluh juta untuk perbelanjaan mengurus, dan yang tujuh puluh untuk pembangunan. Tetapi daripada segi itu, kebanyakan yang diminta ialah kerana pembayaran kenaikan gaji untuk pekerja kontrak, sebab mereka dah kerja selama 15 tahun tidak dinaikkan gaji. Jadi ini serupa macam tahun lepas kita juga menerima kenaikan gaji yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan dan terus semua gaji itu diberi pada pegawai-pegawai kita yang serupa dengan pendapatan sama tarafnya dengan

pegawai-pegawai kerajaan. Itu sebabnya angka-angka yang besar itu kena pada peruntukan (?) yang kedua. Yang lain itu ialah antara bayaran kenaikan gaji pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat. Kebanyakan yang besar ialah gaji, bukan daripada segi perbelanjaan tempatan, ia tak banyak. Jadi, saya tengok tak berapa banyak itu sebab saya luluskan. Kemudian kita juga gunakan lebih kurang dua juta untuk Ahli EXCO dan ADUN. Setiap ADUN dia hendak tambah seorang pegawai, setiap ADUN ada setiap pegawai ADUN dan itu lebih tiga juta, 2.374 juta kita gunakan. Lepas itu kita juga ada bayar bil-bil yang kita tidak bayar. Utiliti yang kita tidak bayar ada juga. Maka, saya rasa kebanyakan pembayaran untuk pentadbiran yang perlu kita lakukan. Oleh sebab itu saya tidak menghalang kenaikan itu... Perkara yang saudara dari Bukit Antarabangsa mengingatkan saya pasal *reserve* itu, tiap-tiap kali Dewan kita perlu terangkan berapa *reserve* kita ada. Jadi, dengan cara itu Dewan dapat memantau. Maknanya, semua orang boleh tahu berapa *reserve* kita ada. Jangan kita gunakan *reserve* tapi kita tahu di mana tugas yang lebih baik dengan menaikkan *reserve*. Untuk menaikkan *reserve* kita tidak boleh ada defisit. Saya nak berbalik kepada ....

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKE :** Kajang.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Oh Kajang...

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Ya memandangkan keadaan perbelanjaan kita dan juga tambahan ini adakah kita dapat fikirkan kita dengan berdasarkan belanja secara berhemah khususnya pada bidang-bidang yang dipegang EXCO-EXCO ini ada pembangunan yang boleh kita bagi fokus atau keutamaan yang mana yang tak begitu, kalau pembangunan itu dikemudiankan dan tidak akan menjejaskan pembangunan secara keseluruhan ada bidang yang boleh dikemudiankan dan juga berkaitan dengan konsep Baitulmal yang disebut, adakah pihak Kerajaan Persekutuan yang tidak menurunkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri bercanggahan dengan Perlembagaan dan adakah apa-apa yang tindakan mahkamah yang kita boleh ambil untuk membawa ke mahkamah untuk menuntut hak Kerajaan Negeri selain daripada itu, adakah kemungkinan saluran seperti Majlis Raja-Raja boleh menuntut hak Kerajaan Negeri kerana ia bercanggahan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan. Dan memang selain daripada pilihan saluran yang ada, satu saluran lagi ialah tukar Kerajaan Pusat itu mungkin bergantung kepada rakyat. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya setuju terhadap cadangan akhir Yang Berhormat Kajang. Ya, itu saya setuju tetapi sebelum itu, saya kena jalankan beberapa tugas. Saya berharap semasa menyediakan belanjawan untuk 2010 kita mengundang semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli EXCO berbincang berkenaan dengan prioriti yang perlu kita nyatakan. Jadi kita sama-sama memahami dan boleh menolong satu sama lain untuk meletakkan *priority-priority* tentang kalau kita ada duit terhad, apakah keutamaan yang kita hendak lakukan walaupun sukar tapi kita boleh lakukan. Jadi saya rasa itu dapat menolong kita serba sedikit bagi memahami jumlah yang boleh kita kawal dan cara kita menggunakan duit tersebut dengan cara yang terbaik.

Untuk operasi pasir, konsepnya sebab konsep ini antara orang yang menganalisis konsep itu saya sendiri, sebab itu saya terangkan tentang apa yang saya lakukan. Saya buat kajian daripada 2005, 2006, 2007 sejumlah 22 sampai 27 tan jumlah pasir tiap-tiap tahun, apa yang dikatakan di gunakan oleh di Negeri Selangor pasir itu is *between* 22 – 27 tan, maknanya pasir di Negeri Selangor. Jadi matriks tan dan 6 juta sampai ke 8 juta daripada kuari yang keluar. Jadi apabila saya kira, apabila saya buat kiraan tersebut saya dapati setiap pasir yang



dikeluarkan oleh pengusaha pasir dia perlu bayar royalti sebanyak satu ringgit lapan puluh dua sen. Pada kiraan saya, apabila kita buat proses pasir itu sendiri bukan sahaja kita boleh bayar satu ringgit lapan puluh dua sen kepada daerah-daerah yang kita ambil pasir tetapi kita juga dapat keuntungan sebanyak lapan ke sembilan ringgit. Oleh sebab itu saya kira lapan ke sembilan jadi bererti lebih kurang sepuluh ringgit setiap tan pasir yang dikeluarkan. Kalau satu tan dijual kita dapat sepuluh juta. Kalau sepuluh tan dikeluarkan maknanya kita dapat seratus juta. Kalau lima belas tan pasir dikeluarkan seratus lima puluh juta. Itu jawapannya. Sebab itulah saya punya kira-kira kita keluarkan sebanyak 24 tan, dan keluaran untuk pasir biasa ialah 15 tan sekurang-kurangnya. 15 tan dikali dengan RM10.00 bersamaan RM150 juta.

Jadi dengan kiraan itulah yang kita membuat andaian tu. Andaian tu tak lari, yang dia punya unjuran tu tak lari. Yang lari ialah jumlah keluaran. Jumlah keluaran tu lari besar. Lari besar sebab ada beberapa sebab yang diterangkan. Antara sebabnya berkaitan dengan kecepatan kita membuka tempat untuk mengambil pasir. Ia sangat lambat, bukan senang. Hari ini kita cakap, 3 bulan baru dapat. Sebabnya, bukan kerana Pejabat Daerah. Pejabat Daerah dah buat sebab lesen tu boleh dikeluarkan dalam tempoh 1 jam tetapi untuk *EIA study* itu sebab kelewatannya. Kalau kita keluarkan barulah jumlah pasir yang ada memang cukup. Maknanya kalau hari ini kita tak dapat duit tu tahun hadapan kita keluarkan kita dapat duitnya. Bukan duit tu lari, tidak. Tinggal lagi cepat tidaknya kita mengeluarkan. Sebab kita tak nak keluarkan kerana kita nak supaya ia tertib dan teratur.

Masalah yang paling besar supaya ia dapat menyelesaikan rakyat persekitaran. Maknanya kita perlu berhati-hati. Oleh sebab itu banyak protes sebab kecurian pasir ni bukan fenomena pada tahun 2008. Bukan. Kecurian pasir ni dah lama. Sebab itulah di Kuala Selangor tu ada tokeh pasir tapi Daerah Kuala Selangor tak dapat duit pasir sebab tauke pasir tu dah jaga semua orang.. Jadi oleh sebab itulah keadaan ini berlaku: Apabila sampai nak buka lombong pasir dekat Batang Berjuntai ada tauke pasir yang protes. Hah! Bukan senang sekarang, tauke pasir tu adalah ahli parti kita yang protes sebab itu dia kata tak boleh. Sebab dahulunya dia buat ini dengan tak perlu bayar apa-apa. Jadi, saya rasa saya perlu berterima kasih terhadap kesabaran Ahli-ahli Yang Berhormat yang terima *complain* daripada ramai orang, mengapa prosesnya berjalan. Unjuran itu dapat dicapai kalau 20 tan keluaran pasir dalam Negeri Selangor. Kedua, sudah tentulah ramai yang mengambil kesempatan sebab kelewatan kita mengeluarkan pasir. Dan keluaran itu termasuk sekarang terdapat pasir dari Perak, bukan sahaja dia naik jambatan. Yang Berhormat Saudara Yaakob Sapari tahu, bukan ia naik jambatan ia naik kereta api dah. Inilah berapa halangan. Pada saya, itu memang normal, bukan satu perkara tak normal sebab tujuan kita untuk menyusun semula industri pasir di Negeri Selangor dan dibuat dengan cara sistematik supaya masalah persekitaran dapat kita selesaikan di samping negeri Selangor dapat pendapatan yang lebih daripada itu. Saya percaya kita buat ini supaya dapat pendapatan yang lebih. *Target* kita nak sampai setahun dapat rupanya tak dapat. Itu *target* kita. Dua faktor, satu kita tak cepat buat, kedua ekonomi menurun. Itu dua sebab.. Kiraan saya lebih kurang macam itu...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih YAB. Dato' Menteri Besar. YAB. ada menyatakan tadi dalam perhitungan YAB. keperluan industri pasir setahun adalah 20 juta tan metrik tetapi daripada sumber yang saya perolehi daripada masyarakat yang terlibat secara langsung dalam industri pasir ini keperluan mereka ialah 100 ribu tan sehari dan kalau diambil kira setahun maka jumlahnya lebih kurang 36 juta tan. Tak apa lah, mungkin saya terima perhitungan Dato' Menteri Besar. 20 juta tan setahun. Kalau 20 juta tan setahun saya sempat hitung tadi kita beri bahagikan dengan 12 bulan dan 30 hari setiap hari keperluan pasir ialah 55 ribu tan ya. 55 ribu tan sehari kalau berdasarkan 20 juta tan setahun tetapi sehingga hari ini, Kumpulan Semesta hanya mampu mengeluarkan lebih kurang 100 tan sehari, jadi gapnya agak

besar dan kebimbangan saya ialah dengan pengeluaran yang lembap dan agak besar gap ini menyebabkan industri itu terbantut dan akan menyebabkan aliran pasir daripada negeri-negeri jiran. Itu yang pertama. Yang kedua, saya kurang setuju dengan cadangan YB. EXCO tadi untuk merobohkan jambatan. Saya kira bukan penyelesaian yang terbaik kalau tidak apakah lepas ni kita nak robohkan landasan kereta api? Jadi saya ingat kita kena ambil tindakan yang proaktif dan Dato' Menteri Besar telah menjelaskan tadi ada beberapa sebab mengapa perkara ini berlaku kerana laporan EIA itu mengambil masa mungkin dua atau tiga bulan. Jadi persoalan saya, apakah ada cara yang lebih efektif untuk memastikan EIA *report* ini dibuat secara menyeluruh di seluruh Negeri Selangor supaya masa yang akan datang, kita tak perlu ada 3 bulan gap ini sebelum pasir itu dikeluarkan. Maknanya kalau kita boleh adakan satu kajian secara menyeluruh di setiap daerah di Negeri Selangor ini supaya laporan itu diguna pakai dalam setiap kali kebenaran dikeluarkan untuk mengeluarkan pasir supaya isu alam sekitar ini kita pertahankan. Isu pemuliharaan kawasan-kawasan yang diterokai ini dijaga. *Rather than* setiap kali diteroka setiap kali kita nak tunggu 3 bulan baru boleh masuk dan keluarkan pasir. Saya pohon penjelasan, terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya bersetuju dengan pendapat tentang sikap kelambatan Kumpulan Semesta itu... Salah satu daripada sebabnya boleh jadi Kumpulan Semesta daripada segi keupayaan ijazah, dia bagus tetapi daripada segi pengalaman *business* pasir dia masih lagi *in the learning call*. Daripada pengalaman itu ini satu pengalaman yang kita mesti kongsi sebab, kita ingat *business* pasir ni senang aje, korek dapat.. banyak lagi lah faktor-faktornya. Jadi, saya berpendapat oleh sebab itulah EXCO sudah bersetuju kita tidak boleh tunggu Semesta lagi. Kita adakan pembukaan bagi kawasan-kawasan *private*, persendirian supaya dia pun bersama-sama mengeluarkan pasir secara tertib, cekap dan *transparent*. Jangan pula tak *transparent*. Jadi kita hendak buat tu, kita buat secara *transparent*. Saya rasa kita tidak perlu ada pergaduhan dan sebagainya *during that period of time*.

Saya setuju tentang konsep, kita tidak boleh merobohkan infrastruktur yang kita buat. Kita buat sama-samalah (ketawa) nanti kita takut sebab saya itu saya kadang-kadang biarkan pasal tak banyak Menteri Besar ni protes tentang orang curi pasir. Sebab *during that period* kita kena kaji dan kebanyakan kita tahu orang yang mencuri pasir ni kalau dia benar dapat pekerjaan ataupun kontrak yang munasabah dia berhenti curi pasir. Jadi kita *solved the problem* dan kebanyakan orang yang dapat kontrak daripada Semesta adalah mereka yang mempunyai lori untuk curi pasir. Tapi tak pe lah, itu yang kita mesti lakukan tapi kita jangan galakkan.

Kedua, saya dapati ramai yang membuat kerja-kerja curian pasir ni ialah terdiri daripada bekas ketua-ketua kampung, bukan orang sekarang... Dia yang tahu sehinggakan ada ketua kampung yang datang jumpa yang menyatakan; "Tan Sri macam mana orang yang dahulu dia dapat kontrak pasir saya tak dapat.." Jadi saya pun tak tahu nak jawab tentang perkara ini, tetapi itu saya nak beritahu kepada Kumpulan Semesta. Kalau kita dapat keuntungan kita boleh juga berikan geran kepada setiap kampung yang bersekitaran supaya kita dapat hadiahkan limpahan pembangunan. Jadi kita kena beri dia geranlah. Maknanya, supaya ketua-ketua kampung dan JKKK tu dapat gunakan duit untuk kebajikan. Kita perlu kena ada cara yang sesuai. Pada masa ini, kita kena buat cara tersebut supaya dapat senang tetapi Yang Berhormat dari Sekinchan faham ya. Kalau mahu untung jangan pakai sendiri sahaja. (Ketawa).

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tan Sri minta penjelasan sikit.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Berkenaan dengan cadangan Tan Sri tadi untuk membuka kalau boleh bagi geran kepada JKKK untuk korekan pasir. Saya amat bersetuju sebab dekat kawasan Rawang ada dua kawasan sungai yang telah di sebelah kampung sahaja yang telah ada banyak timbunan pasir disebabkan projek pembesaran sungai yang telah lama tertangguh dan timbunan pasir tu memang ada kat situ so dah tulis surat kepada Kumpulan Semesta tapi setakat ini tiada apa maklum balas jadi saya cuma nak tahu bila kah perancangan ini akan dilaksanakan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Kalau saya gunakan prinsip *off management*, saya *delegate* kepada saudara Yaakob Sapari sahajalah... Satu daripada kelemahannya ialah kita tak cekap. *Our reaction* tak cepat. Daripada kelemahan itu, maknanya dari mula bulan ini Eksko dapat *report* daripada saudara Yaakob Sapari *report* daripada Semesta tentang masalah kemudian kita ada apa yang disebut *One Eight Hundred Number* yang ada *tape* bukan *One Eight Hundred Number* tak ada *tape*. Maknanya, orang yang *complain* itu ada dalam *tape* tu. Jadi kekadang orang ada *complain* tapi dia dengar aje.. ye... ye.. tapi kita *tape* tu. Selepas itu kita taip dan *follow-up*. Jadi kita boleh lakukan dan saya minta dia rekrut orang untuk membuat perkara tersebut. Jadi maknanya *the complain cannot be erase*. Semua *complain tu cannot be erase*. Selepas tu, cara dia menyelesaikan, itu boleh kita..

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tan Sri, YAB. Tan Sri, saya nampak ni kalau Semesta ni kalau dia masih perlahan, lembap menjalankan aktiviti pasir ini adakah Tan Sri bersedia untuk membuat rombakan dalam Semesta ini supaya dia lebih efisien sikit.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Boleh, itu tak ada jadi masalah, saya boleh bincangkan dengan EXCO sebab dia sektor swasta. Jika *you don't performance*, itu tak jadi masalah bagi saya. Tetapi kalau jawatan kerajaan itu, saya nak bangkitkan lagi dua perkara sahaja. Pertama, saya faham ahli-ahli Dewan Negeri mengehendaki hasil kerja EXCO ni lebih bermakna. Tetapi kita mesti tahu *constraint* tu banyak daripada kerja tu. Jadi sokongan pegawai-pegawai pun ada kalanya tidak cukup. Ia boleh jadi begitu. Jadi saya memikirkan, saya ada berbincang dengan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Siti Munirah iaitu Pegawai Sumber Manusia untuk berbincang dengan setiap EXCO sebab EXCO mendapati antara masalahnya ialah semua pegawai sokongan datang daripada UPEN jadi tak ada *direct link*. Jadi dia perlu tentukan berapa ramai dan dia duduk di pejabat-pejabat EXCO sendiri sebagai kumpulan sokongan yang tahu selok belok *the so call government* birokrasi. Mohon maaf kerana kekadang borang tak hantar, lambat dan sebagainya. Jadi, selok belok itu, kita cuba aturkan supaya itu sebagai satu *step* yang paling pertama untuk membahagi tugas-tugas yang tertentu dan barulah kita dapat sendiri tahu. Tidak susah untuk ahli ADUN nak datang tengok EXCO: Tanya, telefon pula UPEN, telefon kewangan negeri, telefon sesiapa. Maknanya, itu adalah salah satu daripada banyak daripada sebab mengapa perkara ini agak berlaku. Sebenarnya, perkara ini sebelum ini boleh jadi EXCO tidak perlu banyak kerja tetapi saya tak tahu. Namun, saya tahu pasal kerja memang banyak lah. Kedua, saya nak bangkitkan masalah yang dibangkitkan oleh Sungai Pinang mengenai ...

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Sg. Panjang...maaf.. Sg. Panjang tak panjang ni... Jumlah yang 400 ribu untuk kita gunakan membayar *Task Force* Tanah ni. Jumlah ini saya nak katakan tidak sejauh mana sebab Kerajaan Negeri sebelum ini sudah menggunakan sebanyak hampir 17 juta dari tahun 2006 ke Disember 2008. 17 juta digunakan....untuk perbelanjaan Untuk memikir apa semua dan input mengenai pelaksanaan SPIES ini kepada INMIND dan untuk buat kajian perkhidmatan kajian pengumpulan data maklumat pertanian Daerah Sabak

Bernam yang dibuat oleh INMIND. Mereka caj 22,600 ringgit. Saya baca *papernya*. Sebagai seorang bekas pensyarah.. dia tak adalah,, tak sampai ke peringkat yang boleh dibayar.. jadi maknanya itu.. sebab *Task Force* Tanah memberikan banyak cadangan tentang tanah ini... sebab kita tak laksanakan.. mengapa kita tidak laksanakan...sebab kita takut berbelanja banyak. Sebab cadangan *Task Force* Tanah ialah memecahkan Pejabat Daerah kepada 2 fungsi. Satu Pejabat Daerah untuk jaga daerah dan satu lagi macam Pegawai Daerah tetapi *in-charge* pasal tanah.. Apabila kita pecahkan kosnya bertambah . Oleh sebab itu kita tidak mula nak laksanakan lantaran banyak lagi perkara yang kita nak laksanakan. Oleh sebab itu saya *differ* tapi kita akan bincangkan. Kita boleh masukkan dalam bajet 2010 untuk menyelesaikan masalah ini.

Banyak cadangan mereka tetapi nak mengatakan Kerajaan Negeri boros, saya ingat kita tak seboros. Saya ingat Selat Klang kalau dapat bajet macam ini *over spies* lah ni. Jadi saya rasalah itu sebab saya nak tunjukkan kepada mereka kita tidak... sampai sahaja Pakatan Rakyat memerintah kita *cut off* tak ada.. itu tak ada.. itu sebab dan saya tidak bangkitkan perkara ini sebagai seorang profesional saya tak bangkitkan tapi apabila dia *start* bangkitkan 400 ribu, dia tanya tu.. saya mula tunjukkan, kalau tidak ada pada saya.. okay dah habis.. Habislah nak membangkitkan tentang perkara-perkara menjimatkan kos dan sebagainya. Pada saya itu salah satu daripada tanggungjawab kita.

Jadi, saya mintalah. Tetapi malangnya Tuan Speaker sudah memberikan hukuman yang betul juga tapi.. yang betul,, tapi dan saya harap yang lain tu boleh datang dan bersama-sama mengadakan perbincangan, ini mengikut *spirit* ataupun yang kita usahakan supaya konsep 50 tahun dalam Dewan ini diteruskan. Saya harap ini direkodkan, dan saya nak mengingatkan rakan-rakan Ahli Dewan Negeri supaya menggunakan Dewan ini dengan sebaik-baiknya sebagai alat untuk rakyat menyediakan tempat wakil-wakilnya untuk datang berbincang. Saya harap penjelasan saya ini memberikan beberapa sedikit makna kepada semua... silakan..

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker, saya takut Dato' Menteri Besar habis menggulung sebab sebelum YAB Dato' Menteri Besar menyentuh soal yang terakhir tadi, soal *Task Force* Tanah, Yang Amat Berhormat ada menyentuh soal keperluan untuk memperkasakan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya lebih efektif dan berkesan dan saya kira jawapan ringkas Dato' Menteri Besar itu ada hubung kait dengan sedikit teguran saya dalam perbahasan dan saya mengambil peluang itu Dato' Menteri Besar atas semangat Dato' Menteri Besar tunjukkan bahawa dewan ini harus digunakan sebaik mungkin untuk memperkasakan dan mengembalikan negara hukum dan prinsip demokrasi dan saya berdiri pada hari itu untuk membawa sedikit luahan daripada rakyat supaya Kerajaan Pakatan Rakyat ini bertambah kuat. Saya sayang kerajaan ini dan saya mendukung kepimpinan Dato' Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri tetapi saya kira sekiranya ada teguran dan pandangan-pandangan daripada rakyat harus kita bahaskan secara terbuka dan sebenarnya perkara rombakan EXCO Kerajaan Negeri itu bukan satu komponen yang besar dalam perbahasan saya, hanya di penghujung saya.. mungkin mencetuskan sedikit kontroversi yang menyebabkan Kinrara agak marah sedikit dengan saya tapi saya faham dia pun sahabat saya.. saya taklah mengambil hati sangat cuma saya kira Ahli-ahli EXCO harus mengambil sikap yang terbuka ya.. itu penting dan saya kira dalam perkara ini seperti yang dikatakan oleh DUN Sri Setia dalam kenyataannya bahawa ianya memberikan isyarat kepada kita semua untuk melakukan sesuatu. Tuan Speaker saya nak nyatakan secara ikhlas sebaik sahaja saya menyampaikan perbahasan pada hari itu saya mendapat satu dokongan yang cukup besar daripada pegawai-pegawai kerajaan dan penegasan Dato' Menteri Besar tadi supaya Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini dapat memberikan khidmat yang terbaik harus disokong tetapi saya mencadangkan supaya EXCO Kerajaan Negeri ini harus menjalin hubungan yang cukup baik dengan Ketua-

ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri di peringkat Negeri dan juga peringkat Daerah kerana saya bimbang kalau ada keputusan-keputusan yang telah dibuat di peringkat mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tetapi apabila pegawai hendak melaksanakan ada gangguan, ada bantahan daripada EXCO ianya menyebabkan tidak ada hubungan yang baik di antara Pegawai Kerajaan Negeri dan juga Ahli EXCO Mesyuarat Kerajaan Negeri sebab itulah saya merasakan penting untuk saya berdiri di sini, saya bukan pembangkang, jangan bimbang saya tidak akan wujudkan kerajaan perpaduan dengan Sg. Panjang jadi Kinrara jangan bimbang, saya taat dan setia kepada perjuangan Pakatan Rakyat dan saya mahu semangat muafakat dalam Pakatan Rakyat di kalangan DAP, PAS dan KEADILAN dipertahankan dan kita di sini mempunyai amanah yang besar untuk dibawa bersama-sama mendukung dasar Dato' Menteri Besar. Terima kasih Tuan Speaker.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya mengambil masa sedikit sahaja..... saya berterima kasih kepada Bukit Antarabangsa kerana usaha beliau untuk memartabatkan Dewan dan supaya dewan ini menjadi tempat perbahasan kita bersama-sama.. ini perbahasan memang biasa sepanjang yang saya tahu yang pernah saya dengar di perbahasan di Canberra di Australia, dia punya perbahasan lebih garang daripada yang ada sekarang ini terlalu tertib.. Tetapi perkara yang kedua.. saya ada sediakan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa dan beberapa rakan tentang satu daripada usaha untuk memperkasakan Ahli Majlis dalam PBT iaitu satu usaha yang sangat baik untuk kita sebab PBT merupakan barisan pertama kita dengan masyarakat. Tetapi untuk itu saya cadangkanlah supaya sekarang kita berjumpa dengan rakyat supaya rakyat bukan sahaja mempercayai kita dan menaruh kepercayaan sehinggakan dia boleh memasukkan pelaburan mereka. Kalau kita nak membuat konsep Baitulmal untuk masyarakat Selangor, maknanya dia percaya kepada kita. Kalau untuk memberi kepercayaan kepada kita maka menjadi tanggungjawab kita memilih ahli-ahli kita dengan cara yang terbaik supaya masyarakat juga percaya kepada kita.

Ada beberapa konsep boleh kita gunakan. Antaranya, tiap-tiap Ahli Majlis itu mestilah ada keupayaan, yang saya ringkaskan kepada 4. Pertama, dia punya *capability*, dia punya calon itu mesti *capable* kalau tidak kita tidak dapat ... *capability* maknanya kemampuan untuk memberi perkhidmatan. Ada setengah calon dia *capable* tapi dia tak ada masa.. Kalau tak ada masa tak boleh juga sebab ini .. ada juga .. Kedua, tentang *capacity*.. *capacity* dia. Maknanya *capable* tu..dia seorang doktor, dia seorang *engineer* tapi *capacity* maknanya dia tak ada masa. Kalau dia tak ada masa bagaimanakah dia nak lakukan. Apakah.. ada setengah pula dia pensyarah, dia *capable* tapi tak ada masa nak lakukan. Jadi kalau *capability* ada, tetapi *capacity* tak ada tak boleh juga. Ketiga, ialah karakter sebab karakter yang kita bawa dalam Pakatan Rakyat ini yang *is very transparent*. Karakter bertanggungjawab, *transparent*. Saya ingatkan Ahli Majlis kalau ada *conflict of interest* maknanya kita kalah.. kita kalah. Dahulu yang kita katakan kumpulan daripada sana yang jadi Ahli Majlis, dia tak hormat langsung *conflict of interest* .. Dia yang tukang ber kontrak, dialah tukang campur kontrak semua, tak ada hormat langsung. Jadi itu bezanya, kalau kita nak jadi macam itu maknanya kita habislah, maknanya tak ada bezanya. Sebab itu kita mesti ada konsep *conflict of interest* tu. Maknanya *the character*. Jadi, kalau dia datang sebagai Ahli Majlis tu kerana nak datang nak buat *business*, kita kata boleh, tetapi *you* jangan jadi Ahli Majlis. Jadi, bukan senang nak cari orang yang tiada *conflict of interest*. Tetapi kita bertanggungjawab tentang perkara itu.

Akhirnya *we must be co-operation*, orang boleh *co-operate*, *there must be a team player*, dia ada tempat, *that means you must have adequate character*, yang tujuannya untuk kebajikan ...dan ....kalau dia *dentist*...dia tak ada kena-mengena dengan bisnes dalam....eer...dalam PBT...*character* dia bagus, dan dia juga *capable*....tapi *capable* aje tak cukup, *he must have the time, the capacity* dan akhir sekali *he must be cooperative*. *Cooperative* maknanya dia

sebagai *team player*....bukan *one*....jadi kalau kita *pass this test*, siapa pun yang menjadi Ahli Majlis, dia boleh berjaya. Dan rakyat percaya kepada kita. Sekarang rakyat yang "*complaint*" kepada saya...sebab itu saya minta maaf....saya....ee.."complaint"...dia kata *you are not giving the capable people*, dia duduk jauh daripada sini...dan saya tak pernah jumpa dia, maknanya...*I said it's a good "chap"....he's a Professor....Professor* tapi dia tak datang *then* maknanya *he is capable, we don't question his capability*....kita tidak...maaf...aa.kita tak soalkan...kebolehan dia tapi soalnya dia punya capacity untuk.....keupayaan dia untuk buat tu...jadi kalau kita *pass before test*, jadi lepas tu dia wakil kita, maknanya kita dapat satu pasukan yang mantap. Itu sebab saya mintalah.....minta kita sama-sama....sebab kita nak jadikan Selangor ini *different*..kita *very different*....*very different*...maknanya kita *transparence*, kita *accountable*...kita buat. Dan banyak yang kita lakukan hari ini ...kita bincangkan hari ini...tidak pernah dibincangkan 50 tahun..aa...selama ini...aa....saudara kita dari Sekinchan dia tahu berapa lama kita ada perbincangan...aaa...saudara daripada...Y.B. dari Sekinchan nak cakap 20 minit aje dah...dah...dah dia punya...aa..saya tak boleh cerita pasal Speaker lah.....(*laughing*) ...tapi saya nak beritahulah...itu keadaan...jadi kita membuat satu perubahan yang sangat besar.

Saya berharap kita gunakan konsep itu dalam usaha kita...jadi tak ada...kalau orang nak persoalkan, kita ada "*base*". Walaupun dia mewakili KEADILAN, dia mewakili..ee..ee..DAP....dia juga mewakili PAS, dia mewakili keupayaan empat perkara itu sudah ada. Jadi kita megah dia wakil kita dalam PBT ini. Jadi saya harap kita mula bersama-sama memikirkan perkara ini....dan YB Bukit Antarabangsa mahukan satu tahap yang sampai begitu...itu maknanya susah....susah nak cari tapi kita akan cuba.....

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Y.A.B. Kita nampak memang aah....keperluan yang disebutkan *capacity, capability, character* dan *cooperation* semuanya ...memang...yah....ia boleh jadi satu ....boleh senaraikan KPI-KPI yang diperlukan oleh....aa...pada seseorang Ahli Majlis dan juga sama juga untuk....aaa.....Ahli Dewan Undangan dan juga untuk EXCO sama-sama. Jadi sekarang masalahnya kita hendakkan ahli-ahli yang sebegitu. Mungkin kita boleh adakan "SPIES-SPIES" banyak-banyak kali, *over SPIES* pun tak apa...ya....tapi akhirnya ...ya....kelemahan manusia itu memang wujud ...ya...dan juga masalah akan timbul ...hanya dengan satu sistem pemantauan yang di mana kita ada....sistem ini yang boleh ada "*check and balance*" dengan izin...ya....yang mana sistem ini memastikan kualiti pada ahli-ahli kita memang wujud, kalau tak ada kita ambil tindakan. Sistem ini wujud kalau kita hanya dengan baik hati ...ya...adakan "SPIES" sekali, dua kali, tiga kali, empat kali dan juga pujuk-pujukan, tidak akan jadi. Dalam sistem kerajaan kita kena ada ...ya...suatu sistem di bawah pemantauan , jika tidak mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki mintak dia bagi laluan. Sekian terima kasih...

**YAB DATO MENTERI BESAR:** Saya setuju. Sebab itulah saya nak mula melaksanakan ini....Ini kerana untuk memberitahu kita bahawa ...a.aa....kumpulan kita ada meminta...aa..apa tu...standard yang sebegitu. Kalau itu kita boleh lakukan kita juga minta YDP, Pegawai-pegawai Kerajaan mempunyai standard yang sebegitu. Saudara pilih....saya harap saudara pilih EXCO *base on that four characters....capacity, capability and cooperation* dan juga ...aa...aa...*character* yang kita ada....saya harap. Jadi dengan cara itu kita ...setiap kali kita dapat bekerjasama dan bekerja sebagai satu pasukan. Itu sebab saya haraplah ini kita mesti ..... sebab saya takut....esok rakyat mempersoalkan kita, kita jawab.....mesti ada silapnya...mesti ada kesalahannya. Tetapi asas kita betul , asas kita...aaa....untuk mencari satu asas ....saya rasa yang lebih baik. Lebih baik daripada Barisan Nasional yang 50 tahun.....Dia tidak boleh serupa dengan apa yang kita lakukan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang ke-2 sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan negeri tahun 2009 dan memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maka dengan ini dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok, 14 hb. Julai 2009, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 5.40 petang )**